

**KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL TERHADAP PELAKSANAAN
PRODUCTION BASED EDUCATION
DI KOLEJ KEMAHIRAN TINGGI MARA
DAN INSTITUT KEMAHIRAN MARA**

MOHD NAWAWI BIN OMAR

**INSTITUT KEPIMPINAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2016

**KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL TERHADAP
PELAKSANAAN *PRODUCTION BASED EDUCATION*
DI KOLEJ KEMAHIRAN TINGGI MARA
DAN INSTITUT KEMAHIRAN MARA**

MOHD NAWAWI BIN OMAR

**TESIS DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**INSTITUT KEPIMPINAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2016

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama : Mohd Nawawi bin Omar

No. Matrik : YHA 120004

Nama Ijazah : Ijazah Doktor Falsafah

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL TERHADAP PELAKSANAAN *PRODUCTION BASED EDUCATION* DI KOLEJ KEMAHIRAN TINGGI MARA DAN INSTITUT KEMAHIRAN MARA

Bidang Penyelidikan : Kepimpinan dan Kepengetuaan

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

1. Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
2. Hasil Kerja ini adalah asli;
3. Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan jelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/ penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil kerja ini;
4. Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabunya tahu bahawa penghasilan hasil Kerja ini melanggar satu hak cipta yang lain;
5. Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hak cipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (‘UM’) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hak cipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
6. Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon: _____

Tarikh: 1/4/2016

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi : _____

Tarikh: 3/4/2016

Nama : Prof. Madya Dr. Suria bt. Baba

Jawatan : Pensyarah / Penyelia

ABSTRAK

Kajian tinjauan menggunakan kaedah kuantitatif ini bertujuan untuk meneroka dan menghuraikan tahap kepimpinan instruksional yang mengandungi tiga dimensi iaitu mendefinisi misi KKTM dan IKM, mengurus program instruksional dan mewujudkan iklim pembelajaran positif, lima aspek tahap kesediaan pensyarah iaitu aspek keusahawanan, memahami konsep PBE, kemahiran teknikal, inovasi dan kemahiran insaniah dan tahap pelaksanaan program *production based education* (PBE) di Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) dan Institut Kemahiran MARA (IKM). Kajian ini juga bertujuan untuk melihat samada tahap kesediaan pensyarah merupakan perantara (mediator) di antara kepimpinan instruksional sebagai pembolehubah tidak bersandar (IV) dengan pelaksanaan program PBE sebagai pembolehubah bersandar (DV). Model kepimpinan instruksional Hallinger dan Murphy (1985) yang mempunyai tiga dimensi digunakan bagi merekabentuk kerangka konseptual kajian. Responden kajian terdiri daripada seramai 351 orang pensyarah KKTM dan IKM seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.. Tatacara pengumpulan data adalah melalui soal selidik sebagai instrumen kajian, manakala penganalisaan data dianalisa dengan menggunakan perisian *Statistical Packages for the Social Sciences (SPSS) versi 20*. Ujian statistik deskriptif seperti skor min, sisihan piaawai dan peratusan digunakan untuk mengukur tahap kepimpinan instruksional, tahap pelaksanaan program PBE dan tahap aspek kesediaan pensyarah melaksanakan program PBE di KKTM dan IKM. Ujian statistik inferensi seperti ujian kolerasi dan ujian regresi pelbagai digunakan untuk mengetahui samada aspek kesediaan pensyarah merupakan perantara (mediator) dalam kajian ini. Manakala ujian T, Anova satu hala dan Tukey Post Hoc digunakan untuk menganalisa perbezaan yang signifikan di antara Kepimpinan Instruksional, Kesediaan Pensyarah, Perlaksanaan

PBE mengikut demografi pensyarah KKT dan IKM. Dapatan kajian menunjukkan tahap kepimpinan instruksional terhadap pelaksanaan program PBE di KKT dan IKM adalah tinggi ($N=4.28$, $SD=0.61$), tahap pelaksanaan program PBE juga tinggi dengan nilai skor min 3.99 dan sisihan piawai 0.86 dan tahap kesediaan pensyarah melaksanakan program PBE di KKT dan IKM adalah pada tahap tinggi ($N=4.26$, $SD=0.52$). Dapatan kajian menunjukkan dimensi pertama KI merupakan dimensi paling dominan ($N=4.30$, $SD=0.59$), manakala aspek kemahiran teknikal merupakan aspek paling tinggi dan paling dominan ($N = 4.47$, $SD = 0.55$) bagi tahap aspek kesediaan pensyarah terhadap pelaksanaan program PBE di KKT dan IKM. Dapatan kajian ini juga menunjukkan aspek kesediaan pensyarah merupakan perantara (mediator) di antara kepimpinan instruksional pengaruh dengan pelaksanaan program PBE di KKT dan IKM. Justeru, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kepimpinan instruksional pengaruh dan aspek kesediaan pensyarah adalah di antara faktor utama yang menyumbangkan kepada kejayaan dan keberkesanan pelaksanaan PBE di KKT dan IKM.

ABSTRACT

This quantitative research using survey aims to explore and describe the level of instructional leadership that has three dimensions: defining the mission of MARA Higher Technical College (KKTm) and MARA Technical Institute (IKM), managing the instructional program and creating positive learning environments. There are five aspects of the lecturer's readiness: entrepreneurial aspects, understanding the concept of PBE, technical skills, innovation and human skills, and the level of implementation of production based education program (PBE) in the KKTm and IKM. This study also aims to view whether the readiness of lecturers is a mediator between instructional leadership as the independent variable (IV) and the implementation of the PBE program as the dependent variable (DV). Instructional leadership model by Hallinger and Murphy (1985) comprising the three dimension of managing instructional program was used to develop the conceptual framework of the study. The respondents consisted of a total of 351 lecturers of KKTm and IKM throughout Peninsular Malaysia and Sabah Sarawak. The procedure of collecting data is through questionnaires as instrument, while the data were analysed using Statistical Packages for the Social Sciences (SPSS) version 20. Descriptive tests such as mean, standard deviation and percentage were used to measure the level of instructional leadership, the level of implementation of PBE program and the level of lecturer's readiness to perform PBE program at KKTm and IKM. Inferential statistical tests such as correlation test and regression test were used to determine the aspects of the lecturer's readiness a mediator. While the T test, one-way ANOVA and Tukey Post Hoc were used to analyse the significant difference between Instructional Leadership, Willingness of lecturer, Readiness of Lecturer in the Implementation of PBE program according to demographic factors of lecturers of

KKTM and IKM. The findings show that the level of instructional leadership implementation of PBE program at KKTM and IKM is high ($N = 4.28$, $SD = 0.61$), the level of implementation of the PBE program is also high with the mean of 3.99 and standard deviation is 0.86 while the readiness of lecturers in implementing PBE program at KKTM and IKM is high ($N = 4.26$, $SD = 0.52$). The findings also show that the first dimension of KI is the most dominant ($N = 4.30$, $SD = 0.59$), while the aspect of technical skills is the highest and most dominant ($N = 4.47$, $SD = 0.55$) for the level of readiness of lecturers in PBE program implementation at KKTM and IKM. This study also demonstrates that the willingness of lecturers is a mediator between instructional leadership and the PBE program implementation at KKTM and IKM. These findings indicate that instructional leadership program and willingness of lecturers are the main factors that contributed to the success and effectiveness of the implementation of the PBE program at KKTM and IKM.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W

Alhamdulillah segala puji dan syukur kehadrat Illahi atas limpah dan izin-Nya, tesis ini telah dapat disempurnakan dengan jayanya. Sekalung budi selingkar kasih diucapkan khas kepada Dr. Sathiamoorthy a/l Kannan dan Prof. Madya Dr. Suria Binti Baba selaku penyelia kajian ini termasuk Prof. Madya Dr. Muhammad Faizal bin Abd. Ghani selaku pemeriksa dalaman Universiti Malaya yang begitu tekun dan sabar membimbing, menunjuk ajar, memberi panduan serta pandangan kepada saya sepanjang tempoh menyiapkan tesis ini. Semoga segala usaha dan budi baik yang diberikan akan mendapat keberkatan dan rahmat daripada-Nya.

Penghargaan dan jutaan terima kasih yang tidak terhingga juga diucapkan kepada Pengarah, Timbalan Pengarah, semua Pensyarah, Penolong Pendaftar dan semua staf sokongan di Institut Kepimpinan Pendidikan, Universiti Malaya yang telah mencerahkan ilmu serta memberi nasihat yang berguna sepanjang pengajian saya di sini. Jasa baik tuan-puan akan sentiasa saya kenang hingga ke akhir hayat.

Rakaman terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan khas buat pengarah, pensyarah dan staf sokongan KKT dan IKM kajian serta rakan-rakan seperjuangan, pelajar Ph.D yang telah bekerjasama sama ada secara langsung atau tidak langsung membantu, membimbing, berkongsi idea sepanjang pengajian di UM dan juga membantu menyiapkan tesis kajian ini.

Buat ayahanda dan bonda serta kaum keluarga yang sentiasa membantu serta menyokong saya, jutaan terima kasih atas segala pertolongan yang diberi. Teristimewa

untuk isteri tercinta, Hajjah Salwa bt. Abdul Rahman serta anak-anakku Ummu ‘Athirah, Aisyatul ‘Aqilah, Ummu ‘Athiyah, Muhammad Nasa’i dan Aisyatul Athifah terima kasih atas pengorbanan, kesabaran, semangat, inspirasi serta doa yang diiringi bagi saya menjayakan pengajian dan menyiapkan tesis Ph.D ini.

Sekian, Wassalam.

MOHD NAWAWI BIN OMAR

YHA120004

Institut Kepimpinan Pendidikan (IKP)

Universiti Malaya

2016

ISI KANDUNGAN

Halaman

HALAMAN TAJUK

PENGAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vii
JADUAL KANDUNGAN	ix
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI JADUAL	xvii
SENARAI SINGKATAN	xxii
SENARAI LAMPIRAN	xxiv

BAB 1: PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Penyataan Masalah	6
1.4 Objektif Kajian	10
1.5 Soalan Kajian	11
1.6 Kepentingan Kajian	12
1.7 Kerangka Konseptual Kajian	13
1.8 Batasan Kajian	19
1.9 Definisi Operasional	20
1.9.1 Kepimpinan	20
1.9.2 Kepimpinan Instruksional	21
1.9.3 Kolej Kemahiran Tinggi MARA	22

1.9.4	Institut Kemahiran MARA	24
1.9.5	Pengarah	24
1.9.6	<i>Production Based Education (PBE)</i>	25
1.9.7	Inovasi	25
1.9.8	Kemahiran Teknikal	26
1.9.9	Kemahiran Insaniah	26
1.9.10	Keusahawanan	26
1.9.11	Kesediaan Pensyarah	27
1.9.12	Perantara (<i>Mediator</i>)	28
1.10	Kesimpulan	29

BAB 2: TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	30
2.2	Kepimpinan	32
2.3	Kepimpinan Instruksional	34
2.4	Model kepimpinan instruksional Hallinger dan Murphy (1985)	35
2.5	<i>Production Based Education (PBE)</i>	44
2.6	Program <i>School Enterprise</i>	50
2.7	Kesediaan Institusi melaksanakan program PBE	52
2.8	Kesediaan pensyarah melaksanakan PBE	53
2.9	Kesimpulan	54

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	55
3.2	Reka Bentuk Kajian	56

3.3	Pemilihan Tempat dan Responden Kajian	58
3.3.1	Tempat Kajian	58
3.3.2	Responden Kajian	59
3.4	Instrumen Kajian	62
3.5	Kajian Rintis	64
3.5.1	Ujian kesahan instrument soal selidik KI	67
3.5.2	Nilai <i>Cronbach's Alpha</i> tahap kepimpinan instruksional pengarah	68
3.5.3	Nilai Cronbach's Alpha pelaksanaan program PBE	73
3.5.4	Nilai Cronbach's Alpha kesediaan pensyarah	75
3.6	Tatacara Pengumpulan Data	82
3.7	Tatacara Penganalisisan Data	82
3.8	Kesimpulan	84

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	85
4.2	Profil Demografi Responden	87
4.2.1	Profil Demografi Responden Keseluruhan	87
4.2.1.1	Taburan Mengikut Bilangan responden	87
4.2.1.2	Taburan Mengikut Jantina	89
4.2.1.3	Taburan Mengikut Umur	89
4.2.1.4	Taburan Responden Mengikut Kelayakan Akademik	89
4.2.1.5	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	90
4.2.1.6	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Bekerja di Industri	90

4.2.2	Profil Demografi Responden KKTM	91
4.2.2.1	Taburan Mengikut Jantina	92
4.2.2.2	Taburan Mengikut Umur	92
4.2.2.3	Taburan Responden Mengikut Kelayakan Akademik	92
4.2.2.4	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	93
4.2.2.5	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Bekerja di Industri	93
4.2.3	Profil Demografi Responden IKM	94
4.2.3.1	Taburan Mengikut Jantina	95
4.2.3.2	Taburan Mengikut Umur	95
4.2.3.3	Taburan Responden Mengikut Kelayakan Akademik	95
4.2.3.4	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	96
4.2.3.5	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Bekerja di Industri	97
4.3	Dapatan Kajian	97
4.3.1	Apakah tahap amalan kepimpinan instruksional pengarah terhadap pelaksanaan program PBE di KKTM dan IKM?	98
4.3.1.1	Dimensi 1: Mendefinisi misi KKTM / IKM	100
4.3.1.2	Dimensi 2: Mengurus program instruksional	104
4.3.1.3	Dimensi 3: Mewujudkan iklim pembelajaran positif	109
4.3.2	Apakah tahap pelaksanaan program PBE di KKTM dan IKM?	114
4.3.3	Apakah dimensi kepimpinan instruksional pengarah yang paling dominan terhadap pelaksanaan PBE di KKTM dan IKM?	118

4.3.4 Apakah tahap aspek kesediaan pensyarah dalam melaksanakan program PBE di KKTm dan IKM?	120
4.3.4.1 Aspek 1:Keusahawanan	122
4.3.4.2 Aspek 2:Memahami Konsep PBE	126
4.3.4.3 Aspek 3:Kemahiran Teknikal	128
4.3.4.4 Aspek 4:Inovasi	132
4.3.4.5 Aspek 5:Kemahiran Insaniah	133
4.3.5 Apakah aspek kesediaan pensyarah yang paling dominan dalam melaksanakan program PBE di KKTm dan IM?	135
4.3.6 Adakah kesediaan pensyarah menjadi perantara bagi perhubungan antara kepimpinan instruksional dengan pelaksanaan program PBE di KKTm dan IKM?	137
4.3.6.1 Kaedah korelasi dan analisa regresi antara KI dan PBE	144
4.3.6.2 Kaedah korelasi dan analisa regresimantara KI dan KP	145
4.3.6.3 Kaedah korelasi dan analisa regresi kesediaan pensyarah terhadap KI dan PBE	146
4.3.7 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara Kepimpinan Instruksional, Kesediaan Pensyarah, Perlaksanaan PBE mengikut demografi pensyarah KKTm dan IKM?	149
4.3.7.1 Kaedah Ujian-T terhadap KI, KP dan Perlaksanaan PBE mengikut jantina.	149
4.3.7.2 Kaedah Ujian ANOVA sehala terhadap KI, KP dan Perlaksanaan PBE mengikut umur.	150
4.3.7.3 Kaedah Ujian ANOVA sehala terhadap KI, KP dan Perlaksanaan PBE mengikut kelayakan akademik.	152

4.3.7.4	Kaedah ANOVA sehala terhadap KI, KP dan Perlaksanaan PBE mengikut pengalaman mengajar.	154
4.3.7.5	Kaedah ANOVA sehala terhadap KI, KP dan Perlaksanaan PBE mengikut pengalaman bekerja di industri.	156
4.4	Kesimpulan	159

BAB 5: PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	162
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	163
5.2.1	Tahap amalan KI Pengarah KKT dan IKM	164
5.2.1.1	Dimensi 1: Mendefinisi misi KKT dan IKM	164
5.2.1.2	Dimensi 2: Mengurus program instruksional	167
5.2.1.3	Dimensi 3: Mewujudkan iklim pembelajaran positif	168
5.2.2	Tahap pelaksanaan program PBE di KKT dan IKM	170
5.2.3	Dimensi kepimpinan instruksional pengarah yang paling dominan terhadap pelaksanaan program PBE	171
5.2.4	Tahap aspek kesediaan pensyarah dalam melaksanakan program PBE di KKT dan IKM	173
5.2.4.1	Aspek 1: Keusahawanan	173
5.2.4.2	Aspek 2: Memahami Konsep PBE	174
5.2.4.3	Aspek 3: Kemahiran Teknikal	175
5.2.4.4	Aspek 4: Inovasi	177
5.2.4.5	Aspek 5: Kemahiran Insaniah	179
5.2.5	Aspek kesediaan pensyarah yang paling dominan dalam melaksanakan program PBE di KKT dan IKM	180

5.2.6	Adakah kesediaan pensyarah menjadi perantara bagi perhubungan antara kepimpinan instruksional dengan pelaksanaan program PBE di KKTm dan IKM?	182
5.2.7	Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara KI, KP Dan Perlaksanaan PBE mengikut demografi pensyarah?	185
5.2.7.1	Perbezaan yang signifikan antara KI, KP dan Perlaksanaan PBE mengikut jantina.	185
5.2.7.2	Perbezaan yang signifikan antara KI, KP dan Perlaksanaan PBE mengikut umur.	186
5.2.7.3	Perbezaan yang signifikan antara KI, KP dan Perlaksanaan PBE mengikut kelayakan akademik.	187
5.2.7.4	Perbezaan yang signifikan antara KI, KP dan Perlaksanaan PBE mengikut pengalaman mengajar.	188
5.2.7.5	Perbezaan yang signifikan antara KI, KP dan Perlaksanaan PBE mengikut pengalaman bekerja di industri.	189
5.3	Implikasi kajian	190
5.3.1	Implikasi Model Kajian	190
5.3.2	Implikasi Kandungan Model	191
5.3.3	Implikasi kepada KKLW, MARA, KKTm dan IKM	192
5.3.4	Implikasi kepada pensyarah	194
5.3.5	Implikasi pelaksanaan Program PBE	196
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	199
5.5	Penutup	201
	RUJUKAN	203

SENARAI RAJAH

Rajah	Halaman
1.1 Kerangka konseptual Kajian	14
2.1 Model kepimpinan instruksional Hallinger dan Murphy (1985)	38
4.1 Konsep Perantara (<i>Mediator</i>)	138
4.2 KP sebagai perantara (M) perhubungan antara Ki dan PBE	139
4.3 Analisa Ujian Sobel untuk signifikan bagi perantara	143
5.1 Konsep Perantara (<i>Mediator</i>) Kajian PBE	182
5.2 Konsep Pelaksanaan PBE	196

SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
1.1 Model Kepimpinan Instruksional Hallinger dan Murphy (1985)	17
3.1 Taburan KKTM dan IKM yang telah beroperasi mengikut negeri di Malaysia	59
3.2 Taburan bilangan program, pengarah dan pensyarah KKTM dan IKM	60
3.3 Taburan bilangan responden kajian	61
3.4 Bilangan item soal selidik	63
3.5 Taburan responden kajian rintis	66
3.6 Analisa kolerasi instrumen kepimpinan instruksional	67
3.7 Analisa nilai kebolehpercayaan <i>Cronbach's Alpha</i> kajian rintis kepimpinan instruksional pengarah	68
3.8 Nilai <i>Cronbach's Alpha</i> kebolehpercayaan bagi instrumen soal selidik kepimpinan instruksional pengarah bagi dimensi 1 iaitu mendefinisi misi KKTM / IKM	70
3.9 Nilai <i>Cronbach's Alpha</i> kebolehpercayaan bagi instrumen soal selidik kepimpinan instruksional pengarah bagi dimensi 2 iaitu mengurus program instruksional	71
3.10 Nilai Cronbach's Alpha kebolehpercayaan bagi instrumen soal selidik KI pengarah bagi dimensi 3 iaitu mewujudkan iklim pembelajaran positif	72

3.11	Analisa nilai <i>Cronbach's Alpha</i> kajian rintis bagi pelaksanakan program PBE	74
3.12	Analisa nilai <i>Cronbach's Alpha</i> kajian rintis bagi aspek kesediaan pensyarah KKT dan IKM melaksanakan program PBE	75
3.13	Analisa nilai kebolehpercayaan <i>Cronbach's Alpha</i> kajian rintis bagi aspek keusahawanan pensyarah melaksanakan program PBE	76
3.14	Analisa nilai kebolehpercayaan <i>Cronbach's Alpha</i> kajian rintis bagi aspek memahami konsep PBE pensyarah melaksanakan program PBE	77
3.15	Analisa nilai kebolehpercayaan <i>Cronbach's Alpha</i> kajian rintis bagi aspek kemahiran teknikal pensyarah melaksanakan program PBE	78
3.16	Analisa nilai kebolehpercayaan <i>Cronbach's Alpha</i> kajian rintis bagi aspek inovasi pensyarah melaksanakan program PBE	81
3.17	Ringkasan tatacara penganalisaan data kajian	83
4.1	Taburan maklumat demografi keseluruhan responden kajian	88
4.2	Taburan maklumat demografi responden KKT kajian	91
4.3	Taburan maklumat demografi responden IKM kajian	94
4.4	Julat skor min dan interpretasi tahap	98

4.5	Analisa deskriptif dimensi amalan Kepimpinan Instruksional	98
4.6	Analisa tahap dimensi KI	99
4.7	Analisa item Dimensi 1: Mendefinisi misi KKTm dan IKM	101
4.8	Analisa item Dimensi 2: Mengurus program instruksional	105
4.9	Analisa item Dimensi 3: Mewujudkan iklim pembelajaran positif	109
4.10	Analisa item pelaksaan program PBE	114
4.11	Analisa deskriptif dimensi Kepimpinan Instruksional	118
4.12	Analisa deskriptif aspek kesediaan pensyarah	120
4.13	Analisa tahap aspek KP	121
4.14	Analisa item aspek 1: Keusahawanan	123
4.15	Analisa item aspek 2: Memahami Konsep PBE	126
4.16	Analisa item aspek 3: Kemahiran Teknikal	129
4.17	Analisa item aspek 4: Inovasi	132
4.18	Analisa item aspek 5: Kemahiran Insaniah	134
4.19	Analisa deskriptif aspek kesediaan pensyarah	136
4.20	Analisa korelasi antara KI dan PBE	139
4.21	Ujian ANOVA sehala	140
4.22	Analisa regresi hubungan antara KI dan KP	141
4.23	Analisa regresi hubungan antara KP dan PBE	142
4.24	Analisa korelasi antara KI dan PBE	144
4.25	Analisa regresi antara KI dan PBE	144

4.26	Analisa korelasi antara KI dan kesediaan pensyarah	145
4.27	Analisa regrasi antara KI dan kesediaan pensyarah	146
4.28	Analisa korelasi kesediaan pensyarah terhadap KI dan PBE	147
4.29	Analisa regrasi kesediaan pensyarah terhadap KI dan PBE	147
4.30	Ujian-T terhadap Kepimpinan Instruksional, Kesediaan Pensyarah, Perlaksanaan PBE mengikut jantina	149
4.31	Ujian ANOVA sehala terhadap Kepimpinan Instruksional, Kesediaan Pensyarah, Perlaksanaan PBE mengikut umur	150
4.32	Ujian Tukey' post hoc kesediaan pensyarah mengikut umur.	151
4.33	Ujian ANOVA sehala terhadap Kepimpinan Instruksional, Kesediaan Pensyarah, Perlaksanaan PBE mengikut kelayakan akademik	152
4.34	Ujian Tukey' post hoc PBE dan kesediaan pensyarah mengikut kelayakan akademik	153
4.35	Ujian ANOVA sehala terhadap Kepimpinan Instruksional, Kesediaan Pensyarah, Perlaksanaan PBE mengikut pengalaman mengajar	155
4.36	Ujian Tukey' post hoc kesediaan pensyarah mengikut pengalaman mengajar	155

4.37	Ujian ANOVA sehalal terhadap Kepimpinan Instruksional, Kesediaan Pensyarah, Perlaksanaan PBE mengikut pengalaman bekerja di industri.	156
4.38	Ujian Tukey' post hoc kesediaan pensyarah dan kepimpinan instruksional mengikut pengalaman bekerja di industri	158
5.1	Analisa deskriptif dimensi Kepimpinan Instruksional	171
5.2	Analisa deskriptif aspek kesediaan pensyarah	181
5.3	Analisa regrasi kesediaan pensyarah terhadap KI dan PBE	183

SENARAI SINGKATAN

ANOVA	<i>Analysis of Variances</i>
ATMI	Akademi Tehnik Mesin Industri
BKT	Bahagian Kemahiran dan Teknikal
CNC	<i>Computer Numerical Control</i>
DV	<i>Dependent Variable / Pembolehubah bersandar</i>
ICT	<i>Information Communication Technology</i>
IKM	Institut kemahiran MARA
IPMa	Institusi Pendidikan MARA
IV	Pembolehubah tidak bersandar
KI	Kepimpinan Instruksional
KKLW	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
KKTM	Kolej Kemahiran Tinggi MARA
KP	Kesediaan Pensyarah
KPI	<i>Key Performance Indicator</i>
KPM	Kolej Profesional MARA
M	<i>Mediator</i>
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MRSM	Maktab Rendah Sains MARA
PBE	<i>Production Based Education</i>
PBK	Pembelajaran Berasaskan Kerja
P & P	Pengajaran dan Pembelajaran
PTV	Pendidikan Teknik dan Vokasional
SD	<i>Standard Deviation / Sisihan piawai</i>

SE	<i>School Enterprise</i>
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	<i>Statistical Packages for the Social Sciences</i>
TQM	<i>Total Quality Control System</i>
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
UPE	Unit Perancang Ekonomi

SENARAI LAMPIRAN

A	Borang soal selidik kepimpinan instruksional	212
B	Borang soal selidik aspek kesediaan pensyarah	217
C	Surat Pengesahan Calon Ph.D IKP, UM	222
D	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian dari BKT	223
E	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Rintis	224
F	Surat Menjalankan Kajian Sebenar	225
G	Analisa Kebolehpercayaan Item Soal Selidik KI	227
H	Analisa Kebolehpercayaan Item Soal Selidik Perlaksanaan PBE	235
I	Analisa Kebolehpercayaan Item Soal Selidik Aspek KP	237
J	Data Skor Min Tahap Kepimpinan Instruksional (KI)	250
K	Data Skor Min Tahap Dimensi 1 KI	254
L	Data Skor Min Tahap Dimensi 2 KI	257
M	Data Skor Min Tahap Dimensi 3 KI	260
N	Data Skor Min Tahap Pelaksanaan Program PBE	264
O	Data Skor Min Tahap Aspek Kesediaan Pensyarah	268
P	Data Skor Min dan Frekuensi Aspek 1: Keusahawanan	274
Q	Data Skor Min dan Frekuensi Aspek 2: Memahami Konsep PBE	276
R	Data Skor Min dan Frekuensi Aspek 3: Kemahiran Teknikal	278
S	Data Skor Min dan Frekuensi Aspek 4: Inovasi	282
T	Data Skor Min dan Frekuensi Aspek 5: Kemahiran Insaniah	284
U	Data Ujian Kolerasi dan Regresi KI, PBE dan KP	286
V	Data Ujian T, Anova, Post Hoc Turkey KI, PBE dan KP	290
W	Penerbitan dan pembentangan seminar	301

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kepimpinan merupakan satu elemen penting dalam proses mempengaruhi perubahan amalan subordinat bagi mencapai matlamat organisasi tertentu seperti matlamat sekolah dan penambahbaikan sekolah yang berkesan. Menurut Hussein Mahmood (2008), kepemimpinan pendidikan pula adalah merupakan faktor terpenting penentu penambahbaikan sesebuah organisasi pendidikan. Dalam organisasi pendidikan seperti Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) dan Institut Kemahiran MARA (IKM), pengarah hendaklah memainkan peranan utama sebagai kepimpinan pentadbiran dan pengurusan serta kepimpinan instruksional.

Banyak kajian mengenai amalan kepimpinan instruksional telah dijalankan terutamanya pada peringkat sekolah. Antaranya adalah kajian oleh Cotton (2003); McEwan (2003); Hallinger dan Murphy (1985) yang menggariskan di antara beberapa amalan kepimpinan instruksional yang unggul di sekolah adalah seperti memfokuskan tahap pembelajaran murid yang tinggi, mengiktiraf pencapaian guru dan murid, melindungi masa pembelajaran murid, memantau kemajuan murid dan mewujudkan budaya penambahbaikan yang berterusan. Manakala Ang Jit Eng James dan Balasandran (2009) pula mengatakan peranan pemimpin instruksional yang unggul di sekolah di antaranya adalah seperti menyediakan sumber seperti masa dan bahan, menggunakan data pencapaian murid bagi pemantapan program, memantau dan memberi maklum balas

tentang pengajaran guru, menghormati kewibawaan guru dan menyokong usaha tambahan guru.

Dapatan kajian oleh Mitchell dan Joyce (2005), kepimpinan instruksional pada asasnya adalah mengajar manusia bagaimana untuk mengajar manusia dan ia juga berkaitan dengan penambahbaikan pengajaran kepada pelajar. Manakala Hallinger dan Murphy (1985), amalan kepimpinan instruksional pengetua sekolah adalah berdasarkan tiga dimensi iaitu pertama: mendefinisi misi sekolah iaitu merangka dan menyampaikan matlamat sekolah, kedua: mengurus program instruksional iaitu penyeliaan dan penilaian instruksional, menyesuaikan kurikulum serta memantau kemajuan pelajar, dan ketiga: mewujudkan iklim pembelajaran positif iaitu melindungi waktu pengajaran dan pembelajaran, membudayakan perkembangan profesional, mengekalkan ketampakan, menyediakan ganjaran kepada guru dan memberi insentif kepada pelajar. Dalam organisasi pendidikan kemahiran seperti KKTm dan IKM, pengarah KKTm dan IKM sebagai pemimpin organisasi ini boleh melaksanakan amalan kepimpinan instruksional seperti yang disarankan oleh Hallinger dan Murphy (1985) ini bagi memastikan setiap yang dirancang dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan bagi mencapai matlamat organisasi.

Di KKTm dan IKM, salah satu program yang mesti dilaksanakan adalah *Production Based Education* (PBE) yang mana program ini dapat memberi pulangan dalam bentuk kewangan kepada organisasi KKTm dan IKM, pensyarah dan juga pelajar. Pengarah merupakan tonggak utama dalam memastikan program ini dapat dilaksanakan dengan baik dan berjaya. Justeru dalam kajian ini, kepimpinan instruksional menjadi fokus utama kepada pengarah untuk membuat transformasi dalam penambahbaikan berterusan

di KKT dan IKM dengan melaksanakan program *Production Based Education (PBE)* dengan baik dan berkesan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Malaysia merupakan salah sebuah negara yang sedang pesat membangun dengan menempa banyak kejayaan di dalam aspek ekonomi. Dengan wawasan untuk menjadi negara maju sepenuhnya menjelang tahun 2020, beberapa strategi yang menjurus kepada hasrat untuk merealisasikan impian murni ini telah disusun oleh pihak kerajaan. Salah satu fokus dalam wawasan 2020 adalah mengenai pendidikan yang dilihat sebagai salah satu senjata yang paling penting di dalam memainkan peranan ke arah melahirkan generasi akan datang yang akan mendukung dan mentadbir negara dengan intelektual, rohani dan jasmani yang stabil (UPE, 1991).

Hal ini juga telah dijelaskan di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang menegaskan bahawa sistem pendidikan Negara yang memberi penekanan kepada perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadan untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Potensi ini ialah bakat dan kebolehan yang dimiliki oleh seseorang individu semenjak ia dilahirkan yang meliputi aspek-aspek seperti intelek, rohani dan emosi, dan jasmani yang merupakan anugerah Tuhan. Bakat dan kebolehan ini perlu dicungkil, diperkembangkan dan dipertingkatkan secara berterusan melalui idea kreatif dan inovatif.

Bagi mencungkil bakat dan kebolehan kreatif dan inovatif pelajar dan belia, Kerajaan Malaysia telah menjadikan tahun 2010 sebagai Tahun Inovasi dan Kreativiti (Arshad Khan, 2009). Penekanan kepada aspek inovasi dan kreativiti terutama di peringkat nasional termasuk dalam sektor pendidikan samada aliran akademik lebih-lebih lagi dalam pendidikan teknikal dan vokasional seperti Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKT) dan Institut Kemahiran MARA (IKM) amat penting kerana ia menggalakkan daya saing negara. Tahun Inovasi dan kreativiti ini bukan sekadar slogan, namun pengertian inovasi amat luas dan perlu diterjemahkan dalam seluruh aspek kehidupan yang membawa kesejahteraan dan kemakmuran kepada rakyat. Inovasi dan kreativiti bukan sahaja dalam pembikinan produk sahaja malah ia merupakan melibatkan perkhidmatan termasuk pendidikan.

Di Malaysia, transformasi dalam pendidikan sedang giat dilaksanakan sama ada oleh pihak kerajaan melalui Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Sumber Manusia tetapi juga dilaksanakan oleh Badan Berkanun seperti Majlis Amanah Rakyat termasuk pihak swasta. Transformasi dalam pendidikan ini bukan sahaja dalam aliran akademik malah juga dalam pendidikan teknikal dan vokasional. Sebagai contoh, Kementerian Pelajaran Malaysia telah melaksanakan transformasi dalam aliran Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) dengan menukarkan Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional kepada Kolej Vokasional yang menawarkan pelbagai program peringkat diploma kemahiran.

Selain daripada itu, menjelang 2020 juga impian kerajaan Malaysia supaya pendidikan PTV di negara ini lebih cemerlang hingga ke peringkat global. Bagi mencapai kecemerlangan pendidikan bertaraf global, ia banyak dipengaruhi oleh kepimpinan

pendidikan seperti pengetua sekolah (Hussein Mahmood, 2008) atau pengarah bagi peringkat KKTm dan IKM. Ini adalah kerana pengarah dapat menggerakkan organisasi KKTm dan IKM supaya terus maju dalam bidang akademik dan juga kokurikulum. Pada peringkat sekolah, amalan kepimpinan pengetua akan mempengaruhi profesionalisma guru dan pencapaian akademik pelajar (Sergiovanni, 2001). Kenyatan ini boleh juga digunakan di peringkat KKTm dan IKM dimana pengarah KKTm dan IKM perlu menjalankan peranan kepimpinan pentadbiran dan pengajaran serta kepimpinan instruksional bagi melakukan transformasi dan penambahbaikan KKTm dan IKM secara berterusan.

Transformasi pendidikan PTV ini juga dilaksanakan oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA) melalui program-program yang ditawarkan oleh KKTm dan IKM. Salah satu transformasi tersebut adalah transformasi dalam kurikulum PTV dengan melaksanakan *Production Based Education* (PBE) yakni Pendidikan Berasaskan Pengeluaran. Secara umumnya, Sistem *Production Based Education* (PBE) sepenuhnya adalah berbeza dengan sistem pendidikan biasa yang diamalkan di Malaysia. Melalui PBE, pelajar akan didedahkan dengan alam persekitaran pekerjaan yang sebenar kerana ia adalah sangat saling berkaitan dengan asas pengeluaran.

Pensyarah dan pelajar dengan sendirinya akan mengawal kitaran keseluruhan pengeluaran bermula dari rekabentuk produk, simulasi, menentukan dan memilih aliran proses yang sesuai, menetapkan parameter mesin, kualiti produk kawalan, menyediakan prosedur operasi piawai dan ujian pemeriksaan kualiti. Menurut Shabudin (2012), sistem PBE dalam menerajui sebuah institusi pendidikan akan menghasilkan dua hasil (output) utama iaitu graduan yang kompeten dan produk yang boleh dikomersialkan. Justeru sistem ini sangat sesuai dilaksanakan oleh institusi pendidikan kemahiran seperti

KKTM dan IKM. Di antara elemen yang terdapat dalam pelaksanaan program PBE adalah menyelaras kurikulum yang bersesuaian dengan produk yang hendak di hasilkan. Justeru, berdasarkan model amalan kepimpinan instruksional oleh Hallinger & Murphy di atas, amalan kepimpinan instruksional amatlah perlu kepada pengarah KKTM dan IKM bagi melaksanakan program PBE dengan baik dan berkesan.

Selain daripada tahap amalan kepimpinan pengarah, tahap kesediaan pensyarah juga sangat diperlukan bagi menjayakan pelaksanaan program PBE ini. Hal ini disokong oleh Shabudin (2012) melalui kajiannya yang menyatakan kesediaan pensyarah KKTM dan IKM dari sudut kemahiran teknikal, kemahiran insaniah, keusahawanan, inovasi dan memahami konsep PBE amat diperlukan dalam pelaksanaan program PBE. Sehubungan dengan itu kajian ini bertujuan untuk meneroka dan menghuraikan amalan kepimpinan instruksional pengarah, tahap kesediaan kesediaan pensyarah KKTM dan IKM dalam melaksanakan program PBE dengan baik dan berkesan.

1.3 Penyataan Masalah

Setiap tahun, melalui pembentangan bajet negara yang kebiasaannya pada bulan Oktober, kerajaan Malaysia akan memperuntukkan sejumlah berbilion ringgit perbelanjaan negara untuk sektor pendidikan melalui kementerian berkaitan seperti Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pelajaran, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Belia dan Sukan termasuk badan berkanun seperti MARA.

Bagi badan berkanun seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), peruntukan yang besar juga diterima dari pihak kerajaan bagi operasi sektor pendidikan MARA yang dikenali sebagai Institusi Pendidikan MARA (IPMa) seperti MRSM, KKTm, KPM, IKM dan juga Giatmara termasuk Universiti Kuala Lumpur. Namun peruntukan tersebut masih belum mencukupi sepenuhnya bagi tujuan operasi seperti membeli peralatan, bahan latihan terutama bagi operasi KKTm dan IKM kerana memerlukan belanja yang besar untuk membeli peralatan moden yang berteknologi tinggi.

Hal ini terbukti apabila salah sebuah IKM di negeri Perak hanya menerima peruntukan belanja mengurus sebanyak RM7.4 juta sahaja pada tahun 2015 sedangkan kos sebenar yang diperlukan adalah sebanyak RM8.2 juta untuk pembelian bahan latihan dan senggaraan (Sumber: Bajet Belanja Mengurus IKM Negeri Perak, 2015). Tambahan pula pada masa kini, peruntukan kewangan dari pihak kerajaan semakin berkurangan disebabkan oleh kemelesetan ekonomi global telah menyebabkan pihak MARA mengalami kekurangan dana kewangan. Kekurangan dana kewangan daripada kerajaan ini telah menyebabkan KKTm dan IKM mengalami kekangan bajet untuk beroperasi. Isu bajet ini ada hubungkait dengan kepimpinan instruksional pengarah kerana bagi menangani isu ini, pengarah hendak bijak mengatur strategi yang berkesan bagi memastikan program yang dilaksanakan boleh mencapai matlamat organisasi. Hal ini boleh diatasi melalui perlaksaan program PBE dengan baik dan berkesan. Perlaksanaan program PBE ini boleh menjana pendapatan tambahan kepada KKTm dan IKM disamping memberi sumber kewangan kepada pensyarah dan pelajar (Shabudin, 2012).

Pertambahan institusi latihan MARA untuk aras pertengahan iaitu tahap sijil dan diploma teknologi iaitu sebanyak 13 buah IKM dan 10 buah KKTm yang beroperasi telah menyebabkan agihan bajet yang disalurkan kepada setiap pusat latihan semakin

mengecil. Oleh itu, sewajarnya IKM dan KKTm dapat bergerak ke arah menjana pendapatan sendiri daripada hanya bergantung kepada peruntukan kewangan daripada pihak MARA dan juga kerajaan Malaysia untuk tujuan memantapkan lagi operasi di samping memberi pendedahan kepada pensyarah dan pelajar dengan penggunaan teknologi terkini.

Salah satu kaedah bagi KKTm dan IKM menjana dana sendiri adalah melalui pelaksanaan transformasi kurikulum dengan menjalankan program PBE dengan baik dan berkesan (Nawawi, 2013). Ini adalah kerana melalui program PBE ini, KKTm dan IKM boleh menjana pendapatan melalui hasil jualan produk yang dihasilkan dan berjaya dipasarkan di samping perkhidmatan yang diberikan seperti servis komputer, pendawaian elektrik dan lain-lain lagi. Pengkomersialan produk dan perkhidmatan yang dihasilkan oleh pensyarah dan pelajar ini dapat menjana kewangan kepada KKTm dan IKM dan secara tidak langsung mengurangkan kebergantungan kepada peruntukan kewangan kerajaan untuk beroperasi. Selain daripada itu, melalui program PBE ini juga pembaziran bahan latihan dapat dikurangkan, malahan dapat pula mendatangkan keuntungan kepada institusi latihan yang menjalankan sistem ini.

Bagi melaksanakan program PBE ini dengan baik dan berkesan, amalan kepimpinan pengarah sebagai pemimpin organisasi pendidikan adalah merupakan satu unsur penggerak yang amat penting di dalam sesebuah organisasi pendidikan seperti KKTm dan IKM. Ini adalah kerana amalan kepemimpinan banyak mempengaruhi kejayaan dan keberkesanan sesebuah organisasi KKTm dan IKM. Malahan kejayaan dan kecemerlangan sesebuah KKTm dan IKM itu adalah bergantung kepada kejayaan kepemimpinannya di dalam menguruskan organisasi yang baik dan berkesan.

Kepemimpinan yang baik dan berkesan di dalam sesebuah KKTm dan IKM bergantung kepada gaya kepemimpinan yang diamalkan oleh pemimpinnya iaitu pengarah. Sehubungan dengan itu, Pengarah KKTm dan IKM sewajarnya bertindak sebagai seorang yang profesional iaitu sebagai seorang pengurus, pentadbir dan pembimbing yang baik kepada staf, pensyarah dan pelajar di bawah kelolaannya. Amalan kepimpinan pengarah juga berupaya untuk mencari jalan penyelesaian terbaik untuk mendapatkan sumber kewangan tambahan bgi membolehkan para pensyarah dan pelajar dapat menjalankan amali dengan lancar. Dimana salah satu sumber yang boleh dilaksanakan adalah melalui perlaksanakan program PBE ini.

Selain daripada amalan kepimpinan pengarah, tahap kesediaan pensyarah sangat diperlukan bagi tujuan pelaksanaan program PBE ini. Kesediaan pensyarah adalah dari aspek kemahiran teknikal, kemahiran insaniah, keusahawanan, memahami konsep PBE serta kreatif dan inovatif. Justeru kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap amalan kepimpinan instruksional pengarah, tahap pelaksanaan program PBE, tahap kesediaan kesediaan pensyarah dalam melaksanakan program PBE di KKTm dan IKM dengan baik dan berjaya.

Kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti tahap kepimpinan instruksional pengarah dan tahap kesediaan pensyarah yang paling dominan dalam melaksanakan program PBE di KKTm dan IKM. Selain daripada itu kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti sama ada kesediaan pensyarah menjadi perantara bagi hubungan antara kepimpinan instruksional pengarah dengan pelaksanaan program PBE di KKTm dan IKM dan mengenalpasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan di antara Kepimpinan Instruksional, Kesediaan Pensyarah, Perlaksanaan PBE mengikut demografi pensyarah KKTm dan IKM.

1.4 Objektif Kajian

Tujuan kajian ini secara umumnya adalah untuk mengenalpasti tahap amalan kepimpinan instruksional pengarah, tahap pelaksanaan program PBE dan menentukan tahap aspek kesediaan pensyarah KKT dan IKM untuk melaksanakan program PBE.

Objektif kajian yang dijalankan secara khususnya adalah seperti berikut:

- (i) Mengenalpasti tahap amalan kepimpinan instruksional pengarah terhadap pelaksanaan program PBE di KKT dan IKM.
- (ii) Mengenalpasti tahap pelaksanaan program PBE di KKT dan IKM.
- (iii) Mengenalpasti dimensi kepimpinan instruksional pengarah yang paling dominan terhadap pelaksanaan program PBE di KKT dan IKM.
- (iv) Mengenalpasti aspek kesediaan pensyarah dalam melaksanakan program PBE di KKT dan IKM.
- (v) Mengenalpasti aspek kesediaan pensyarah yang paling dominan dalam melaksanakan program PBE di KKT dan IKM.
- (vi) Mengenalpasti sama ada kesediaan pensyarah menjadi perantara bagi hubungan antara kepimpinan instruksional pengarah dengan pelaksanaan program PBE di KKT dan IKM.
- (vii) Mengenalpasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan di antara Kepimpinan Instruksional, Kesediaan Pensyarah, Perlaksanaan PBE mengikut demografi pensyarah KKT dan IKM

1.5 Soalan Kajian

Kajian yang dijalankan adalah bagi menjawab soalan kajian seperti berikut:

- i) Apakah tahap amalan kepimpinan instruksional pengarah terhadap pelaksanaan program PBE di KKT dan IKM?
- ii) Apakah tahap pelaksanaan program PBE di KKT dan IKM?
- iii) Apakah dimensi amalan kepimpinan instruksional pengarah yang paling dominan terhadap pelaksanaan program PBE di KKT dan IKM?
- iv) Apakah tahap aspek kesediaan pensyarah dalam melaksanakan program PBE di KKT dan IKM?
- v) Apakah aspek kesediaan pensyarah yang paling dominan dalam melaksanakan program PBE di KKT dan IKM?
- vi) Adakah kesediaan pensyarah menjadi perantara bagi perhubungan antara kepimpinan instruksional dengan pelaksanaan program PBE di KKT dan IKM?
- vii) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara Kepimpinan Instruksional, Kesediaan Pensyarah, Perlaksanaan PBE mengikut demografi pensyarah (umur, jantina, pengalaman kerja KKT dan IKM)?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai kepentingan yang lain seperti:

- i) Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA)

Menerusi kajian yang dijalankan ini Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, khasnya Majlis Amanah Rakyat (MARA) akan dapat mengetahui amalan kepimpinan instruksional, perlaksanaan program PBE disamping dapat mengetahui tahap kesediaan pensyarah bagi institusi latihan teknikal di bawah kelolaannya untuk menjalankan PBE. Kajian ini akan dapat membantu pihak kementerian dan MARA untuk memantapkan lagi kurikulum dan dapat mengurangkan kos operasi bagi institusi latihan teknikal di bawah kelolaannya. Pihak kementerian KKLW dan MARA juga boleh menggunakan model kajian kepimpinan instruksional dan model perlaksanaan program PBE untuk dikembangkan kepada semua Institusi Pendidikan MARA (IPMa) khususnya institusi latihan kemahiran MARA seperti KKTm dan IKM.

- ii) KKTm dan IKM

Melalui perlaksanaan Program PBE maka KKTm dan IKM akan dapat menjanakan kewangan secara dalaman dan akan mengurangkan kebergantungan kepada dana kerajaan dan MARA. Di samping itu, dapat mewujudkan mekanisma Perhubungan Pintar (Smart Partnership) di antara KKTm dan IKM dengan pihak industri bagi mengukuhkan kerjasama dengan penglibatan aktif industri dalam latihan teknikal. Secara berperingkat ia dapat membantu meringankan beban KKTm dan IKM dari aspek


mengurus operasi latihan yang dikendalikan oleh institusi. KKTm dan IKM juga akan dapat menjadikan model kepimpinan instruksional kepada pengarah dalam memastikan perlaksaan program PBE dapat dijalankan dengan baik dan berkesan.

iii) Pensyarah

Kesediaan pensyarah untuk menggabungkan di antara elemen akademik dan pengeluaran yang mengambil kira pemahaman konsep PBE, keusahawanan, kemahiran teknikal, inovasi dan kemahiran insaniah. Melalui Sistem PBE yang dijalankan dapat membantu untuk melahirkan pensyarah dan pelajar yang berkemahiran tinggi, sentiasa terdedah dengan teknologi semasa dan berupaya mengadaptasikan kemahiran serta berpotensi mengikut perubahan teknologi terkini di samping dapat menjana pendapatan tambahan.

1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka kajian ini terdiri daripada kerangka konsep yang dikenali sebagai amalan kepimpinan instruksional berdasarkan model KI oleh Hallinger dan Murphy (1985). Kerangka kajian ini merupakan kerangka konsep yang berfokus kepada tiga dimensi iaitu mendefini misi, mengurus program instruksional dan mewujudkan iklim pembelajaran positif. Secara umumnya kerangka konseptual kajian ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.1 di bawah.



Rajah 1.1: Kerangka konseptual kajian

Berdasarkan Rajah 1.1 di atas, pembolehubah tidak bersandar (IV) dalam kajian ini adalah Kepimpinan Instruksional Pengarah KKT&IKM yang merujuk kepada Model Kepimpinan Instruksional Hallinger dan Murphy (1985). Model kepimpinan instruksional oleh Hallinger dan Murphy (1985) berdasarkan kepada tiga dimensi utama iaitu dimensi pertama adalah mendefinisi misi KKT&IKM, dimensi kedua adalah mengurus program instruksional dan dimensi ketiga adalah mewujudkan iklim pembelajaran positif. Pengkaji memilih model KI ini adalah kerana ia melibatkan pembangunan kurikulum dalam merangka visi, misi dan menyelaras kurikulum PBE. Pengarah juga perlu menyelia dan menilai sejauh mana program PBE dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan.

Kerangka konsep kajian ini menunjukkan tahap kepimpinan instruksional pengarah yang merangkumi tiga dimensi perlu diamalkan bagi memastikan program PBE di KKTm dan IKM dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan.

Model KI ini membolehkan pengarah KKTm dan IKM melakukan penyelidikan mengenai produk yang hendaklah dihasilkan agar produk tersebut bermutu dan berkualiti serta dapat memenuhi kehendak pelanggan. Merujuk kepada dimensi kedua KI, Pengarah KKTm dan IKM bersama-sama dengan pensyarah hendaklah menyelaras program instruksional dengan melakukan aktiviti penyelidikan yang bersesuaian dengan program dan produk PBE yang hendak dihasilkan itu berkualiti dan memenuhi kehendak pelanggan.

Amalan penyelidikan dan penambahbaikan produk berkualiti memang merupakan perkara penting bagi setiap organisasi pendidikan tinggi samada dalam mahupun luar negara. Salah satu model amalan penyelidikan dan penambahbaikan yang boleh dijadikan contoh adalah amalan Komuniti Pembelajaran Profesional yang memberi tumpuan kepada usaha penamaian sekolah dengan penglibatan setiap warga komuniti sekolah secara berterusan dalam pelbagai aktiviti (Hord, 1997) seperti pembikinan visi dan misi sekolah, berkongsi pembuatan keputusan, belajar dan bekerja secara bersama dan berkolaborasi dan memantau pengajaran guru (DuFour, 2004).

Pengarah KKTm dan IKM seharusnya meningkatkan kepimpinan dan profesionalisma diri dan pensyarah dengan menambahbaik kemahiran dan kompetensi diri mereka berdasarkan perubahan persekitaran dan teknologi terkini bagi menghasilkan produk PBE yang berkuali. Hal ini disokong oleh Hassel, 2013 yang menyatakan bahawa peningkatan profesionalisma guru bererti suatu proses penambahbaikan kemahiran dan

kompetensi diri berdasarkan perubahan persekitaran bagi menghasilkan produk berkualiti dalam pendidikan.

Manakala pembolehubah bersandar (DV) dalam kajian ini adalah pelaksanaan program PBE di KKT dan IKM. Perlaksanaan program PBE ini berdasarkan kepada carta alir arahan kerja pelaksanaan PBE di KKT Masjid Tanah oleh Polman (2013) yang mana prosesnya bermula dengan pihak KKT dan IKM menerima tempahan dari pelanggan yang terdiri daripada samada pihak industri, pertubuhan, agensi kerajaan atau swasta mahupun individu yang berminat dengan produk yang dihasilkan. Setiap tempahan yang diterima mesti melalui koperasi KKT atau IKM yang bertindak sebagai entiti perniagaan. Setelah tempahan dibuat, pengarah KKT atau IKM akan mengenal jenis tempahan tersebut dan akan memilih program yang bersesuai untuk membuat produk PBE tersebut. Setiap produk PBE yang dihasilkan hendaklah melalui proses kawalan kualiti supaya produk tersebut memenuhi standard yang ditetapkan sebelum dihantar kepada pelanggan.

Kerangka konseptual kajian ini juga menunjukkan terdapat pembolehubah perantara iaitu kesediaan pensyarah KKT dan IKM untuk melaksanakan program PBE. Pensyarah merupakan individu penting dalam pelaksanaan program PBE. Kajian oleh Shabudin (2012) menunjukkan bahawa kesediaan pensyarah dari aspek kemahiran teknikal, kemahiran insaniah, memahami konsep PBE, aspek keusahawanan dan inovasi amat perlu terhadap pelaksanaan Sistem PBE. Kerangka konsep kajian yang dibina oleh pengkaji adalah bagi kepimpinan instruksional pengarah adalah berdasarkan kepada model Kepimpinan Instruksional yang dirangka oleh Hallinger dan Murphy (1985) seperti Jadual 1.1 di bawah.

Jadual 1.1: Model Kepimpinan Instruksional Hallinger dan Murphy (1985)

Mendefinisikan Misi Sekolah	Mengurus Program Instruksional	Mewujudkan Iklim Pembelajaran Positif
1. Merangka matlamat sekolah 2. Menyebarluaskan matlamat sekolah	1. Penyeliaan dan penilaian instruksional 2. Menyelaras kurikulum 3. Memantau kemajuan murid	1. Melindungi waktu p&p 2. Membudayakan perkembangan profesional 3. Mengelakkan ketampakan 4. Menyediakan ganjaran kepada guru 5. Menyediakan insentif kepada pelajar

Sumber: Hallinger dan Murphy (1985)

Model kepimpinan instruksional oleh Hallinger dan Murphy (1985) berdasarkan kepada tiga dimensi utama iaitu dimensi pertama adalah mendefinisi misi sekolah yang meliputi merangka dan menyebarluaskan matlamat sekolah, dimensi kedua adalah mengurus program instruksional yang meliputi penyeliaan dan penilaian instruksional, menyelaras kurikulum serta memantau kemajuan murid.

Manakala dimensi ketiga adalah mewujudkan iklim pembelajaran positif yang meliputi lima perkara iaitu melindungi waktu p & p, membudayakan perkembangan profesional, mengelakkan ketampakan, menyediakan ganjaran kepada guru dan memberi insentif kepada pelajar. Pengkaji memilih model KI ini adalah kerana ia melibatkan pembangunan kurikulum dalam merangka visi, misi, menyelaras kurikulum PBE. Pengarah juga perlu menyelia dan menilai sejauhmana program PBE dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan. Pengarah juga perlu memastikan kualiti produk PBE yang hasilkan dengan menggalakkan perkembangan profesional pensyarah disamping memberi ganjaran dan insentif kepada pensyarah yang berjaya menghasilkan produk berkualiti yang boleh memenuhi kehendak pelanggan dan industri

Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan program PBE ini di KKT dan IKM, pengkaji juga merujuk kepada Kerangka Teoritikal Kajian yang telah dibina oleh Shabudin (2012) yang menunjukkan tentang hubungan pembolehubah bagi sesebuah organisasi pengajian dalam menjayakan program PBE. Persepsi responden terhadap tahap kesediaan untuk melaksanakan sistem PBE sebagai kaedah pembelajaran akan ditentukan melalui lima (5) aspek iaitu keusahawanan, memahami konsep PBE, kemahiran teknikal, inovasi dan kemahiran insaniah yang ada dalam kalangan pensyarah.

Pengkaji juga akan melihat pengukuhan kepada pembolehubah tidak bersandar di atas menerusi pembolehubah perantara dengan melihat sejauhmana tahap nilai dan kepercayaan kepimpinan pengarah oleh pensyarah KKT dan IKM. Pengkaji juga akan melihat tahap motivasi pensyarah yang melaksanakan program PBE berdasarkan kepimpinan instruksional pengarah dan juga aspek kebolehpercayaan dari pelanggan dan industry terhadap produk PBE yang dihasilkan.

Akhir sekali pembolehubah bersandar dalam kajian ini adalah perlaksanaan program PBE di KKT dan IKM. Pengkaji akan mengkaji sejauhmana perlaksanaan program PBE di KKT dan IKM dengan menilai produk PBE yang dihasilkan dari segi kuantiti, kualiti, kebolehpasaran dan memenuhi kehendak pelanggan dan industri. Justeru kajian ini boleh membantu dalam menilai setiap konstruk di atas yang diamalkan oleh pengarah KKT dan IKM berdasarkan kepada soal selidik yang dijalankan oleh pengkaji. Adalah diharapkan pengkaji dapat meneroka, mengenalpasti dan menghuraikan tahap kepimpinan instruksional pengarah, tahap aspek kesediaan pensyarah dalam melaksanakan program PBE di KKT dan IKM kajian.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini mempunyai batasan tertentu yang mempengaruhi dapatan dan interpretasi kajian. Antaranya adalah kajian ini hanya melibatkan institusi latihan kemahiran di bawah kendalian Majlis Amanah Rakyat (MARA) iaitu Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTm) dan Institut Kemahiran MARA (IKM) tidak termasuk GiatMARA dan Kolej Politech MARA (KPTM). Seterusnya kajian ini adalah berdasarkan kepada tahap amalan kepimpinan instruksional Pengarah KKTm dan IKM sahaja yakni seramai 23 orang, tidak termasuk Timbalan Pengarah KKTm dan IKM yang mana Timbalan Pengarah juga merupakan pegawai yang membantu Pengarah dalam mentadbir KKTm dan IKM.

Aspek amalan kepimpinan instruksional dalam kajian ini hanya terbatas kepada tiga dimensi sahaja iaitu mendefinisi misi KKTm dan IKM, mengurus program instruksional dan mewujudkan iklim pembelajaran positif. Manakala aspek kesediaan pensyarah hanya melibatkan lima aspek iaitu keusahawanan, memahami konsep PBE, kemahiran teknikal, inovasi dan kemahiran insaniah sahaja. Bilangan pensyarah adalah terhad kepada pensyarah KKTm dan IKM kajian sahaja yakni seramai 1046 orang pensyarah lelaki yang mewakili 77.5% manakala pensyarah wanita adalah seramai 303 orang yang mewakili 22.5%. Oleh itu, dapatan kajian yang diperolehi daripada kajian ini tidak boleh digeneralisaskan kepada semua amalan kepimpinan instruksional pengarah dan aspek kesediaan pensyarah bagi kesemua institusi latihan kemahiran yang terdapat di Malaysia yang melaksanakan program PBE.

1.9 Definisi Operasional

Istilah-istilah penting yang digunakan dalam kajian diterangkan dalam bahagian ini. Pengertian setiap istilah adalah berdasarkan kepada tema rujukan dan definisi yang dibuat berdasarkan kajian iaitu:

1.9.1 Kepimpinan

Mengikut pengertian yang diberikan oleh Jaafar Muhamad (2007) bahawa kepimpinan itu bermaksud aktiviti mempengaruhi individu supaya berusaha secara sukarela untuk mencapai objektif kumpulan atau organisasi. Ismail Noor (2004) mendefinisikan kepimpinan sebagai setiap tindakan yang menumpukan sumber-sumber ke arah matlamat yang benar-benar bermatlamat. Pengkaji melihat kepimpinan adalah suatu dimensi tindakan atau inisiatif seorang pemimpin terhadap mencari penyelesaian kepada sesuatu masalah atau untuk meransang orang lain untuk berubah. Selain dari itu, dimensi lain yang membentuk erti kepimpinan itu adalah manipulasi sumber yang berkesan sama ada sumber manusia itu sendiri atau mesin, proses, kaedah, bahan dan sebagainya.

Hussein Mahmood (1993, 2008) melihat kepimpinan sebagai suatu bentuk tingkah laku pemimpin bagi mencari penyelesaian masalah dan bagi mencari jalan untuk melaksanakan sesuatu tugas yang bertujuan untuk mencapai matlamat sesuatu organisasi itu. Kepimpinan lazimnya melibatkan suatu proses mempengaruhi orang lain di dalam sesuatu organisasi dengan membina hubungan yang baik, menggerakkan aktiviti dan memandu subordinat ke arah mencapai matlamat organisasi (Yulk, 2002). Hoy dan Miskel (2005) berpendapat bahawa kepimpinan adalah suatu proses sosial yang

merangkumi elemen rasional dan emosi. Kepimpinan juga menurut mereka adalah suatu proses yang dikongsi oleh organisasi dan bukan milik seseorang pemimpin itu sahaja.

Dalam kajian ini pengkaji memperincikan kepimpinan sebagai suatu tingkah laku dalam proses mencapai matlamat organisasi dengan membawa ahli-ahli organisasi terlibat sama dalam membuat keputusan, menyumbang idea dan usaha, membina hubungan kerja yang memberi keselesaan kepada semua serta menikmati keseronokan bekerja kerana mereka dapat melihat haluan yang hendak dibawa oleh pemimpin mereka.

1.9.2 Kepimpinan Instruksional (KI)

Secara umumnya kepimpinan instruksional (KI) adalah tanggungjawab yang paling utama yang dilakukan oleh seseorang pengetua (Wood, 1984, Sergiovanni, 1990, Mortimore, 1995 dan Shahril, 1997). Manakala Halinnger & Murphy (1995) pula mengatakan KI didefinisikan sebagai segala perlakuan yang dilakukan oleh pengetua sekolah bagi memajukan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. King (2002) pula mengatakan KI adalah tindakan yang diambil oleh pengetua dengan niat untuk meningkatkan keadaan pembelajaran di sekolah.

Menurut Acheson dan Smith (1986), mengatakan KI adalah berkaitan dengan proses kesinambungan pengajaran antara guru, pelajar dan kurikulum. Justeru amalan kepimpinan instruksional perlu menangani perkara yang berkaitan dengan guru iaitu pemantauan, penilaian, perkembangan profesional dan juga latihan dalam perkhidmatan. Amalan KI yang berkaitan dengan pelajar adalah mengawasi dan memantau perkembangan pembelajaran dan prestasi akademik pelajar. Manakala amalan

KI yang berkaitan dengan hal-hal kurikulum pula adalah melakukan inovasi dalam kurikulum, pemilihan bahan dan alatan latihan yang bersesuaian dengan teknologi terkini dan pelbagai latihan dalam skop dan susun aturnya. Kepimpinan instruksional bukan perkara mudah untuk dilaksanakan. Namun begitu ia bukan mustahil untuk dilaksanakan. Ia menuntut banyak masa dan tenaga untuk difokuskan dalam bidang kurikulum khususnya. Sebagai pemimpin instruksional, pengarah KKTM dan IKM seharusnya menunjukkan kesungguhan dan komitmen yang tidak berbelah bagi dalam pengurusan kurikulum. Justeru, kajian ini akan merujuk kepada model kepimpinan instruksional yang telah dibangunkan oleh Hallinger dan Murphy (1985).

1.9.3 Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM)

Kolej Kemahiran Tinggi MARA. Institut latihan yang menjalankan latihan kemahiran peringkat Diploma dibawah pengurusan MARA. Terdapat 10 institusi di seluruh Malaysia yang menjalankan kursus kemahiran dalam pelbagai program teknikal sama ada bidang Diploma Teknologi Kejuruteraan atau Diploma Kejuruteraan. Pelajar adalah dari lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Program yang dijalankan adalah selama tiga tahun termasuk enam bulan latihan di industri. Matlamat program Diploma Teknologi Kejuruteraan adalah melahirkan graduan yang mempunyai pengetahuan teknikal dan kemahiran praktikal serta mempunyai keupayaan untuk mengaplikasikannya sesuai dengan industri tertentu di samping berpotensi menjadi usahawan dalam bidang teknikal.

Manakala matlamat bagi program Diploma Kejuruteraan adalah untuk melahirkan graduan yang boleh menguasai ilmu kejuruteraan serta kemahiran praktikal yang

diperlukan untuk menyelia pasukan dalam mengenalpasti atau menyelesaikan masalah operasi dan penyelenggaraan dalam konteks industri di samping berpotensi menjadi usahawan dalam bidang teknikal.

Secara umumnya, kurikulum bagi program Sijil dan Diploma Teknologi Kejuruteraan dan Diploma Kejuruteraan ini adalah terdiri daripada komponen pengajian berikut:

- i) Modul Wajib untuk memenuhi keperluan struktur Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) yang terdiri daripada kursus Pengajian Malaysia, Pengajian Islam dan Pendidikan Moral untuk memenuhi keperluan nasional, ko-kurikulum dan Bahasa Inggeris
- ii) Modul Teras untuk memenuhi keperluan sesuatu program. Modul Teras terbahagi kepada dua iaitu pertama: Teras Umum seperti kursus Matematik, Sains Kejuruteraan, Keusahawanan dan Pengurusan Projek, kedua: Teras Disiplin iaitu kursus teras yang diwajibkan dalam sesuatu program sama ada khusus kepada program berkenaan atau kursus yang diguna pakai oleh beberapa program dalam kluster yang sama contohnya kursus Pepasangan Elektrik 1.
- iii) Latihan Industri untuk memberi pendedahan kepada pelajar kepada suasana pekerjaan sebenar
- iv) Kemahiran Insaniah yang bertujuan untuk meningkatkan personality dan nilai diri pelajar

1.9.4 Institut Kemahiran MARA (IKM)

Institut Kemahiran MARA (IKM) adalah merupakan institusi latihan kemahiran lanjutan daripada sistem pendidikan peringkat menengah yang bertujuan untuk memberi pendidikan dalam bidang kemahiran kepada pelajar lepasan SPM atau SPVM.IKM menjalankan latihan kemahiran di peringkat sijil dibawah kelolaan MARA.Sehingga kini terdapat 13 buah IKM di seluruh Malaysia yang menjalankan kursus kemahiran dalam pelbagai jurusan teknikal sama ada bidang Teknologi atau Teknologi Kejuruteraan.

Program yang dijalankan adalah selama dua tahun termasuk enam bulan latihan di industri. Matlamat program peringkat sijil adalah menyediakan graduan yang mempunyai ilmu asas kejuruteraan dan kemahiran praktikal serta mempunyai kebolehan untuk bekerja dalam pasukan bagi menyokong aktiviti operasi dan penyelenggaraan dalam konteks industri di samping berpotensi menjadi usahawan dalam bidang teknikal

1.9.5 Pengarah

Di sekolah, pemimpin organisasi dipanggil sebagai pengetua manakala di KKT dan IKM pemimpin organisasi dipanggil sebagai pengarah di mana fungsi dan peranan mereka adalah sama. Pengetua menurut Hussein Mahmood (1993) adalah sebagai pemimpin organisasi pendidikan yang bertanggungjawab dalam banyak hal yang berkaitan dengan institusi sekolah. Tugasnya adalah berkaitan dengan aspek pentadbiran dan pengurusan, penyeliaan, kepimpinan, pendidikan dan yang berkaitan dengan perjalanan organisasi sekolah sebagai suatu institusi pendidikan formal. Dalam kajian

ini pengarah adalah sebagai pemimpin di KKTm dan IKM yang bertanggungjawab dalam memimpin organisasi KKTm dan IKM dalam semua aspek pentadbiran mahupun kemanusiaan.

1.9.6 *Production Based Education (PBE)*

Production Based Education (PBE) atau Pembelajaran Berasaskan Pengeluaran adalah merupakan inovasi baru dalam kurikulum yang dilaksanakan di KKTm dan IKM kajian. Sistem PBE adalah suatu sistem yang mengintegrasikan dua elemen iaitu pelajaran (*education*) dan pengeluaran (*production*) dalam latihan kemahiran yang dijalankan (Hardiwatarama, 1993). Melalui sistem PBE, hasil daripada projek pelajar akan dipasarkan. Terdapat dua hasil (*output*) utama iaitu graduan profesional dan produk yang boleh dipasarkan. Pelajar yang dikeluarkan melalui sistem PBE ini adalah pelajar yang berkompetensi tinggi. Manakala produk yang dihasilkan adalah produk yang menepati kualiti, kos dan masa penghantaran yang ditetapkan oleh industri. Dalam kajian ini, pengkaji akan melihat sejauh mana peranan pengarah KKTm dan IKM ini dalam memastikan inovasi baru dalam kurikulum ini dilaksanakan dengan penuh jaya oleh pensyarah dan pelajar.

1.9.7 Inovasi

Kebanyakan kamus memberi makna inovasi sebagai pembaharuan atau perubahan. Pengertian ini di anggap agak longgar dan tidak begitu jelas. Menurut Roger (1971) inovasi merupakan idea, amalan atau objek yang di anggap baru oleh seseorang.

Spencer (1994) menjelaskan inovasi ialah sesuatu yang di anggap baru dan lebih baik daripada yang lama oleh seseorang individu. Glosari Teknologi Pendidikan (1995) pula merujuk inovasi sebagai idea, konsep atau strategi baru yang boleh mempertingkatkan sesuatu amalan. Dalam kajian ini inovasi merujuk kepada hasil kreatif dan inovatif pensyarah dan pelajar IKM sama ada dalam bentuk produk atau perkhidmatan.

1.9.8 Kemahiran teknikal

Kemahiran teknikal adalah kebolehan menggunakan tatacara, kaedah dan teknik dalam sesuatu bidang tertentu, lazimnya dengan pengetahuan yang cukup dalam bidang tersebut samada secara formal atau tidak (Mohamad, 2000).

1.9.9 Kemahiran insaniah

Kemahiran insaniah merangkumi aspek-aspek kemahiran generik yang melibatkan elemen kognitif yang berkaitan dengan kemahiran bukan akademik seperti nilai positif, kepimpinan, kerjasama berpasukan, komunikasi dan pembelajaran berterusan (Radin Umar, 2006).

1.9.10 Keusahawanan

Kamus Dewan (2007) menyatakan usahawan adalah orang yang mngusahakan sesuatu perusahaan atau menjadi pengusaha. Manakala, keusahawanan adalah segala-gala yang

berkaitan dengan usahawan atau kegiatan dan kemahiran usahawan. Bidang keusahawanan telah menjadi tonggak kepada pembangunan dan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Bidang keusahawanan merupakan suatu bidang yang dapat menjana pertumbuhan ekonomi negara. Dalam menuju ke arah era globalisasi, di Malaysia, rakyatnya tidak lagi boleh hanya bergantung kepada kerajaan untuk menyediakan pekerjaan.

Budaya pekerjaan di Malaysia sekarang lebih mengarah kepada bekerja dengan pihak swasta atau bekerja sendiri. Dalam kajian ini keusahawanan merujuk kepada ciri-ciri keusahawanan pensyarah KKT dan IKM

1.9.11 Kesediaan Pensyarah

Menurut Mok (2001), kesediaan adalah merujuk kepada keadaan dalaman individu yang bersedia dan berupaya untuk mempelajari sesuatu dengan tujuan memperolehi pengalaman pembelajaran yang baru. Manakala Kamus Dewan (2007) mendefinisikan kesediaan sebagai perihal kesanggupan, kerelaan dalam berjuang demi sesuatu merujuk kepada kebolehan atau kesanggupan mengharung cabaran dalam hidup.

Dalam kajian ini, kesediaan pensyarah bermaksud kesanggupan dan keupayaan pensyarah KKT dan IKM untuk melaksanakan program PBE dengan baik dan berkesan serta berupaya menghasilkan produk PBE berkualiti yang boleh dipasarkan dan memenuhi kehendak pelanggan.

Menurut Mok (2001), kesediaan adalah merujuk kepada keadaan dalaman individu yang bersedia dan berupaya untuk mempelajari sesuatu dengan tujuan memperolehi pengalaman pembelajaran yang baru. Manakala Kamus Dewan (2007) mendefinisikan kesediaan sebagai perihal kesanggupan, kerelaan dalam berjuang demi sesuatu merujuk kepada kebolehan atau kesanggupan mengharung cabaran dalam hidup.

Dalam kajian ini, kesediaan pensyarah bermaksud kesanggupan dan keupayaan pensyarah KKT dan IKM untuk melaksanakan program PBE dengan baik dan berkesan serta berupaya menghasilkan produk PBE berkualiti yang boleh dipasarkan dan memenuhi kehendak pelanggan.

1.9.12 Perantara (*Mediator*)

Menurut Baron dan Kenny (1986), sesuatu pembolehubah boleh diklasifikasikan sebagai perantara apabila ianya memenuhi keadaan seperti berikut:

- i) Apabila terdapat hubungan yang signifikan di antara pembolehubah tidak bersandar (IV) dengan perantara (M).
- ii) Apabila terdapat hubungan yang signifikan di antara pembolehubah bersandar (DV) dengan perantara (M).
- iii) Apabila terdapat hubungan yang signifikan di antara pembolehubah tidak bersandar (IV) dengan pembolehubah bersandar (DV).

Manakala Bennett (2000) mengatakan bahawa sesuatu pembolehubah dikatakan sebagai perantara (mediator) di mana ianya boleh dianggarkan oleh pembolehubah tidak bersandar dan menerangkan perhubungan di antara pembolehubah tidak bersandar

dengan pembolehubah bersandar. Dalam konteks kajian ini pembolehubah tidak bersandar (IV) adalah kepimpinan instruksional, pembolehubah bersandar (DV) adalah perlaksanaan PBE, manakala kesediaan pensyarah bertindak sebagai perantara (M).

1.10 Kesimpulan

Secara keseluruhannya bab ini telah memberikan gambaran yang jelas mengenai kajian yang akan dilaksanakan bermula dari latar belakang masalah sehingga kepada skop kajian dalam pengkajian ini. Pernyataan masalah yang dinyatakan adalah memberi gambaran yang jelas akan objektif dan persoalan kajian ini akan dijalankan. Pengkajian yang dijalankan ini adalah mengikut prosedur yang betul dan berpandukan objektif kajian yang telah digariskan oleh pengkaji. Bab kedua yang berikutnya akan menjelaskan sorotan literatur berkaitan kajian yang bakal dilaksanakan oleh pengkaji.

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Dalam mencapai kecemerlangan pendidikan bertaraf global terutama pada peringkat organisasi pendidikan seperti KKTm dan IKM, ia banyak dipengaruhi oleh kepimpinan pengarah sebagai pentadbir organisasi tersebut. Kajian kepimpinan organisasi pendidikan banyak mengaitkan dengan konsep kepimpinan dengan individu, pengikut dan program yang dilaksanakan oleh organisasi berkenaan. Kepimpinan adalah merupakan faktor penting yang menbezakan antara pentadbir organisasi pendidikan seperti pengarah KKTm dan IKM yang berkesan dengan yang tidak berkesan. Kajian oleh Hussein, 1989 menunjukkan organisasi pendidikan seperti sekolah yang efektif dipimpin oleh pengetua yang berkesan, manakala sekolah yang kurang efektif pula dipimpin oleh pengetua yang kurang berkesan dan kurang minat untuk memajukan diri dan meningkatkan tahap profesionalisma mereka.

Salah satu konsep kepimpinan yang pengkaji banyak diperkatakan adalah kepimpinan instruksional. Kepimpinan instruksional memerlukan pemimpin sesebuah organisasi pendidikan berusaha dengan pensyarah atau guru supaya dapat meningkat amalan pengajaran dan pembelajaran melalui penyediaan satu budaya sekolah di mana perubahan dikaitkan dengan pengetahuan yang terbaik tentang pembelajaran pelajar. Terdapat bukti empirikal yang kukuh daripada penggunaan satu alat pengukuran kepimpinan instruksional iaitu, “*Principal Instructional Management Rating Scale*”

(PIMRS) oleh Hallinger (1982) yang menunjukkan bahawa amalan kepimpinan instruksional menyumbang kepada pencapaian akademik pelajar.

Di KKT dan IKM, salah satu inovasi kurikulum yang dilaksanakan adalah pelaksanaan program PBE. Bagi memastikan kejayaan perlaksanaan program PBE ini, pengarah hendaklah memainkan peranan penting dengan melaksanakan amalan kepimpinan instruksional yang digariskan tersebut. Dalam konteks kajian ini, pengkaji menggariskan amalan kepimpinan instruksional pengarah yang boleh menyumbang kepada kejayaan perlaksanaan program PBE dengan baik dan berkesan.

Terdapat banyak kajian lampau berkaitan amalan kepimpinan instruksional pemimpin organisasi pendidikan. Justeru bab ini menjelaskan tentang sorotan literatur yang berkaitan ketiga-tiga pembolehubah dalam kajian ini yang mempunyai hubungkait dengan pelaksanaan *Production Based Education* (PBE) yang merangkumi amalan kepimpinan instruksional pengarah, pelaksanaan program PBE di KKT dan IKM dan juga aspek kesediaan pensyarah dalam melaksanakan program PBE yang diperolehi melalui kajian di dalam dan luar negara.

Sorotan ini juga berdasarkan kajian lalu yang dilakukan oleh para pengkaji terdahulu sama ada pengkaji tempatan mahupun dari luar negara. Sorotan ini bertujuan untuk membuktikan kepentingan kajian ini dilakukan yang menyumbang kepada keseluruhan pelaksanaan program PBE di KKT dan IKM. Ia juga bertujuan supaya pengkajian berfokus kepada isu dan masalah berkaitan dengan tajuk kajian. Di samping itu, sorotan ini juga menjelaskan konstruk-konstruk tentang pelaksanaan program PBE di KKT dan IKM kajian.

2.2 Kepimpinan

Kepimpinan adalah dari kata dasar pemimpin yang membawa erti seseorang yang mengetuai atau mengurus suatu organisasi. Menurut Ronald *et. al* (1983), seseorang pengurus atau pentadbir perlu efektif dalam pelbagai bidang termasuk merancang, membuat keputusan, berkomunikasi, mengawal dan mengurus perselisihan. Kepimpinan membawa erti yang luas dan merupakan konsep yang pelbagai. Kepimpinan merupakan pemasatan keupayaan diri seseorang sebagai kuasa keseluruhan dalam mempengaruhi orang agar bekerja bersama-sama sebagai satu pasukan untuk mencapai sesuatu objektif. Gordon (1955), mendefinisikan kepimpinan sebagai satu proses interaksi di antara individu dengan kumpulan atau secara khususnya di antara individu dengan keseluruhannya ahli-ahli yang menganggotai kumpulan tersebut. Setiap yang terlibat dalam proses interaksi ini boleh dianggap memegang watak yang tertentu. Asas yang membezakannya ialah pengaruh iaitu pemimpin mempengaruhi dan pengikut mematuhi dan akur kepada pemimpinnya.

Hersey dan Blanchard (1982) memberikan tafsiran kepimpinan sebagai proses mempengaruhi pekerja untuk mencapai objektif organisasi. Pendapat ini disokong oleh Ronald et al (1983) yang menyatakan kepimpinan merupakan satu proses di mana ketua mendapat kerjasama dari pengikutnya untuk mencapai suatu matlamat di dalam sesebuah institusi. Malah menurutnya di dalam banyak hal ketua adalah penyebab utama kepada kegagalan atas sebab ketua tidak faham objektif organisasi atau gagal menyampaikan objektif itu kepada pekerjanya. Kepimpinan adalah proses menggerakkan tenaga manusia untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan tanpa sebarang tekanan atau paksaan. Yulk (1989) mendefinisikan kepimpinan secara lebih

umum iaitu menurut beliau kepimpinan dapat menentukan pembinaan semangat perkumpulan di kalangan pekerja.

Amalan kepimpinan Pengarah yang berkesan boleh mempengaruhi pensyarah dan staf KKTm dan IKM untuk melaksanakan sesuatu program telah diatur seperti pelaksanaan program PBE agar ianya dapat dilaksanakan dengan sempurna dan cemerlang. Menurut Robbins (2003), kepemimpinan boleh didefinisikan sebagai kemampuan seseorang untuk mempengaruhi sesuatu kumpulan untuk mencapai matlamat. Manakala Bush (2003) mengaitkan kepimpinan dengan tiga aspek iaitu kepimpinan dikaitkan dengan pengaruh, sahsiah dan pencapaian visi organisasi dan orang dipimpin. Pengaruh kepimpinan pengarah yang berkesan berupaya mencari dana tambahan dari sumber lain selain bajet yang diberikan oleh kerajaan dalam memastikan produk PBE dapat dihasilkan dengan jayanya.

Pengarah KKTm dan IKM juga perlu arif dan mengetahui dasar kurikulum dan ko-kurikulum, perundangan berkaitan pendidikan, hal-hal berkaitan dengan pentadbiran dan pengurusan seperti peraturan kewangan dan menjelaskan pula kepada mereka supaya setiap program yang dilaksanakan mengikut garis panduan yang dikehendaki oleh organisasi KKTm dan IKM. Menurut Ang Jit Eng, Balasandran (2012), pengetua sebagai seorang pemimpin kurikulum perlu arif dan memiliki pengetahuan yang luas melalui mpembacaan atau mendapatkannya dari sumber-sumber yang berkaitan mengenai falsafah pendidikan, teori pelaksanaan kurikulum dan kajian literatur mengenai sekolah berkesan. Pengarah sebagai ketua organisasi KKTm dan IKM sewajarnya memainkan peranan untuk memberi perkhidmatan bimbingan dan nasihat kepada pensyarah dan satf sokongan dalam berkaitan tugas dan peranan masing-masing.

2.3 Kepimpinan Instruksional

Sejak bermulanya kajian-kajian seawal tahun 1980an yang bertujuan mencari faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan (*school effectiveness*) dan peningkatan sekolah (*school improvement*), aspek kepimpinan sekolah telah dikenal pasti sebagai penyumbang utama. Kajian-kajian awal berkaitan dengan sekolah berkesan yang bermula di sekolah-sekolah pinggir bandar yang berpencapaian rendah di Amerika telah diperluaskan dengan pantas ke seluruh dunia. Kajian dan tulisan beberapa tokoh dalam bidang pengurusan seperti Edmonds (1979) dan Sergiovanni (1987), telah menunjukkan bahawa kepimpinan memainkan peranan yang penting untuk menentukan kelincinan, kecekapan, dan keberkesanan pengurusan sesebuah sekolah. Kajian-kajian dalam bidang keberkesanan sekolah seperti ini telah membawa kepada kajian-kajian yang menjurus kepada aspek kepimpinan sekolah khasnya kepimpinan pengajaran atau *instructional leadership*. Nama-nama sarjana dalam bidang kepimpinan instruksional seperti Blasé & Blasé (1998), Bossert, Dwyer, Rowan, & Lee (1982); Cooper(1989); Greenfield(1989); Hallinger(1990); Hallinger & Murphy(1987); Heck, Larson, & Marcoulides(1990); Segiovanni(2001) adalah tidak asing lagi bagi para pengkaji dalam bidang ini.

Bagi organisasi pendidikan kemahiran seperti KKTm dan IKM memiliki visi dan misi serta matlamat yang hendak dicapai iaitu melahirkan pelajar cemerlang yang berjaya dalam bidang akademik dan kemahiran. Bagi mencapai tersebut maka pengarah KKTm dan IKM tidak dapat memisahkan dirinya daripada menjadi pemimpin instruksional di organisasi yang dipimpinnya. Menurut Smith dan Andrews (1989) definisi pemimpin instruksional adalah “*instructional leader is an administrator who emphasizes the process of instructions and facilitates the interaction of teachers, student and the*

curriculum". Dalam pengurusan instruksional, pengarah KKTm dan IKM harus berperanan sebagai peneraju utama dalam proses kurikulum dan bukan hanya menyerah kepada timbalan pengarah atau pensyarah lain untuk melaksanakan tugas penting itu. Pengarah KKTm dan IKM adalah pemimpin utama dalam hal-hal berkaitan aktiviti instruksional yang menjurus kepada peningkatan kualiti pembelajaran pelajar bagi menjamin tahap pencapaian akademik dan kemahiran yang cemerlang. Kepimpinan KKTm dan IKM yang cemerlang selalunya juga akan menghasilkan institut latihan kemahiran yang cemerlang lagi terbilang. Pengarah KKTm dan IKM hendaklah memainkan peranan yang utama iaitu *core business* sebagai pemimpin instruksional sepetimana saranan Hoy & Miskel (2005) yang mengatakan peranan kritikal bagi semua pengetua sekolah adalah pemimpin instruksional di sekolah mereka.

Oleh yang demikian, dapatlah dirumuskan definisi kepimpinan instruksional adalah kepimpinan Pengarah KKTm dan IKM yang memiliki hala tuju yang jelas ke arah kecemerlangan dan berperanan sebagai pemimpin kurikulum yang berupaya mengurus dan menyelaras program instruksional kurikulum PBE supaya berjaya menghasilkan produk PBE yang berkualiti serta dapat memasarkan produk tersebut yang berupaya memenuhi kehendak pelanggan.

2.4 Model Kepimpinan Instruksional Hallinger dan Murphy (1985)

Kajian ini akan menggunakan model kepimpinan instruksional oleh Hallinger dan Murphy (1985) berdasarkan tiga dimensi iaitu mendefinisi misi sekolah, mengurus program instruksional dan mewujudkan iklim pembelajaran positif.. Bagi dimensi pertama model KI ini yakni mendefinisi misi sekolah, Pengarah hendaklah merangka


matlamat KKTm dan IKM dalam melaksanakan program PBE dengan kerjasama para pensyarah bagi mengenalpasti produk PBE yang boleh dihasilkan, berkualiti dan memenuhi kehendak pelanggan. Pengarah KKTm dan IKM hendaklah menjelaskan matlamat program ini kepada semua pensyarah dan pelajar dengan cara yang bersesuaian seperti sesi perjumpaan atau perhimpunan bulanan, surat edaran, mesyuarat, papan kenyataan, buletin dan melalui media sosial terkini.

Bagi dimensi kedua pula yakni mengurus program instruksional pula melibatkan usaha pengarah KKTm dan IKM bersama pensyarah dalam bidang kurikulum dan instruksional. Tugas yang terlibat adalah seperti menyelia dan menilai pengajaran pensyarah yang melibatkan aktiviti penghasilan produk PBE dan aktiviti sokongan pengajaran, membuat pemantauan bersama Timbalan Pengarah sama ada secara formal atau tidak formal atau pemantauan berkala ke atas pengajaran dan pembelajaran pensyarah dan juga bengkel serta makmal penghasilan produk PBE. Tugas merangka dan menyelaras kurikulum KKTm dan IKM pula adalah yang melibatkan aktiviti yang memberi peluang kepada pensyarah dan staf berkaitan seperti Juruteknik bekerjasama mlaraskan pengajaran dan penghasilan produk PBE mengikut piawaian yang ditetapkan dan mengawal kualiti produk yang dihasilkan. Manakala pemantauan kemajuan murid pula merujuk kepada penggunaan dapatan kawalan kualiti penghasilan produk PBE, melakukan dapatan ujian kawalan mutu produk, membuat post-mortem ujian kualiti supaya organisasi KKTm dan IKM dapat menetapkan matlamat yang sesuai, menilai kebakkesanan pengajaran dan mutu produk serta tahap kemajuan dan kepuasan pelanggan dengan sasaran yang ditetapkan.

Sementara bagi dimensi KI yang ketiga iaitu membentuk iklim pembelajaran yang positif pula merangkumi tindakan-tindakan pengarah KKTM dan IKM selaku pemimpin dan pentadbir hendaklah memupuk budaya dan suasana pembelajaran dalam kalangan pensyarah dan pelajar. Pengarah KKTM dan IKM hendaklah mempengaruhi sikap pensyarah dan pelajar dengan mewujudkan satu sistem insentif dan ganjaran yang bersesuaian yang memberi pengukuhan kepada pencapaian penghasilan produk PBE yang berkualiti dan bermutu yang berjaya dipasarkan dan memenuhi kehendak pelanggan.

Menurut model kepimpinan instruksional yang dicadangkan oleh Hallinger dan Murphy (1985) boleh dibahagi kepada tiga dimensi utama iaitu mendefinisikan misi sekolah, mengurus program pengajaran dan mewujudkan iklim pembelajaran. Daripada tiga dimensi itu boleh dikembangkan kepada 10 amalan kepimpinan instruksional seperti berikut:

- i) Mendefinisikan Misi Sekolah iaitu merangka matlamat sekolah dan menyampai atau menyebarkan matlamat sekolah.
- ii) Mengurus program pengajaran iaitu penyeliaan dan penilaian pengajaran, menyelaras kurikulum dan memantau kemajuan murid
- iii) Mewujudkan iklim Pembelajaran Positif iaitu mengawal waktu pengajaran guru, membudayakan perkembangan professional staf, mengekalkan ketampakan, menyediakan ganjaran kepada guru dan menyediakan insentif kepada murid



Rajah 2.1: Model Kepimpinan Instruksional Hallinger & Murphy (1985)

Model kepimpinan instruksional Hallinger & Murphy (1985) dapat dirumuskan seperti Rajah 2.1 di atas. Menurut Hallinger & Murphy (1985), huraian bagi ketiga-tiga dimensi tersebut adalah seperti berikut:

- i) Dimensi 1 : Mendefinisikan visi dan misi sekolah iaitu merangka dan menyebarkan matlamat sekolah.

Visi dan misi sekolah diterjemahkan melalui perancangan setiap aktiviti yang disusun bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Guru-guru, pelajar, staf sokongan dan ibu bapa diberi penjelasan mengenai apakah yang hendak dicapai. Contohnya bagi mencapai sasaran prestasi UPSR , pihak sekolah

memulakannya dengan mengadakan program yang dinamakan ‘ Majlis letak kerja UPSR’. Pada majlis ini guru besar akan memberi penjelasan yang terperinci tentang apakah aktiviti-aktiviti taktikal yang diatur sepanjang tahun kepada ibu bapa. Mereka diberi peluang untuk bersoal jawab terutamanya mengenai kutipan sumbangan kewangan bagi menjalankan semua aktiviti. Kepada guru-guru, visi dan misi diterjemahkan melalui pemantauan kerja-kerja yang dilakukan. Di dalam mesyuarat guru dan taklimat-taklimat, guru-guru juga sering diingatkan akan matlamat dan hala tuju sekolah. Guru-guru sentiasa diingatkan dari aspek kualiti yang hendak dicapai bersesuaian dengan visi sekolah untuk menjadi sekolah yang cemerlang.

ii) Dimensi 2 : Mengurus program pengajaran iaitu:

a) Menyelia dan menilai pengajaran.

Penyeliaan dibuat secara programatik. Bermula dengan penyemakan terhadap buku rekod mengajar guru, penyeliaan proses pengajaran dan pembelajaran (p & p), penyeliaan aktiviti kokurikulum dan semua program yang dijalankan, sekolah mengadakan kaedah penilaian dengan menggunakan instrumen-instrumen yang tertentu. Setiap guru akan dimaklumkan terlebih dahulu sekiranya penyeliaan p & p hendak dijalankan. Pada awal tahun guru-guru akan menerima jadual penyeliaan samada jadual penyeliaan p & p ataupun penyemakan buku latihan murid. Dengan itu guru-guru dapat membuat persediaan yang lebih rapi. Selepas setiap kali penyeliaan p & p dilakukan penyelia akan berbincang dengan guru yang diselia mengenai kekuatan dan kelemahan semasa proses p & p

berlangsung. Guru besar dan guru-guru penolong kanan bertindak sebagai penasihat mata pelajaran mengikut kepakaran masing-masing.

b) Menyelaras kurikulum.

Penyelarasan kurikulum dibuat dengan memperkasakan peranan dan fungsi setiap panitia mata pelajaran. Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Sekolah (JKS) sekurang-kurangnya diadakan 4 kali setahun atau pun mengikut keperluan. Setiap kali selepas mesyuarat JKS akan diikuti dengan mesyuarat panitia masing-masing. JKS akan menetapkan dasar sekolah terhadap aktiviti yang dijalankan. Mesyuarat JKS akan memberi penekanan tentang fokus utama setiap panitia. Dalam mesyuarat panitia fokus utama ialah memberi penekanan terhadap kemajuan prestasi pelajar. Perbincangan sama ada secara formal atau pun tidak formal sentiasa diadakan di kalangan guru-guru bagi memastikan objektif setiap aktiviti panitia tercapai. Setiap aktiviti panitia akan dibuat penilaian bagi mengetahui keberkesanannya. Sebagai pengerusi JKS, guru besar sentiasa memantau perjalanan aktiviti panitia dan akan berbincang dengan pengerusi panitia apabila dirasakan perlu. Guru besar juga seboleh-bolehnya cuba untuk hadir di dalam setiap mesyuarat panitia mata pelajaran. Tindakan susulan segera akan diambil sekiranya terdapat lompang-lompang yang dikenalpasti perlu dipenuhi bagi mencapai objektif. Perkembangan profesionalisma staf sentiasa diadakan dari semasa ke semasa. Guru-guru yang berkursus akan memberi input kepada rakan-rakan yang lain.

- c) Memantau kemajuan pelajar.

Kemajuan pelajar di dalam akademik sentiasa dipantau dengan menggunakan kaedah atau program tertentu seperti program e-pantau yang diguna pakai oleh semua sekolah di negeri Terengganu. Melalui program ini kemajuan pelajar dapat dilihat dari semasa ke semasa. “*Head count*” setiap pelajar juga dapat dilakukan melalui program ini. Analisis item dilakukan bagi guru mengenal pasti kelemahan pelajar dalam topik-topik tertentu. Guru mengenalpasti kelemahan pelajar dan tindakan susulan diambil berdasarkan keperluan individu.

Pendekatan secara personal setiap individu diamalkan sejak dari tahun satu lagi. Sekiranya perlu ibu bapa akan dipanggil untuk berbincang dengan pihak sekolah. Guru besar sentiasa mendekatkan diri dengan murid. Hubungan yang mesra dan erat terjalin dapat menawan hati pelajar agar menurut kata dan sentiasa berusaha ke arah kecemerlangan. Murid bermasalah akan dikenal pasti sejak tahun satu lagi. Mulai bulan Jun, guru besar akan memanggil murid-murid tahun enam secara berkelompok. Setiap kelompok seramai 10 orang adalah mengikut kumpulan keupayaan masing-masing secara bergilir-gilir pada waktu rehat. Pertemuan diadakan bagi tujuan mendekatkan diri dengan murid, memberi bimbingan dan motivasi, mengenal pasti masalah murid dan memberi kesedaran tentang peranan murid untuk menjaga nama baik dan martabat sekolah di kalangan masyarakat serta mewujudkan budaya mesra murid seperti melawat murid.

ii) Dimensi 3 : Mewujudkan iklim pembelajaran positif iaitu:

a) Mengawal waktu p & p guru.

Pihak sekolah memastikan setiap program sampingan yang hendak dijalankan seboleh-bolehnya tidak mengganggu waktu pembelajaran harian guru. Kebanyakan program yang dijalankan diadakan disebelah petang ataupun dihujung minggu. Guru-guru dilarang sama sekali mengadakan sebarang latihan samada latihan sukan, permainan atau ko-kurikulum dalam waktu pembelajaran. Setiap latihan diadakan di luar waktu pembelajaran ini sudah menjadi dasar sekolah.

b) Membudayakan perkembangan profesional.

Kursus perkembangan staf diadakan sekurang-kurangnya 4 kali setahun, tidak termasuk kursus-kursus yang dihadiri oleh ahli-ahli panitia matapelajaran. Guru-guru yang berkursus akan berkongsi maklumat dengan guru yang lain. Contohnya guru yang berkursus mengenai ICT akan memberi input kepada semua guru mengenai perlaksanaan ICT supaya setiap guru tahu akan perkembangan semasa walaupun mereka tidak terlibat dengan mata pelajaran berkenaan. Bagi kursus secara rasmi pihak sekolah menjemput tenaga profesional dari luar untuk memberi input seperti pegawai-pegawai dari PPD ataupun JPN atau pun agensi lain yang berkaitan. Manakala guru besar juga akan memberi input pada tajuk-tajuk tertentu. Konsep “*sharing the knowledge*“ hendaklah diamalkan oleh setiap warga sekolah.

- c) Mengelakkan ketampakan (*visibility*).

Menurut Hussein (1989), kepimpinan instruksional yang berjaya juga menekankan tiga aspek yang mempunyai kesan secara langsung dengan guru iaitu sentiasa kelihatan, menasihati guru dan terlibat dalam tugas-tugas mengajar. Guru besar sentiasa ada bersama guru dan murid pada perhimpunan setiap pagi. Bacaan doa bersama-sama guru dan murid serta staf sokongan di tapak perhimpunan dilakukan setiap pagi. Guru besar juga mengadakan pemantauan sambil berbincang dengan guru dan staf sokongan sekolah dan bersama membantu guru pemulihan mengendalikan kelas pemulihan. Guru besar turut serta dalam setiap program samada di dalam waktu persekolahan ataupun di luar waktu persekolahan. Ini bertujuan untuk memastikan setiap program yang dijalankan mengikut perancangan dan juga dapat mengetahui secara langsung akan masalah yang dihadapi semasa program berlangsung serta membantu guru-guru mengatasi masalah di samping dapat memberi dorongan yang berterusan untuk guru terus berusaha.

- d) Menyediakan ganjaran kepada guru.

Memberi ganjaran samada dalam bentuk secara langsung atau pun tidak langsung. Contoh secara langsung ialah seperti memberi hadiah pada hari guru, hari sukan, guru bertukar dan juga pada akhir tahun persekolahan. Ganjaran tidak langsung seperti jamuan setiap kali mesyuarat ataupun selepas sesuatu acara besar seperti hari sukan, perkhemahan dan kem-kemmata pelajaran. Ganjaran tidak langsung juga berupa pujian kepada guru-guru sama ada di hadapan murid-murid, ibu bapa , pelawat-pelawat sekolah dan pegawai-pegawai PPD serta JPN. Melalui iklim

mesra guru, guru-guru diberi peluang untuk menyatakan pendapat atau pun mengemukakan cadangan dalam setiap program secara profesional. Guru besar memberi ruang dan peluang kepada setiap guru untuk menjana kreativiti masing-masing dalam pelbagai aktiviti di sekolah dengan syarat tidak melanggar dasar sekolah di samping menjalin kemesraan dan wujudkan kejelekitan di kalangan seluruh warga sekolah.

e) Menyediakan Insentif Kepada Pelajar.

Insentif disediakan setiap kali selepas ujian bulanan dijalankan. Bagi murid yang mencapai standard yang telah ditetapkan mereka akan menerima insentif dari pihak sekolah dengan kerjasama PIBG. Ianya melibatkan semua murid-murid dari tahun satu sehingga ke tahun enam. Murid cemerlang gambar mereka akan dipaparkan di papan kenyataan disudut pelajar cemerlang bulan ini.

2.5 *Production Based Education (PBE)*

Salah satu inovasi kurikulum yang telah dilaksanakan oleh KKTm dan IKM kajian adalah Program *Production Based Education* (PBE) atau Program Pembelajaran Berasaskan Pengeluaran. Kajian oleh Shabudin (2012) mengatakan program PBE adalah suatu program yang mengintegrasikan dua elemen iaitu pelajaran (*education*) dan pengeluaran (*production*) dalam latihan kemahiran yang dijalankan. Melalui program ini, hasil daripada projek pelajar akan dipasarkan.

Melalui program PBE ini , pelajar akan didedahkan dengan persekitaran bekerja sebenar kerana ia adalah sangat saling berkaitan dengan asas pengeluaran produk. Kaedah perlaksanaan program PBE adalah seperti berikut:

- i) PBE dapat dilaksanakan jika kaedah pembelajaran diubahsuai dengan mengadaptasikan Program Modular dan Kaedah Blok. Pembelajaran ini disusun dengan kursus teori didahulukan (selama seminggu) diikuti dengan kursus praktikal (selama seminggu). Proses ini akan berturutan sehingga modul pembelajaran berjaya dihabiskan dengan sempurna.
- ii) Waktu perlaksanaan program PBE boleh dijalankan semasa waktu latihan normal, selepas waktu latihan, hari Sabtu dan Ahad atau cuti umum serta semasa latihan industri.
- iii) Pihak jabatan atau program perlu menentukan jenis produk dan jenis kompetensi yang terlibat untuk memastikan skop latihan adalah selari dengan silibus yang digunakan.
- iv) Pihak jabatan atau program juga perlu menentukan jenis produk samada boleh dikategorikan sebagai produk piawai (*standard product*) atau produk pesanan (*customized product*) yang mempunyai pasaran (*market*). Produk yang dihasilkan perlulah mematuhi standard kualiti yang ditentukan oleh pelanggan.
- v) Dalam masa yang sama sekiranya pihak koperasi KKTm dan IKM mendapat tempahan dari industri, maka tempahan tersebut akan dibuat dalam bentuk tempahan kerja (*job-order*) kepada KKTm dan IKM. Seterusnya KKTm DAN IKM akan melaksanakan pengeluaran (*production*) dalam latihan praktikal yang dikendalikan. Produk yang dihasilkan akan diserahkan kepada koperasi untuk dihantar kepada industri atau pelanggan.

- vi) Membangunkan Program Pembayaran (*Remenuration Program*) untuk agihan upah dan keuntungan. Keuntungan yang diperoleh dari penjualan produk akan diagihkan antara pihak koperasi dan institusi. Manakala pensyarah dan pelajar yang terlibat dalam menghasilkan produk bolehlah diberikan imbuhan untuk eluan PBE.
- vii) Pihak koperasi KKTm dan IKM akan memainkan peranan sebagai entiti perniagaan (*business entity*) bagi program PBE ini di mana segala urusan pemasaran, penerimaan projek daripada pihak luar atau pihak industri, pengagihan kerja, penghantaran dan pengagihan keuntungan akan diletakkan di bawah pengurusan koperasi.

Kajian oleh Nawawi (2013) mengenai inovasi kurikulum di IKM zon utara mendapati program PBE ini telah mula dilaksanakan di IKM berkenaan secara aktif sejak tahun 2008, setelah mendapat kelulusan daripada pihak pengurusan MARA, dengan beberapa produk telah dapat dihasilkan dan telah berjaya dipasarkan. Antara produk yang telah dihasilkan dan dipasarkan adalah seperti cokmar, rostrum, sofa, rak *tray* makan, *kitchen cabinet*, *tile cutter* dan lain-lain lagi.

Menurut Shabudin (2012) program PBE ini juga telah dilaksanakan di Politeknik Manufaktur Negeri Bandung (POLMAN) di Indonesia. Rangka kerja program PBE di POLMAN telah diamalkan dan diaplikasikan secara menyeluruh. Apabila mendapat pesanan produk dari industri, Bahagian Kejuruteraan akan melakukan rekabentuk dan mengedar rekabentuk terperinci serta penggubalan pekerjaan kepada Bahagian Pendidikan. Bahagian Pendidikan mengagihkan kerja kepada pelajar-pelajar mengikut semester yang sesuai. Pengagihan ini perlu sesuai dengan tahap kesukaran dan kerumitan serta masa penyampaian subjek. Pensyarah mesti menyelia dan

bertanggungjawab ke atas kualiti rekabentuk yang telah dihasilkan. Seterusnya Bahagian Perancangan dan Kawalan Pengeluaran akan membuat perancangan pengeluaran dan kawalan seperti urutan proses pengeluaran, anggaran masa pengeluaran berdasarkan rekabentuk.

Kajian mengenai program PBE ini juga telah dilakukan oleh Hariwatarama (1993) dan Triatmoko (2010) di mana pendekatan program ini adalah menggabungkan dua elemen penting iaitu pembelajaran (*education*) dan pengeluaran (*production*) dalam latihan kemahiran yang dijalankan. Menurut Hariwatarama (1993) dan Triatmoko (2010) dalam Shabudin (2012), kelebihan-kelebihan yang diperolehi melalui perlaksanaan Program PBE ini adalah seperti berikut:

- i) melahirkan pelajar yang berkemahiran tinggi, sentiasa terdedah dengan teknologi semasa dan berupaya mengadaptasikan kemahiran dan potensi mengikut perubahan teknologi.
- ii) melahirkan pelajar yang memiliki pelbagai kemahiran (*multi-skills*) dan serba-boleh serta sentiasa memenuhi keperluan pasaran pekerjaandan teknologi semasa.
- iii) menyediakan latihan yang dapat mendorong pelajar untuk lebih cenderung menceburi bidang keusahawanan.
- iv) memberikan pelajar peluang untuk mendapatkan pengalaman latihan di persekitaran kerja sebenar.menjana etika kerja positif dan menerapkan budaya kerja industri dalam latihan kemahiran teknikal.
- v) menyediakan peluang penempatan kerjaya dan latihan industri di institusi bagi mengatasi masalah penempatan latihan industri di industri yang terhad.
- vi) secara berperingkat dapat membantu meringankan beban kerajaan dari aspek mengurus operasi latihan yang dikendalikan oleh institusi.

Selain itu, Akademi Teknik Mesin Industri (ATMI) Surakarta, Jawa Tengah, Indonesia adalah institusi yang menjalankan program PBE dan berada di bawah naungan Yayasan Karya Bakti, Indonesia (Shabudin, 2012). ATMI telah berkembang menjadi institusi pendidikan tinggi yang mempunyai kepakaran dalam bidang pembuatan peralatan dan mesin. ATMI telah berjaya melaksanakan latihan berdasarkan pengeluaran untuk memberi latihan kemahiran kepada belia-belia dari keluarga miskin dan sederhana untuk latihan kemahiran selama 3, 6 atau 9 bulan. ATMI telah diiktiraf sepenuhnya oleh kerajaan Indonesia sebagai pusat kecemerlangan bagi latihan vokasional di Indonesia.

ATMI mempunyai reputasi yang tinggi dan di peringkat antarabangsa. Pembiayaan kewangan ATMI adalah melalui hasil pengeluaran produk melalui yang dilaksanakannya. Untuk setiap tahun, seramai 160 graduan telah dapat dihasilkan oleh ATMI. Terdapat tiga program diploma yang ditawarkan di ATMI iaitu *Diploma in Manufacturing*, *Diploma in Mechatronic Engineering* dan *Diploma in Design Engineering*. Produk-produk yang dihasilkan di ATMI adalah kabinet besi, katil hospital, acuan tekan (*tool and die*), barang plastik (*plastic Injection parts*), produk aluminium (*aluminium die casting*) dan perkakasan (*jig and fixture*), *CNC Lathe Machine*, *CNC Milling Machine*, *Chain assembly Machine* dan *Bush Forming Machine*.

Selain daripada itu kajian program PBE ini juga telah dilakukan oleh Mat Jusoh (2009) di KKTM Masjid Tanah yang mana dapatan kajian beliau mendapati pelaksanaan program PBE telah memberikan cabaran yang besar kepada pihak-pihak berkepentingan dan mempunyai kesan yang besar kepada organisasi di mana hasil PBE adalah graduan profesional dan produk yang boleh dijual. Kajian ini menunjukkan bahawa tahap kesediaan positif di kalangan pensyarah, pelajar, peralatan dan kemudahan fizikal untuk perlaksanaan program PBE. Tahap kesediaan dalaman adalah amat penting kepada

institusi pendidikan sebelum melaksanakan proses pemerolehan teknologi untuk menghalang pelaksanaan dari kegagalan. Hasil kajian beliau mendapati aspek kesediaan yang terpenting dalam perlaksanaan Program PBE adalah kemahiran teknikal pensyarah.

Kajian selanjutnya oleh Shabudin (2012) mendapati melalui program PBE ini mampu melahirkan pelajar yang memiliki pelbagai kemahiran (*multi-skills*) dan serba-boleh (*versatile*) serta sentiasa memenuhi keperluan pasaran pekerjaan semasa dalam negara mahu pun di luar negara. Selain daripada itu, ia berupaya menyediakan latihan yang dapat mendorong pelajar untuk lebih cenderung menceburi bidang keusahawanan. Program PBE juga berupaya untuk mewujudkan mekanisma *smart partnership* antara KKTm dan IKM dan pihak industri bagi mengukuhkan kerjasama dan penglibatan industri dalam latihan serta teknologi terkini.

Secara keseluruhannya, hasil dapatan kajian oleh Shabudin (2012) menunjukkan bahawa tahap kesediaan pensyarah teknikal di KKTm dan IKM berada pada tahap yang tinggi amat diperlukan bagi menjayakan program PBE ini. Aspek kemahiran teknikal juga merupakan aspek kesediaan dominan dalam kalangan pensyarah KKTm dan IKM selaras dengan objektif Program PBE untuk menghasilkan pelajar yang kompeten dan produk yang berkualiti untuk dikomersialkan. Tanpa kekuatan kemahiran teknikal sesuatu organisasi tidak dapat menghasilkan produk. Tambahan lagi, dalam perlaksanaan program PBE yang mengintegrasikan pendidikan dan pengeluaran produk, di mana ianya amat menitikberatkan kepada penghasilan pelajar yang berkompetensi tinggi dan berakhhlak mulia serta pengeluaran produk yang dihasilkan oleh pensyarah. Selain daripada itu menurut Shabudin (2012) lagi aspek kemahiran teknikal pensyarah, inovasi, kesediaan pihak pengurusan dan pelajar KKTm dan IKM serta aspek ciri-ciri

keusahawanan yang dimiliki oleh pengarah, pensyarah dan pelajar KKTM dan IKM juga amat diperlukan bagi menentukan kejayaan program PBE ini.

2.6 Program *School Enterprise*

Seperti juga program PBE, *School Enterprise* (SE) merupakan salah satu kaedah pengaplikasian pengetahuan dan kemahiran pelajar dengan persekitaran sebenar (alam pekerjaan) supaya menjadikan mereka pelajar yang kreatif, inovatif, produktif, berdaya saing dan berdikari (self-employment). Selain daripada itu, SE dapat membantu meningkatkan minat dan motivasi pelajar untuk mendalami pendidikan teknik, vokasional dan kemahiran. Gabungan pendidikan akademik dan latihan kemahiran juga merupakan kesepadan ilmu yang dapat membantu pelajar menjalinkan hubungan yang rapat dengan komuniti dan seterusnya membantu komuniti menjana ekonomi setempat. Secara langsung ia dapat menyumbang ke arah peningkatan kualiti kerja, menjana ekonomi dan meningkatkan pendapatan rakyat Malaysia.

Konsep *School Enterprise* bukanlah sesuatu yang baru, tetapi ianya bertujuan memberi kemahiran kebolehpekerjaan di samping menyediakan pengajaran dan pembelajaran untuk pelajar-pelajar. School Enterprise juga adalah suatu simulasi perniagaan simulasi perniagaan yang dikendalikan oleh sesebuah sekolah. Ia direkabentuk untuk direplikakan dalam suatu perkara khusus atau segmen satu industri dan membantu pelajar dalam memperolehi pengalaman kerja iaitu berkaitan dengan pemilihan kerjaya mereka (Gugerty, 2008). Justeru melalui konsep ini, ianya dapat disesuaikan dengan pelaksanaan program PBE di KKTM dan IKM dimana pensyarah dan pelajar boleh meningkatkan kemahiran menghasilkan produk PBE yang berkualiti dan boleh

dipasarkan. Pihak pentadbir KKT dan IKM boleh memberi insentif dan ganjaran kepada mereka melalui hasil jualan produk yang telah dijual.

Menurut Gugerty (2008), melalui perlaksanaan School Enterprise di negara China menunjukkan ladang-ladang yang diusahakan di sekolah-sekolah pendidikan teknik dan vokasional ini terutamanya dalam pertanian. Seperti mana petani-petani, pelajar-pelajar bukan sahaja mampu untuk mendapat amalan dan praktikal malahan dapat mempelajari bagaimana untuk mempelajarinya. Biasanya, sepanjang tempoh itu, pelajar boleh belajar di sekolah dan mengamalkan di ladang itu, serta pelajar mungkin juga boleh menguruskan ladang-ladang kecil di rumah mereka sendiri.

Hasil manfaat tersebut menyebabkan teknik-teknik pertanian yang maju mampu diserbarkan kepada sekolah-sekolah di mana nilai kemahiran tersebut sukar didapati secara mudah. Ini merupakan satu cara berkesan untuk membantu petani-petani menguasai teknik yang praktikal supaya sebagai untuk meningkatkan pengeluaran. Pendekatan ini bersama pendidikan dengan pengeluaran melalui pengertian School Enterprise membandingkan dengan terdahulu program kerja produktif di sekolah-sekolah rendah, memperkenalkan seperti satu bahagian pertambahan kurikulum, di mana berkonsepkan kerja produktif terhad telah diintegrasikan dalam kurikulum sebagai sebahagian daripada subjek praktikal atau sebagai aktiviti-aktiviti luar kurikulum.

2.7 Kesediaan Institusi melaksanakan program PBE

Menurut Triatmoko (2010), keperluan-keperluan yang perlu ada dalam sebuah institusi pendidikan dan latihan untuk melaksanakan Sistem PBE adalah seperti berikut:

(i) Sumber manusia

Tenaga pengajar adalah menggunakan sumber pengajar sedia ada. Bagi memastikan kemahiran tenaga pengajar berada di tahap yang tinggi. Pelbagai aktiviti perlu dirangka dan dilaksanakan seperti lawatan ke Industri, kursus, latihan industri (industrial attachment), lawatan atau latihan di mana-mana institusi yang menjalankan PBE. Pasukan Senggaraan Alatan (Maintenance Team) perlu diwujudkan bagi memastikan mesin sentiasa berada dalam keadaan baik dan boleh digunakan. Pegawai Perhubungan Industri akan memainkan peranan sebagai penghubung di antara institusi latihan dan pihak Industri.

(ii) Sumber kewangan

Perolehan bahan bagi PBE adalah melalui peruntukan kewangan daripada pihak Koperasi secara berfasa. Mendapatkan peruntukan kewangan untuk perolehan peralatan dan alatan serta menghantar pengajar untuk menjalani latihan atau kursus khas berkaitan PBE.

(iii) Keperluan peralatan dan mesin

Dalam melaksanakan PBE, peralatan dan mesin yang digunakan perlu setaraf dari segi teknologinya dengan yang digunakan oleh pihak industri. Pertambahan peralatan dan mesin perlu dilakukan jika kemudahan sedia ada tidak mencukupi.

(iv) Pasaran

Pihak Industri samada dalam atau luar negera .Pelanggan dalaman organisasi dan pelanggan luaran samada dari institusi-institusi lain, syarikat berkaitan kerajaan dan syarikat swasta serta industri kecil dan sederhana.

(v) Keperluan tambahan

Melaksanakan Sistem Syiling (Coins System) bagi pengurusan penggunaan alat tangan yang lebih sistematik dan berkesan dimana pelajar akan menggunakan coin di mana setiap pelajar akan diberikan 10 coins untuk membuat pinjaman alat kerja tangan (handtools) daripada Bilik Penyimpanan Alat dan Bahan. Satu coin untuk meminjam satu jenis alatan. Membangunkan Perisian PBE (PBE Software) yang sesuai untuk memantau semua proses yang terlibat didalam penghasilan produk bermula daripada pesanan daripada pihak industri hingga kepada penghantaran produk. Mengujudkan Sistem Kawalan Mutu Menyeluruh (Total Quality Control System - TQM) untuk semua proses pembuatan dan pengeluaran produk. Mengadakan ruang penyimpanan yang berasingan bagi bahan untuk PBE bagi memudahkan kerja-kerja mengaudit bahan.

2.8 Kesediaan pensyarah melaksanakan PBE

Kajian oleh Shabudin (2012) dalam mengenal pasti sejauh mana kesediaan pensyarah IKM Johor Bahru untuk melaksanakan PBE secara efisien mendapati bahawa faktor-faktor kesediaan pensyarah adalah merangkumi aspek keusahawanan, konsep PBE, kemahiran teknikal, inovasi dan kemahiran insaniah.

Manakala kajian perlaksanaan Sistem PBE di KKT Masjid Tanah, Melaka oleh Mat Jusoh (2009) dalam Shabudin (2012) mendapati pelaksanaan sistem PBE di KKT Masjid Tanah telah memberikan cabaran yang besar kepada pihak-pihak berkepentingan dan mempunyai kesan yang besar kepada organisasi di mana hasil PBE adalah graduan profesional dan produk yang boleh dijual. Kajian ini menunjukkan bahawa tahap kesediaan positif di kalangan pensyarah, pelajar, peralatan dan kemudahan fizikal untuk perlaksanaan sistem PBE. Tahap kesediaan dalaman adalah amat penting kepada institusi pendidikan sebelum melaksanakan proses pemerolehan teknologi untuk menghalang pelaksanaan dari kegagalan. Hasil kajian beliau mendapati aspek kesediaan yang terpenting dalam perlaksanaan Sistem PBE adalah kemahiran teknikal pensyarah.

2.9 Kesimpulan

Dalam bab ini, sorotan literatur oleh pengkaji mendapati kepentingan amalan kepimpinan instruksional yang wajar dilaksanakan oleh pengarah KKT dan IKM dalam melaksanakan program PBE ini. Selain itu aspek kesediaan pensyarah juga penting dalam memastikan program PBE ini dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan di KKT dan IKM kajian. Seterusnya bab ketiga akan menerangkan secara terperinci mengenai metodologi kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap amalan kepimpinan instruksional pengarah, tahap pelaksanaan program PBE, tahap kesediaan kesediaan pensyarah dalam melaksanakan program PBE di KKT dan IKM dengan baik dan berjaya. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti tahap kepimpinan instruksional pengarah dan tahap kesediaan pensyarah yang paling dominan dalam melaksanakan program PBE di KKT dan IKM. Selain daripada itu kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti sama ada kesediaan pensyarah menjadi perantara bagi hubungan antara kepimpinan instruksional pengarah dengan pelaksanaan program PBE di KKT dan IKM dan mengenalpasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan di antara Kepimpinan Instruksional, Kesediaan Pensyarah, Perlaksanaan PBE mengikut demografi pensyarah KKT dan IKM.

Justeru bab ini akan menghuraikan metodologi kajian yang merupakan satu set kaedah sistematik yang dijalankan untuk mencapai objektif dan persoalan kajian. Bagi memastikan hasil kajian sesuatu penyelidikan itu berlaku dengan baik seseorang penyelidik harus dapat merancang kajiannya dengan menggunakan reka bentuk kajian yang sesuai dengan tujuan kajiannya. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Zigmund (2003), reka bentuk kajian merupakan perancangan yang khusus bagi kaedah dan prosedur untuk mengumpul dan menganalisa data. Ini adalah kerana reka bentuk kajian

melibatkan proses membuat keputusan dan pilihan yang berpandukan kepada tujuan kajian, strategi kajian, tempat kajian, jenis kajian, unit analisis, reka bentuk persampelan, kaedah pengumpulan data, pengukuran dan penganalisisan data (Sekaran 2000).

Oleh itu bab ini juga akan membincangkan kaedah pengkajian yang dijalankan secara keseluruhannya. Penggunaan kaedah yang bersesuaian menentukan ketepatan dan hasil kajian yang terbaik serta berupaya untuk mencapai matlamat dan objektif yang telah ditetapkan. Aspek yang dibincangkan termasuk rekabentuk kajian, pemilihan responden dan tempat kajian, kajian rintis, tatacara perolehan maklumat, pengumpulan data dan tatacara penganalisisan data serta rumusan. Kajian yang dijalankan ini adalah untuk meneroka dan menghuraikan tahap amalan kepimpinan instruksional pengarah, pelaksanaan program PBE di KKTM dan IKM dan tahap kesediaan pensyarah KKTM dan IKM dalam melaksanakan program PBE dengan baik dan berkesan.

3.2 Reka Bentuk kajian

Penyelidikan terdiri daripada beberapa proses dan komponen yang perlu diikuti iaitu (i) pengenalpastian masalah, (ii) pengumpulan data awalan, (iii) pembangunan kerangka teori, (iv) pembangunan objektif dan persoalan kajian, (v) sorotan kajian lampau, (vi) pembangunan reka bentuk kajian, (vii) pengumpulan dan analisa data serta (viii) perbincangan dan penutup (Sekaran & Bougie, 2009). Komponen (i) hingga (iv), iaitu pengenalpastian masalah hingga pembangunan objektif dan persoalan kajian dibentang dalam Bab 1 kajian ini. Komponen (v), iaitu sorotan kajian lampau dibentang dalam Bab 2. Manakala komponen (vi), iaitu pembangunan reka bentuk kajian dibentang

dalam Bab 3. Bagi komponen (vii) iaitu pengumpulan dan analisa data dibentang dalam Bab 4. Komponen (viii), iaitu perbincangan dan penutup data pula dibentang dalam Bab 5.

Pengkaji lampau berbeza pandangan mengenai reka bentuk kajian. Menurut Bryman (2008), reka bentuk kajian adalah kerangka yang diguna oleh sesebuah kajian bagi mengutip dan menganalisis data. Bagi Robson (2011) pula, reka bentuk kajian berfungsi untuk menukar persoalan kajian kepada projek yang melibatkan komponen tujuan, teori, persoalan kajian, metod dan strategi persampelan. Sementara itu, Creswell (2009) berpendangan, reka bentuk kajian adalah rancangan atau cadangan bagi menjalankan kajian yang melibatkan interaksi antara falsafah kajian, strategi penyelidikan dan metod kajian. Reka bentuk kuantitatif sesuai bagi kajian deskriptif manakala kajian yang bertujuan membuat penjelasan, reka bentuk eksperimen adalah sesuai diguna (Robson 2011).

Justeru reka bentuk kajian yang akan dijalankan ini menggunakan pendekatan reka bentuk kuantitatif melalui kaedah tinjauan. Menurut Chua (2006) kajian tinjauan merupakan salah satu kaedah penyelidikan bukan experimental yang popular digunakan dalam pelbagai bidang terutamanya dalam bidang sains sosial.

Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang bertujuan untuk mengumpul data daripada satu set populasi. Menurut Barbie (2001), kajian tinjauan merupakan kaedah yang terbaik untuk memungut data yang asli daripada populasi yang besar melalui teknik persampelan. Kaedah tinjauan dilaksanakan dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen utama. Soal selidik dipilih sebagai alat kajian utama kerana i) melalui pentadbiran soal selidik, data responden pensyarah, ii) saiz sampel yang besar boleh diaplikasikan, iii) mendapat maklumat secara terus daripada responden dalam masa yang

singkat dan iv) hasil kajian dapat digeneralisasi kepada populasi dengan tepat dan berkesan.

Sebagaimana yang dinyatakan oleh beberapa sarjana barat (Barbie 2001; Gay 1996; Mitchell & Jolley 2004; Neuman 2003) yang mengatakan bahawa, soal selidik adalah kaedah termudah dan berkesan dalam memperoleh data piawai daripada saiz sampel kajian yang besar dan menyeluruh. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif dengan melakukan soal-selidik kepada pensyarah KKT dan IKM yang dipilih secara rawak.

3.3 Pemilihan Tempat dan Responden Kajian

3.3.1 Tempat kajian

Sehingga 2013, bilangan KKT yang telah beroperasi di seluruh Malaysia adalah sebanyak 10 buah (Data MARA, 2013), manakala bilangan IKM yang telah beroperasi adalah sebanyak 13 buah. Taburan bilangan KKT dan IKM yang telah beroperasi mengikut negeri adalah seperti seperti di Jadual 3.1 di bawah.

Jadual 3.1: Taburan KKTm dan IKM yang telah beroperasi mengikut negeri di Malaysia

Zon	Negeri	Bilangan KKTm	Bilangan IKM	Jumlah
Utara	Perlis	-	1	1
	Kedah	-	3	3
	Pulau Pinang	1	-	1
	Perak	-	1	1
Tengah	Selangor	2	-	2
	WP Kuala Lumpur	-	1	1
	Negeri Sembilan	1	-	1
Selatan	Melaka	1	1	2
	Johor	2	1	3
	Pahang	1	1	2
Timur	Terengganu	1	1	2
	Kelantan	1	-	1
	Sabah	-	1	1
Borneo	Sarawak	-	2	2
	WP Labuan	-	-	-
Jumlah		10	13	23

Sumber: Data MARA, 2013

3.3.2 Responden kajian

Sehingga bulan Disember 2013, bilangan pengarah dan pensyarah yang berkhidmat di kesemua KKTm dan IKM seluruh Malaysia adalah seperti Jadual 3.2 di bawah. Bilangan pengarah KKTm kajian adalah seramai 10 orang iaitu tujuh orang lelaki dan tiga orang wanita, manakala bilangan pengarah IKM kajian adalah seramai 13 orang lelaki sahaja. Bilangan pensyarah KKTm kajian adalah seramai 496 orang iaitu 352 orang pensyarah lelaki yang mewakili 71% daripada bilangan keseluruhan pensyarah KKTm, manakala pensyarah wanita adalah seramai 144 orang atau 29% sahaja. Bilangan pensyarah IKM pula adalah seramai 853 orang yakni 694 pensyarah lelaki yang mewakili 81.4% dan bilangan pensyarah wanita adalah seramai 159 orang atau

hanya 19.6% sahaja. Jumlah keseluruhan pensyarah KKT dan IKM kajian adalah seramai 1349 orang yang terdiri daripada 1046 pensyarah lelaki atau 77.5% manakala bilangan pensyarah wanita adalah seramai 303 orang atau 22.5%.

Jadual 3.2: Taburan bilangan program, pengarah dan pensyarah KKT dan IKM

Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKT)							
Zon	Negeri	Bil. Program	Pengarah Lelaki	Pengarah Wanita	Pensyarah Lelaki	Pensyarah Wanita	Jumlah
Utara	Pulau Pinang	5	-	1	52	5	57
	Beranang	5	1	-	29	13	42
Tengah	Petaling Jaya	1	-	1	15	15	30
	N.Sembilan	5	1	-	23	24	47
Selatan	Melaka	4	-	1	38	3	41
	Ledang	5	1	-	36	23	59
	Sri Gading	5	1	-	29	20	49
	Pahang	5	1	-	47	13	60
Timur	Terengganu	5	1	-	46	6	52
	Kelantan	6	1	-	37	22	59
	Jumlah	46	7	3	352	144	496
Institut Kemahiran MARA (IKM)							
	Perlis	8	1	-	48	5	53
	Alor Star	4	1	-	15	10	25
Utara	Sg. Petani	10	1	-	49	20	69
	Sik	7	1	-	45	8	53
	Perak	14	1	-	90	23	113
Tengah	Kuala Lumpur	9	1	-	52	4	56
	Melaka	10	1	-	68	10	78
Selatan	Johor	13	1	-	88	16	104
	Pahang	15	1	-	112	21	133
Timur	Terengganu	6	1	-	42	9	51
	Kuching	9	1	-	44	18	62
Borneo	Bintulu	5	1	-	14	10	24
	Sabah	6	1	-	27	5	32
	Jumlah	116	13	-	694	159	853
	Jumlah keseluruhan	162	20	3	1046	303	
	Jumlah pengarah dan pensyarah			23		1349	

Sumber: Cawangan Pengajian, Bahagian Kemahiran & Teknikal MARA, 2013

Dalam kajian ini responden kajian terdiri dari pensyarah dari KKT dan IKM se Malaysia yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya satu tahun. Responden kajian dipilih secara rawak. Berdasarkan jadual penentuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970), jika bilangan populasi seramai 1400 orang, maka saiz sampel kajian adalah seramai 302 orang. Oleh yang demikian, bilangan sampel yang dipilih bagi tujuan kajian ini adalah seramai 460 orang seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.3 di bawah.

Jadual 3.3: Taburan bilangan responden kajian

Zon	Negeri	Bil. Program	Pensyarah		
			Lelaki	Wanita	Jumlah
Utara	Pulau Pinang	5	15	5	20
	Beranang	5	15	5	20
Tengah	Petaling Jaya	1	15	5	20
	N.Sembilan	5	15	5	20
Selatan	Melaka	4	17	3	20
	Ledang	5	15	5	20
	Sri Gading	5	15	5	20
Timur	Pahang	5	15	5	20
	Terengganu	5	15	5	20
	Kelantan	6	15	5	20
	Jumlah	46	152	48	200
Utara	Perlis	8	15	5	20
	Alor Star	4	15	5	20
Selatan	Sg. Petani	10	15	5	20
	Sik	7	15	5	20
Timur	Perak	14	15	5	20
	Kuala Lumpur	9	16	4	56
	Melaka	10	15	5	20
Borneo	Johor	13	15	5	20
	Pahang	15	15	5	20
	Terengganu	6	15	5	20
	Jumlah	116	196	64	260
	Jumlah keseluruhan	162	348	112	460

3.4 Instrumen Kajian

Instrumen kajian merupakan alat ukur yang digunakan dalam menentukan data serta maklumat yang dikehendaki dapat diperolehi atau sebaliknya. Maklumat berkaitan instrumen kajian adalah merupakan perkara yang amat mustahak dalam merancang sesuatu kajian bagi tujuan mengumpul data yang akan diperolehi (Cresswell, 2008). Instrumen kajian yang akan digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik. Set soal selidik yang digunakan dalam kajian ini akan dapat memberikan gambaran mengenai Kepimpinan Instruksional terhadap pelaksanaan program PBE di KKTM dan IKM kajian. Soal selidik ini digunakan untuk menjawab persoalan kajian tentang tahap kepimpinan instruksional pengarah berdasarkan tiga dimensi Kepimpinan Instruksional oleh Halinger & Murphy (1985) sebagai pembolehubah tidak bersandar (IV), tahap pelaksanaan PBE sebagai pembolehubah bersandar (DV), tahap kesediaan pensyarah melaksanakan program PBE sebagai perantara (Mediator) dalam kajian ini.

Terdapat dua set soal selidik. Soal selidik pertama hendaklah dijawab oleh pensyarah KKTM dan IKM berkenaan kepimpinan instruksional pengarah yang dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Bahagian A: Maklumat demografi pengarah, Bahagian B: Aspek kepimpinan instruksional yang terdiri daripada tiga dimensi iaitu dimensi pertama adalah mendefinisi misi KKTM dan IKM, dimensi kedua adalah mengurus program instruksional, dimensi ketiga adalah mewujudkan iklim pembelajaran positif dan Bahagian C: Pelaksanaan program PBE. Manakala set kedua adalah soal selidik untuk pensyarah dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Bahagian A: Maklumat demografi pensyarah, Bahagian B: Aspek kesediaan pensyarah yang terdiri daripada lima aspek iaitu keusahawanan, memahami konsep PBE, kemahiran teknikal, inovasi

dan kemahiran insaniah, Bahagian C: Pelaksanaan program PBE. Bilangan item soal selidik adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.4 di bawah.

Jadual 3.4: Bilangan item soal selidik

Responden	Bah.	Aspek	Nombor soalan	Bil. item
Pensyarah	A	Maklumat demografi Pengarah	1 - 6	6
		Tahap Kepimpinan Instruksional Pengarah		
	B	1. Dimensi 1	1 - 7	7
		2. Dimensi 2	1 - 7	7
		3. Dimensi 3	1 - 10	10
	C	Pelaksanaan program PBE	1 - 10	10
		Jumlah	40	
	A	Maklumat demografi Pensyarah	1 - 5	5
		Aspek KesediaanPensyarah		
	B	1. Keusahawanan	1 - 5	5
		2. Memahami konsep PBE	1 - 5	5
		3. Kemahiran teknikal	1 - 10	10
		4. Inovasi	1 - 5	5
		5. Kemahiran Insaniah	1 - 5	5
	C	Pelaksanaan program PBE	1 - 5	5
		Jumlah	40	

Melalui soal selidik yang dijalankan, responden hanya perlu menandakan jawapan berdasarkan kepada nilai Skala Likert 1 hingga 5 yang telah ditentukan untuk setiap jawapan item dalam soal selidik. Nilai Skala Likert tersebut adalah seperti berikut:

1 - Sangat tidak setuju

2 - Tidak setuju

3 - Kurang setuju

4 - Setuju

5 - Sangat setuju

Item soal selidik tahap kepimpinan instruksional pengarah adalah diubahsuai oleh pengkaji dengan merujuk kepada item soal selidik Kepimpinan Instruksional oleh Hallinger dan Murphy (1985). Selain daripada itu, pembinaan item soal selidik untuk aspek kesediaan pensyarah adalah berpandukan item soal selidik tinjauan terhadap kesediaan pensyarah teknikal melaksanakan sistem '*production based education*' oleh Shabudin (2012). Pengkaji telah mendapat kebenaran bertulis daripada kedua-dua penyelidik tersebut. Item soal selidik ini digunakan oleh pengkaji kerana item-item tersebut telah dibuktikan kesahan dan kebolehpercayaan dalam kajian-kajian yang terdahulu. Item soal selidik kepimpinan instruksional oleh Halinger dan Murphy memang banyak digunakan dalam kajian-kajian kepimpinan pengetua-pengetua sekolah (Ang Jit, Balasandran, 2012).

3.5 Kajian Rintis

Pengkaji akan terlebih dahulu membuat kajian rintis untuk menguji kesesuaian soal selidik yang telah disediakan bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan item soal selidik tersebut. Kajian rintis juga dapat memberi panduan kepada pengkaji untuk memperbaiki dan menambahbaik item soal selidik yang akan digunakan bagi kajian sebenar nanti. Kajian rintis merupakan kajian secara kecil-kecilan yang dilaksanakan sebelum kajian sebenar dilakukan (Chua, 2006).

Kesahan sesuatu instrumen merujuk kepada sejauh manakah sesuatu instrumen mengukur apa yang sepatutnya diukur (Creswell, 2010). Sesuatu instrumen tersebut dikatakan mempunyai kesahan yang tinggi jika darjah kebolehannya mengukur apa yang sepatutnya diukur adalah tinggi (Mohd Majid, 1990). Manakala Chua (2006)

mengatakan bahawa kesahan merujuk kepada keupayaan suatu pengukuran yang dilakukan untuk mengukur nilai sebenar konsep dalam hipotesis. Kesahan dikatakan tinggi jika instrumen yang dibina benar-benar mengukur konsep yang dinyatakan dalam hipotesis. Kesahan konstruk sesuatu soal selidik pula boleh diukur dengan menggunakan nilai korelasi antara skor setiap item dengan jumlah skor berkenaan. Hal ini dapat dilakukan dengan menggunakan analisis korelasi Pearson antara skor setiap item dengan jumlah skor mengikut konstruk yang berkenaan.

Kebolehpercayaan pula seringkali dirujuk untuk menggambarkan kestabilan dan ketekalan dalam item soal selidik (Creswell, 2010). Ujian *Cronbach's Alpha* digunakan untuk menentukan ketekalan dan kebolehpercayaan instrumen soal selidik. Menurut Sekaran (2000), *Cronbach's Alpha* adalah nilai angka kebolehpercayaan yang mana jika nilai tersebut menghampiri nilai 1 bermakna kebolehpercayaan item soal selidik tersebut adalah tinggi dan baik. Kebolehpercayaan item soal selidik tersebut adalah rendah jika nilai *Cronbach's Alpha* dibawah 0.6. Nilai *Cronbach's Alpha* yang boleh diterima untuk kebolehpercayaan instrumen soal selidik adalah 0.7 hingga 0.8. Manakala nilai yang terbaik adalah melebihi 0.8.

Kajian rintis telah dilaksanakan di salah sebuah IKM kajian zon selatan yang pernah melaksanakan program PBE. Pemilihan IKM ini sebagai tempat kajian rintis berdasarkan kepada pembualan melalui telefon bersama pengarah yang mengatakan bahawa IKM ini telah melaksanakan program PBE. Pemilihan responden bagi kajian rintis adalah dibuat secara rawak dari kalangan pensyarah IKM. Kajian rintis ini telah dilaksanakan pada 9 dan 10 April 2014 yang lalu. Pengkaji telah menghantar sebanyak 50 salinan instrumen soal selidik tersebut dan diminta mengembalikan semula instrumen tersebut pada 13 April 2014. Responden bagi kajian rintis adalah terdiri

daripada 44 orang pensyarah dari pelbagai program iaitu pensyarah lelaki seramai 36 orang manakala pensyarah wanita seramai 8 orang. Taburan responden yang terlibat dalam kajian rintis ini adalah seperti Jadual 3.5 di bawah:

Jadual 3.5: Taburan responden kajian rintis

Responden	Program	Jantina		Jumlah
		Lelaki	Wanita	
Pensyarah	1. Sijil Teknologi Kimpalan	6	-	6
	2. Sijil Teknologi Elektro Penyaduran	4	2	6
	3. Sijil Teknologi Kejuruteraan Mekanikal Pembuatan	5	1	6
	4. Sijil Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi & Instrumen)	5	-	5
	5. Sijil Tek. Kejuruteraan Mekatronik	2	2	4
	6. Sijil Teknologi Kejuruteraan Penyelenggaraan Mesin	6	-	6
	7. Diploma Kejuruteraan Mekanikal Gas	4	1	5
	8. Diploma Teknologi Kejuruteraan Penyamanan Udara & Penyejukan	4	2	6
Jumlah keseluruhan responden		36	8	44

Pengkaji telah menerima semula instrumen kajian rintis berkenaan pada hari Selasa 15 April 2014 melalui pos laju. Daripada sejumlah 50 salinan soal selidik yang diedarkan, pengkaji menerima semula sebanyak 43 soal selidik. Pengkaji menganalisa soal selidik tersebut dengan bantuan perisian "*Statistical Package For The Social Sciences*" (SPSS) versi 20 bagi menilai kesahan dan kebolehpercayaan instrumen soal selidik tersebut.

3.5.1 Ujian kesahan instrumen soal selidik kepimpinan instruksional pengarah

Hasil analisa yang telah dibuat untuk menentukan kesahan instrumen soal selidik kepimpinan instruksional pengarah adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 3.6 di bawah ini.

Jadual 3.6: Analisa korelasi Instrumen Kepimpinan Instruksional

Dimensi		Mendefinisi_misi	Mengurus_prog_instruksional	Mengwujudkan_iklim_pembelajaran
	Korelasi Pearson	1	.520**	.660**
Mendefinisi_misi	Sig. (2-hujung)		.000	.000
	N	43	43	43
Mengurus_prog_instruksional	Korelasi Pearson	.520**	1	.542**
	Sig. (2-hujung)	.000		.000
	N	43	43	43
	Korelasi Pearson	.660**	.542**	1
Mengwujudkan_iklim_pembelajaran	Sig. (2-hujung)	.000	.000	
	N	43	43	43

**. Korelasi adalah signifikan pada aras 0.01.

Keputusan ujian kolerasi Pearson di atas menunjukkan bahawa bagi kumpulan subjek ini ($N=43$), nilai kolerasi dimensi mendefinisi misi, mengurus program instruksional dan mewujudkan iklim pembelajaran positif ialah 0.52, 0.54 dan 0.66 masing-masing (pada aras signifikan $p<0.01$). Bagi Cohen (1988), nilai pekali korelasi antara 0.10 hingga 0.29 dianggap kecil, nilai pekali korelasi antara 0.30 hingga 0.49 dianggap sederhana dan nilai pekali korelasi antara 0.50 hingga 1.00 dianggap sebagai tinggi. Ini menunjukkan bahawa instrumen kajian ini adalah tinggi dan boleh dipercayai untuk memperolehi skor yang stabil daripada subjek lain yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan kumpulan subjek kajian ini.

3.5.2 Nilai *Cronbach's Alpha* kepimpinan instruksional pengarah

Hasil dari kajian rintis yang telah dijalankan, nilai *Cronbach's Alpha* keseluruhan kebolehpercayaan instrumen kajian bagi tahap amalan kepimpinan instruksional pengarah adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.7 di bawah.

Jadual 3.7: Analisa nilai kebolehpercayaan *Cronbach's Alpha* kajian rintis kepimpinan instruksional pengarah

Perkara	Bilangan Item	Nilai Alpha (α)
Kepimpinan Instruksional Pengarah		
Dimensi 1: Mendefinisi misi KKTm / IKM	7	.877
Dimensi 2: Mengurus program instruksional	7	.915
Dimensi 3: Mewujudkan iklim pembelajaran positif	10	.895
Keseluruhan	24	.938

Berdasarkan Jadual 3.7 di atas, nilai *Cronbach's Alpha* kebolehpercayaan yang paling tinggi bagi instrumen soal selidik kepimpinan instruksional pengarah KKTm / IKM adalah dimensi kedua iaitu mengurus program instruksional manakala nilai alpha kebolehpercayaan yang paling rendah adalah dimensi 1 iaitu mendefinisi misi KKTm / IKM.

Oleh kerana nilai *Cronbach's Alpha* kebolehpercayaan bagi kesemua instrumen soal selidik kajian tersebut adalah tinggi yakni melebihi nilai .60, ini menunjukkan bahawa kesemua instrumen soal selidik tersebut adalah sangat sesuai dan boleh digunakan bagi tujuan kajian sebenar. Justeru, pengkaji akan menggunakan kesemua instrumen tersebut

dalam kajian sebenar nanti. Berdasarkan kajian rintis di atas mendapati bahawa dimensi kedua iaitu mengurus program instruksional mempunyai nilai *Cronbach's Alpha* yang paling tinggi berbanding dimensi 1 dan 2 yakni $\alpha = .915$.

Ini menggambarkan bahawa pelaksanaan program PBE mempunyai kaitan dengan kurikulum di mana pengarah hendaklah berupaya untuk menilai projek PBE yang dilaksanakan memenuhi keperluan kurikulum berkaitan. Manakala nilai *Cronbach's Alpha* bagi dimensi pertama mendefinisi misi KKT / IKM adalah $\alpha = .877$ dan dimensi ketiga mewujudkan iklim pembelajaran positif $\alpha = .895$. Jadual 3.8, Jadual 3.9 dan Jadual 3.10 di bawah menunjukkan nilai *Cronbach's Alpha* kebolehpercayaan bagi kesemua instrumen soal selidik kepimpinan instruksional pengarah dalam kajian ini berdasarkan dimensi 1, dimensi 2 dan dimensi 3.

Jadual 3.8: Nilai *Cronbach's Alpha* kebolehpercayaan bagi instrumen soal selidik kepimpinan instruksional pengarah bagi dimensi 1 iaitu mendefinisi misi KKTm / IKM

Item	Skala Min Jika Item digugurkan	Skala Varian Jika digugurkan	Item dibetulkan – Jumlah Kolerasi	Nilai <i>Cronbach's</i> <i>Alpha</i> jika Item digugurkan
1. Merangka visi & misi serta matlamat KKTm / IKM	27.70	6.311	.706	.853
2. Melibatkan staf merangka visi & misi KKTm / IKM	27.79	5.979	.723	.853
3. Menetapkan objektif dan piagam pelanggan yang jelas untuk peningkatan akademik dan kemahiran pelajar	27.58	6.725	.794	.845
4. Menetapkan Key Performance Indicator KPI) kepada pensyarah supaya visi dan misi serta matlamat KKTm / IKM tercapai	27.53	6.779	.806	.845
5. Mempamerkan visi, misi dan matlamat di merata tempat supaya semua warga KKTm / IKM boleh membaca dan tahu	27.65	6.804	.649	.861
6. Menjelaskan visi, misi serta matlamat KKTm / IKM semasa perjumpaan bersama pensyarah dan pelajar	27.65	6.947	.487	.884
7. Mengadakan perjumpaan bersama ketua jabatan dan ketua program bagi membincangkan isu-isu semasa dan menyelesaikannya	27.49	7.399	.563	.871

Jadual 3.9: Nilai *Cronbach's Alpha* kebolehpercayaan bagi instrumen soal selidik kepimpinan instruksional pengarah bagi dimensi 2 iaitu mengurus program instruksional

Item	Skala Min Jika Item digugurkan	Skala Varian Jika Item digugurkan	Item dibetulkan – Jumlah Kolerasi	Nilai <i>Cronbach's Alpha</i> jika Item digugurkan
1. Menyemak buku rekod pengajaran pensyarah secara berkala	27.81	6.107	.683	.908
2. Memastikan pemantauan p & p dan semakan folio pengajaran pensyarah dilaksanakan secara berkala	27.63	5.811	.792	.896
3. Menggalakan pensyarah membuat inovasi dan penambahbaikan dalam proses p & p	27.51	6.208	.749	.901
4. Menggalakan pensyarah dalam melaksanakan pelbagai kaedah pengajaran	27.58	5.916	.849	.890
5. Menggalakkan pensyarah membuat kajian yang boleh meningkatkan pencapaian pelajar	27.65	6.090	.746	.901
6. Memastikan pensyarah menggunakan masa pengajaran yang maksimum	27.47	6.350	.630	.913
7. Menggalakan pensyarah berkongsi maklumat dan idea dalam meningkatkan mutu p & p	27.47	6.302	.744	.902

Jadual 3.10: Nilai *Cronbach's Alpha* kebolehpercayaan bagi instrumen soal selidik kepimpinan instruksional pengarah bagi dimensi 3 iaitu mewujudkan iklim pembelajaran positif

Item	Skala Min Jika Item digugurkan	Skala Varian Jika Item digugurkan	Item dibetulkan – Jumlah Kolerasi	Nilai <i>Cronbach's Alpha</i> jika Item digugurkan
1. Memastikan setiap pensyarah menggunakan masa p & p sepenuhnya dengan cara melakukan pemantauan berkala	42.07	13.305	.522	.897
2. Menggalakan pensyarah meningkatkan ilmu melalui kursus peningkatan dan menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi	41.67	14.653	.621	.887
3. Memastikan pensyarah menghadiri kursus peningkatan professional	41.77	14.468	.592	.888
4. Memastikan pensyarah menggunakan kemudahan ICT dalam proses p & p	41.88	12.248	.781	.874
5. Menekankan konsep ‘sharing the knowledge’ dalam kalangan pensyarah	41.88	12.200	.791	.873
6. Memberi ganjaran sekurang-kurang ucapan dan surat penghargaan kepada pensyarah yang berjaya	41.74	14.623	.562	.889
8. Memberi hadiah dan insentif kepada pelajar cemerlang dalam akademik dan kemahiran	41.81	14.298	.550	.890
9. Menggalakan pensyarah dan pelajar menyertai pertandingan kemahiran dan memberi ganjaran kepada yang berjaya	41.72	14.492	.622	.886

Sambungan Jadual 3.10

Item	Skala Min Jika Item digugurkan	Skala Varian Jika Item digugurkan	Item dibetulkan – Jumlah Kolerasi	Nilai <i>Cronbach's Alpha</i> jika Item digugurkan
10. Menggalakan pensyarah dan pelajar mencipta projek inovasi yang boleh dipasarkan dan memberi insentif kepada mereka	41.77	13.849	.784	.877

3.5.3 Nilai *Cronbach's Alpha* bagi pelaksanaan program PBE

Hasil dari kajian rintis yang telah dijalankan, nilai *Cronbach's Alpha* keseluruhan kebolehpercayaan instrumen kajian bagi pelaksanaan program PBE adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.11 di bawah. Hasil kajian rintis mengenai pelaksanaan program PBE bagi kesemua item soal-selidik adalah tinggi dengan nilai alpha di antara .941 hingga .947. Oleh kerana nilai *Cronbach's Alpha* kebolehpercayaan bagi kesemua instrumen soal selidik kajian tersebut adalah tinggi yakni melebihi nilai .60, ini menunjukkan bahawa kesemua instrumen soal selidik tersebut adalah sangat sesuai dan boleh digunakan bagi tujuan kajian sebenar. Justeru, pengkaji akan menggunakan kesemua instrumen tersebut dalam kajian sebenar nanti.

Jadual 3.11: Analisa nilai *Cronbach's Alpha* kajian rintis bagi pelaksanakan program PBE

Item	Skala Min Jika Item digugurkan	Skala Varian Jika digugurkan	Item dibetulkan – Jumlah digugurkan	Nilai <i>Cronbach's Alpha</i> jika Kolerasi Item digugurkan
1. Menetapkan KPI bagi setiap program mesti menghasilkan sekurang-kurang satu jenis produk PBE	39.44	24.014	.733	.947
2. Memastikan setiap produk PBE dihasilkan hendaklah dijual	39.37	24.525	.745	.946
3. Hasil jualan produk PBE diagihkan kepada pensyarah dan pelajar	39.35	24.709	.801	.943
4. Memastikan pensyarah dan pelajar bersungguh-sungguh menghasilkan produk PBE	39.21	24.360	.835	.941
5. Menekankan aspek kualiti semasa membuat produk PBE	39.19	25.203	.800	.943
6. Menyediakan borang aduan pelanggan untuk menilai produk PBE	39.40	23.959	.844	.941
7. Mengutamakan aspek kepuasan pelanggan bagi produk PBE	39.16	25.425	.760	.945
8. Melaksanakan aktiviti karnival teknousahawan sekurang-kurang sekali setahun untuk menjual produk PBE	39.40	24.673	.774	.944
9. Memastikan pensyarah melaksanakan kawalan kualiti sebelum sesuatu produk hendak dijual kepada pelanggan	39.30	25.025	.786	.944
10. Mengutamakan aspek khidmat selepas jualan dilaksanakan	39.47	25.017	.805	.943

3.5.4 Nilai *Cronbach's Alpha* bagi menilai tahap kesediaan pensyarah KKT dan IKM dalam melaksanakan program PBE

Jadual 3.12 di bawah menunjukkan nilai *Cronbach's Alpha* kesahan dan kebolehpercayaan keseluruhan item soal selidik bagi aspek-aspek tahap kesediaan pensyarah melaksanakan program PBE di KKT dan IKM.

Jadual 3.12: Analisa nilai *Cronbach's Alpha* kajian rintis bagi aspek kesediaan pensyarah KKT dan IKM melaksanakan program PBE

Aspek	Bilangan Item	Nilai Alpha (α)
Keusahawanan	10	.906
Memahami konsep PBE	10	.944
Kemahiran teknikal	20	.982
Inovasi	10	.869
Keseluruhan	50	.970

Hasil kajian rintis mengenai tahap kesediaan pensyarah melaksanakan program PBE bagi kesemua item soal-selidik adalah tinggi dengan nilai alpha di antara .869 hingga .982. Aspek kemahiran teknikal mempunyai nilai kesahan yang paling tinggi iaitu .982 manakala aspek inovasi mempunyai nilai kesahan paling rendah. Ini menggambarkan bahawa item soal selidik berkenaan aspek ini bertepatan dengan kemahiran teknikal yang dimiliki oleh pensyarah KKT dan IKM dalam melaksanakan program PBE. Justeru kesemua item soal selidik ini akan digunaipakai bagi tujuan kajian sebenar. Jadual 3.13 hingga 3.16 menunjukkan nilai *Cronbach's Alpha* bagi setiap item soal selidik aspek kesediaan pensyarah melaksanakan program PBE dalam kajian ini.

Jadual 3.13: Analisa nilai kebolehpercayaan *Cronbach's Alpha* kajian rintis bagi aspek keusahawanan pensyarah melaksanakan program PBE

Item	Skala Min Jika Item digugurkan	Skala Varian dibetulkan Jika Item digugurka n	Item – Jumlah Kolerasi	Nilai <i>Cronbach's Alpha</i> jika Item digugurkan
1. Saya boleh menyatakan objektif perniagaan dengan betul	35.30	11.264	.486	.906
2. Saya mengetahui maklumat perniagaan yang hendak dijalankan	35.30	10.502	.678	.895
3. Saya mengetahui maklumat mengenai produk yang hendak dipasarkan	35.23	10.754	.717	.894
4. Saya mengetahui sasaran pasaran perniagaan yang hendak dijalankan	35.26	10.528	.753	.891
5. Saya boleh menentukan strategik pemasaran produk yang hendak dipasarkan	35.33	10.177	.759	.890
6. Saya mengetahui mengenai mesin/peralatan yang boleh digunakan dalam pengeluaran produk perniagaan	35.19	10.822	.592	.900
7. Saya boleh menyatakan keperluan bahan mentah dalam perniagaan	35.26	10.243	.678	.895
8. Saya boleh membuat anggaran perbelanjaan operasi perniagaan yang dijalankan	35.26	9.623	.742	.892
9. Saya boleh membuat ramalan jualan produk yang hendak dipasarkan	35.37	10.953	.592	.900
10. Saya boleh menyatakan sumber pembiayaan kewangan projek	35.40	10.197	.672	.896

Jadual 3.14: Analisa nilai kebolehpercayaan *Cronbach's Alpha* kajian rintis bagi aspek memahami konsep PBE pensyarah melaksanakan program PBE

Item	Skala Min Jika Item digugurkan	Skala Varian dibetulka Jika Item digugurk an	Item n – Jumlah Kolerasi	Nilai <i>Cronbach's</i> <i>Alpha</i> jika Item digugurkan
1. Saya faham konsep PBE yang mengintegrasikan pengeluaran produk di dalam pendidikan	37.33	22.177	.645	.943
2. Saya berupaya menggunakan kaedah modular dalam pengajaran kepada pelajar	37.28	21.777	.631	.944
3. Saya mengetahui jenis-jenis produk yang boleh dihasil melalui subjek yang diajar	37.21	22.027	.639	.943
4. Saya boleh membuat anggaran kadar upah untuk setiap proses pengeluaran yang terlibat	37.40	20.673	.739	.939
5. Saya bersedia untuk bekerja menggunakan jadual anjal untuk memenuhi keperluan PBE	37.23	21.135	.721	.940
6. Saya berupaya mengenalpasti Produk/Perkhidmatan Standard yang dapat dihasil melalui subjek yang diajar	37.33	20.844	.858	.934
7. Saya berupaya mengenalpasti Produk/Perkhidmatan Pesanan yang dapat dihasil melalui subjek yang diajar	37.33	20.415	.823	.935
8. Saya berupaya menghasilkan produk yang mengikut kos yang ditetapkan di dalam perancangan kos	37.37	20.334	.884	.932
9. Saya berupaya menghasilkan produk mengikut masa penghantaran yang ditetapkan	37.33	20.320	.899	.932
10. Saya berupaya menghasilkan produk yang memenuhi kualiti yang ditetapkan	37.19	20.393	.833	.935

Jadual 3.15 Analisa nilai kebolehpercayaan *Cronbach's Alpha* kajian rintis bagi aspek kemahiran teknikal pensyarah melaksanakan program PBE

Item	Skala Min Jika Item digugurkan	Skala Varian Jika Item digugurkan	Item dibetulkan – Jumlah Kolerasi	Nilai <i>Cronbach's Alpha</i> jika Item digugurkan
1. Saya boleh melakukan semua kerja kendalian alatan tangan dengan baik	86.63	81.096	.677	.983
2. Saya boleh memahami diagram geges yang diberikan dengan baik	86.63	79.811	.797	.982
3. Saya berkemampuan untuk melakukan pemindahan ukuran dan bentuk dari diagram ke atas bendakerja	86.56	79.872	.913	.981
4. Saya memahami turutan tugas yang diperlukan untuk melaksanakan tugas-tugas	86.60	79.150	.918	.980
5. Saya boleh melakukan tugas mengikir dan menggegas tanpa bantuan orang lain	86.53	79.540	.879	.981
6. Saya boleh memahami keperluan terhadap proses- proses awal hingga peringkat akhir	86.53	80.255	.873	.981
7. Saya boleh melakukan kerja dalam jangkamasa yang diberikan	86.56	81.205	.845	.981

Sambungan Jadual 3.15

Item	Scale Mean if Item Deleted	Scale Variance if Item Deleted	Corrected Item-Total Correlation	Cronbach's Alpha if Item Deleted
8. Saya boleh mengenali mesin-mesin ringan kategori am yang perlu digunakan	86.56	80.538	.842	.981
9. Saya memahami aspek-aspek keselamatan kendalian mesin-mesin am untuk melaksanakan tugas-tugas yang diperlukan	86.49	81.161	.862	.981
10. Saya boleh membuat perancangan kerja mengikut tetapan tugas	86.53	81.159	.852	.981
11. Saya boleh mengenali alatan ukuran yang lazim digunakan	86.44	80.633	.857	.981
12. Saya mempunyai pengetahuan untuk menggunakan peralatan ukuran yang lazim digunakan	86.47	80.540	.858	.981
13. Saya boleh melakukan kerja-kerja ukuran/ujian kejituan menggunakan peralatan ukuran lazim tersebut	86.44	80.348	.888	.981
14. Saya menggunakan alatan ujian lazim tersebut untuk melaksanakan tugas-tugas amali	86.49	80.827	.901	.981
15. Saya mempunyai pengetahuan berkaitan penentuan kadar kualiti bendakerja	86.53	80.207	.879	.981

Sambungan Jadual 3.15

Item	Skala Min	Skala Varian	Item	Nilai
	Jika Item digugurkan	Jika Item digugurkan	dibetulkan – Jumlah Kolerasi	<i>Cronbach's Alpha jika Item digugurkan</i>
16. Saya berkemampuan untuk menghasilkan bendakerja berkualiti	86.51	81.065	.867	.981
17. Saya mengamalkan langkah berjaga-jaga semasa melakukan proses menggegas	86.47	80.159	.900	.981
18. Saya boleh memikirkan kaedah-kaedah yang lebih baik untuk memperbaiki pelbagai aspek gegas	86.51	80.399	.861	.981
19. Saya boleh menentukan alatan yang diperlukan untuk melaksanakan tugas	86.44	80.205	.904	.981
20. Saya sentiasa melakukan kerja-kerja housekeeping seperti yang diperlukan	86.40	82.721	.650	.983

Jadual 3.16: Analisa nilai kebolehpercayaan *Cronbach's Alpha* kajian rintis bagi aspek inovasi pensyarah melaksanakan program PBE

Item	Skala Min Jika Item digugurkan	Skala Varian Jika Item digugurkan	Item dibetulkan – Jumlah Kolerasi	Nilai <i>Cronbach's Alpha</i> jika Item digugurkan
1. Saya suka akan pembaharuan dan melakukan perkara luar biasa	39.51	11.684	.576	.857
2. Saya boleh menerima kritikan	39.47	11.683	.572	.858
3. Saya boleh membangunkan strategi untuk menyelesaikan masalah	39.60	11.721	.662	.852
4. Saya suka mengambil risiko	39.65	11.471	.570	.858
5. Saya selalu berfikir dan melakukan perkara melebihi had yang sepatutnya	39.67	11.320	.622	.854
6. Saya boleh mengenalpasti alternatif dari pelbagai sudut dan pandangan	39.49	11.542	.684	.850
7. Saya boleh mencari penyelesaian masalah dengan cara yang berbeza dan pelbagai	39.42	11.583	.671	.851
8. Saya mempunyai pandangan yang berbeza terhadap sesuatu objek dan subjek	39.49	11.303	.761	.844
9. Saya dikatakan mempunyai idea yang tidak realistik atau berlebihan	39.91	12.134	.295	.888
10. Saya sentiasa berfikir bahawa semua perkara atau masalah boleh diselesaikan	39.37	11.763	.622	.854

3.6 Tatacara Pengumpulan Data

Pengumpulan data merupakan perkara yang paling penting dalam sesuatu kajian. Pengumpulan data dilakukan melalui pengedaran soal selidik kepada responden kajian. Data-data dalam kajian ini samada data dari soal selidik akan dianalisa dengan bantuan perisian SPSS.

Pengkaji akan terlebih dahulu memohon kebenaran secara rasmi daripada Bahagian Kemahiran dan Teknikal (BKT) MARA pada 17 Mac 2013 dan telah mendapat kelulusan resmi pada 15 April 2014 untuk melaksanakan kajian agar ianya dapat dilaksanakan mengikut tempoh serta masa yang ditetapkan dengan baik dan berkesan. Setelah mendapat persetujuan bertulis dari Pengarah BKT, KKTm dan IKM kajian, maka pengkaji mengedarkan soal selidik kepada KKTm dan IKM kajian melalui perkhidmatan pos laju pada 7 Januari 2015.

3.7 Tatacara Penganalisaan Data

Penganalisaan data kajian ini telah menggunakan analisis deskriptif dan analisis inferensi dengan menggunakan perisian SPSS versi 20.0 berdasarkan analisis statistik deskriptif dan inferensi. Secara keseluruhan, statistik deskriptif dan inferensi dalam kajian ini adalah berperanan sebagai kaedah menganalisa data serta menjawab soalan kajian yang dibina. Jadual 3.17 dibawah menunjukkan pendekatan dan kaedah menganalisa data yang akan digunakan oleh penyelidik untuk menjawab kesemua persoalan kajian. Analisis statistik deskriptif digunakan untuk mendapatkan nilai skor kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai iaitu dari soalan (i) sehingga soalan (v).

Manakala analisa statistic inferensi iaitu ujian kolerasi dan regresi digunakan untuk menjawab soalan (vi). Seterusnya, bagi menjawab soalan (vii) pula pengkaji menggunakan analisa statistik inferensi iaitu ujian T, Anova dan Post Hoc.

Jadual 3.17: Ringkasan tatacara penganalisaan data kajian

Soalan kajian	Instrumen	Kaedah Analisis data
i) Apakah tahap kepimpinan instruksional pengarah terhadap pelaksanaan program PBE di KKTm dan IKM?	Soal selidik	Nilai skor : kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai,
ii) Apakah tahap pelaksanaan program PBE di KKTm dan IKM?	Soal selidik	Nilai skor: kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai
iii) Apakah dimensi kepimpinan instruksional pengarah yang paling dominan terhadap pelaksanaan program PBE di KKTm dan IKM?	Soal selidik	Nilai skor: kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai
iv) Apakah tahap aspek kesediaan pensyarah dalam melaksanakan program PBE di KKTm dan IKM?	Soal selidik	Nilai skor: kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai
v) Apakah aspek kesediaan pensyarah yang paling dominan dalam melaksanakan program PBE di KKTm dan IKM?	Soal selidik	Nilai skor: kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai
vi) Adakah kesediaan pensyarah menjadi perantara bagi perhubungan antara kepimpinan instruksional dengan pelaksanaan program PBE di KKTm dan IKM?	Soal selidik	Ujian kolerasi dan regresi
vii) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara Kepimpinan Instruksional, Kesediaan Pensyarah, Perlaksanaan PBE mengikut demografi pensyarah KKTm dan IKM?	Soal selidik	Ujian T, Anova dan Post Hoc

3.8 Kesimpulan

Bab ini telah membincangkan metodologi yang digunakan untuk melaksanakan kajian yang meliputi reka bentuk kajian, pemilihan responden dan tempat kajian, kesahan dan kebolehpercayaan maklumat, tatacara pengumpulan data yang diambil dan juga tatacara menganalisa data kajian serta perisian yang digunakan. Ini dilakukan bagi membantu pengkaji untuk memudahkan proses penganalisisan data kajian dengan mudah, cepat dan sistematik. Metodologi kajian yang digunakan adalah konsisten supaya tidak menyeleweng dari landasan dan batasan kajian. Kaedah yang tepat dan betul adalah penting bagi menghasilkan sebuah kajian yang berkualiti.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap amalan kepimpinan instruksional pengarah, tahap pelaksanaan program PBE, tahap aspek kesediaan kesediaan pensyarah dalam melaksanakan program PBE di KKT dan IKM dengan baik dan berjaya. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah menggunakan pendekatan reka bentuk kuantitatif melalui kaedah tinjauan. Justeru bab ini menghuraikan dan membincangkan analisa dan dapatan kajian yang telah dijalankan.

Dapatan kajian telah diperoleh hasil daripada soal selidik yang melibatkan 351 orang responden yang terdiri daripada pensyarah KKT dan IKM. Kemudian penyelidik menganalisa semua data dan maklumat yang diperoleh secara statistik deskriptif dan statistik inferensi dengan menggunakan perisian SPSS versi 20. Analisa dan dapatan kajian dipersembahkan secara deskriptif dan inferensi bagi menjawab persoalan kajian seperti berikut:

- i) Apakah tahap amalan kepimpinan instruksional pengarah terhadap pelaksanaan program PBE di KKT dan IKM?
- ii) Apakah tahap pelaksanaan program PBE di KKT dan IKM?
- iii) Apakah dimensi kepimpinan instruksional pengarah yang paling dominan terhadap pelaksanaan program PBE di KKT dan IKM?

- iv) Apakah tahap aspek kesediaan pensyarah dalam melaksanakan program PBE di KKT dan IKM?
- v) Apakah aspek kesediaan pensyarah yang paling dominan dalam melaksanakan program PBE di KKT dan IKM?
- vi) Adakah kesediaan pensyarah menjadi perantara bagi perhubungan antara kepimpinan instruksional dengan pelaksanaan program PBE di KKT dan IKM?
- vii) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara Kepimpinan Instruksional, Kesediaan Pensyarah, Perlaksanaan PBE mengikut demografi pensyarah KKT dan IKM?

Pembentangan hasil dapatan kajian dalam bab ini bermula dengan melaporkan profil demografi responden kajian iaitu jantina, umur, kelayakan akademik, pengalaman mengajar dan juga pengalaman bekerja di industri. Seterusnya penyelidik akan melaporkan hasil dapatan kajian bagi menjawab semua persoalan kajian. Data diuji dan diolah dengan menggunakan statistik deskriptif untuk melihat kekerapan, peratusan dan min skor yang dapat menunjukkan tahap amalan kepimpinan instruksional pengarah, tahap pelaksanaan program PBE dan tahap aspek kesediaan pensyarah melaksanakan program PBE di KKT dan IKM.

Data deskriptif yang diperoleh ini adalah bagi menghurai dan mengenal pasti (i) tahap amalan kepimpinan instruksional pengarah, (ii) tahap pelaksanaan program PBE, (iii) dimensi kepimpinan instruksional pengarah yang paling dominan, (iv) aspek kesediaan pensyarah yang paling dominan dalam melaksanakan program PBE di KKT dan IKM dan (v) aspek kesediaan pensyarah yang paling dominan dalam melaksanakan program PBE di KKT dan IKM. Selain itu, statistik inferensi yang terdiri daripada Ujian-T, Ujian ANOVA, Ujian kolerasi dan regresi serta Ujian Post Hoc digunakan untuk

mengenal pasti (i) aspek kesediaan pensyarah menjadi perantara bagi perhubungan antara kepimpinan instruksional dengan pelaksanaan program PBE di KKTm dan IKM dan (ii) terdapat perbezaan yang signifikan di antara Kepimpinan Instruksional, Kesediaan Pensyarah, Perlaksanaan PBE mengikut demografi pensyarah KKTm dan IKM

4.2 Profil Demografi Responden

4.2.1 Profil Demografi Responden Keseluruhan

4.2.1.1 Taburan Mengikut Bilangan responden

Kajian ini melibatkan 10 buah Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTm) dan 13 buah Institut Kemahiran MARA (IKM) di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Seramai 166 orang responden terdiri daripada pensyarah KKTm dan 185 orang responden terdiri daripada pensyarah IKM. Oleh itu, jumlah keseluruhan yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 351 orang responden. Semua responden tersebut dikehendaki menjawab soal selidik mengenai Kepimpinan Instruksional Pengarah mereka dan juga perlu menjawab soal selidik aspek kesediaan mereka melaksanakan program PBE di KKTm dan IKM masing-masing. Maklumat demografi responden kajian adalah terdiri daripada jantina, umur, kelayakan akademik, pengalaman mengajar dan juga pengalaman bekerja di industri.

Jadual 4.1: Taburan maklumat demografi keseluruhan responden kajian

Demografi	Kategori	Frekuensi	Peratus (%)
KKTm / IKM	KKTm	166	47.3
	IKM	185	52.7
Jantina	Jumlah	351	100.0
	Lelaki	283	80.6
Umur	Wanita	68	19.4
	Jumlah	351	100.0
Kelayakan akademik	20 – 30 tahun	58	16.5
	31 – 40 tahun	178	50.7
	41 – 50 tahun	78	22.3
	51 – 60 tahun	37	10.5
Pengalaman Mengajar	Jumlah	351	100.0
	Sijil	60	17.1
Pengalaman bekerja di industry	Diploma	152	43.3
	Ijazah Sarjana Muda	100	28.5
	Ijazah Sarjana	39	11.1
Pengalaman bekerja di industry	1 – 10 tahun	142	40.5
	11 – 20 tahun	158	45.0
	21 – 30 tahun	38	10.8
	Lebih 30 tahun	13	3.7
Jumlah	Jumlah	351	100.0
	1 – 10 tahun	329	93.7
Jumlah	11 – 20 tahun	17	4.8
	21 – 30 tahun	2	0.6
	Lebih 30 tahun	3	0.9

Nota: N = 351

Jadual 4.1 menunjukkan taburan maklumat demografi bagi keseluruhan responden ($N = 351$) yang terdiri daripada pensyarah KKTm dan IKM dalam kajian ini. Berdasarkan Jadual 4.1, menunjukkan bahawa bilangan responden daripada pensyarah KKTm adalah seramai 166 orang (47.3%), manakala bilangan responden dari kalangan pensyarah IKM

adalah seramai 185 (52.7%). Ini menunjukkan bilangan keseluruhan responden pensyarah IKM lebih ramai daripada bilangan pensyarah KKTm.

4.2.1.2 Taburan Mengikut Jantina

Jadual 4.1 juga memberi gambaran bahawa dari aspek jantina, responden kajian ini menunjukkan bahawa bilangan pensyarah lelaki yang terlibat dalam kajian ini lebih ramai daripada bilangan pensyarah wanita iaitu bilangan pensyarah lelaki seramai 283 (80.6%) orang manakala bilangan pensyarah wanita adalah seramai 68 orang ataupun 19.4% sahaja.

4.2.1.3 Taburan Mengikut Umur

Berdasarkan Jadual 4.1, jika dilihat dari taburan mengikut aspek umur pensyarah KKTm dan IKM yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada 58 (16.5%) orang yang berumur antara 20 – 30 tahun, peringkat umur 31 – 40 adalah seramai 178 (50.7%), umur 41 – 50 adalah seramai 78 (22.3%) dan yang berumur antara 51 – 60 tahun adalah seramai 37 (10.5%) orang. Ini menunjukkan bahawa bilangan responden yang paling ramai dari segi peringkat umur adalah di antara 31 – 40 tahun yang mewakili seramai 178 (50.7%) orang manakala bilangan responden yang paling sedikit adalah berumur antara 51 – 60 tahun iaitu seramai 37 ataupun 10.5% sahaja.

4.2.1.4 Taburan Responden Mengikut Kelayakan Akademik

Jadual 4.1 menunjukkan taburan responden kajian mengikut kelayakan akademik iaitu kelayakan peringkat sijil adalah seramai 60 (17.1%) orang, diploma seramai 152 (43.3%)

orang, Ijazah Sarjana Muda seramai 100 (28.5%) dan Ijazah Sarjana seramai 39 (11.1%) orang. Ini menunjukkan bilangan responden yang paling ramai berdasarkan kelayakan akademik adalah yang memiliki kelulusan peringkat diploma iaitu seramai 152 orang, manakala bilangan responden yang paling sedikit berdasarkan kelayakan akademik adalah yang berkelulusan Ijazah Sarjana iaitu seramai 39 orang atau 11.1% peratus sahaja.

4.2.1.5 Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar

Jadual 4.1 menunjukkan taburan bilangan responden kajian yang paling ramai berdasarkan pengalaman mengajar adalah antara 11 – 20 tahun iaitu seramai 158 (45.0%) orang di ikuti yang berpengalaman antara 1 – 10 tahun seramai 142 (40.5%), 21 – 30 tahun seramai 38 (10.8%) manakala yang paling sedikit yang mempunyai pengalaman mengajar lebih 30 tahun yakni hanya seramai 13 (3.7%) orang sahaja.

4.2.1.6 Taburan Responden Mengikut Pengalaman Bekerja di Industri

Jadual 4.1 menunjukkan taburan bilangan responden kajian yang paling ramai berdasarkan pengalaman bekerja di industri adalah antara 1 – 10 tahun iaitu seramai 329 (93.7%) orang di ikuti yang berpengalaman antara 11 – 20 tahun seramai 17 (4.8%), melebihi 30 tahun seramai 3 (0.9%) manakala yang paling sedikit yang mempunyai pengalaman bekerja di industri adalah antara 21 – 30 tahun yakni hanya seramai 2 (0.6%) orang sahaja.

4.2.2 Profil Demografi Responden KKTm

Jadual 4.2 menunjukkan maklumat demografi responden bagi Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTm) yang terdiri daripada 166 orang pensyarah ($N = 166$).

Jadual 4.2: Taburan maklumat demografi responden KKTm kajian

Demografi	Kategori	Frekuensi	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	134	80.7
	Wanita	32	19.3
	Jumlah	166	100.0
Umur	20 – 30 tahun	43	25.9
	31 – 40 tahun	82	49.4
	41 – 50 tahun	25	15.1
	51 – 60 tahun	16	9.6
Kelayakan akademik	Jumlah	166	100.0
	Sijil	11	6.6
	Diploma	41	24.7
	Ijazah Sarjana Muda	78	47.0
	Ijazah Sarjana	36	21.7
Pengalaman Mengajar	Jumlah	166	100.0
	1 – 10 tahun	84	50.6
	11 – 20 tahun	63	38.0
	21 – 30 tahun	14	8.4
	Lebih 30 tahun	5	3.0
Pengalaman bekerja di industri	Jumlah	166	100.0
	1 – 10 tahun	161	97.0
	11 – 20 tahun	3	1.8
	21 – 30 tahun	1	0.6
	Lebih 30 tahun	1	0.6
Jumlah		166	100.0

Nota: $N = 166$

4.2.2.1 Taburan Mengikut Jantina

Berdasarkan Jadual 4.2, dari aspek taburan mengikut jantina responden kajian ini menunjukkan bahawa bilangan pensyarah KKTm lelaki yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 134 (80.7%) orang manakala bilangan pensyarah wanita adalah seramai 32 orang ataupun 19.3% sahaja. Ini menunjukkan bilangan pensyarah lelaki lebih ramai daripada bilangan pensyarah wanita.

4.2.2.2 Taburan Mengikut Umur

Jadual 4.2, jika dilihat dari taburan mengikut aspek umur pensyarah KKTm yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada 43 (25.9%) orang yang berumur antara 20 – 30 tahun, peringkat umur 31 – 40 adalah seramai 82 (49.4%), umur 41 – 50 adalah seramai 25 (15.1%) dan yang berumur antara 51 – 60 tahun adalah seramai 16 (9.6%) orang. Ini menunjukkan bahawa bilangan responden pensyarah yang paling ramai mengikut peringkat umur adalah yang berumur di antara 31 – 40 tahun yang mewakili seramai 82 (50.7%) orang manakala bilangan responden yang paling sedikit adalah berumur antara 51 – 60 tahun iaitu seramai 16 orang ataupun 9.6% sahaja.

4.2.2.3 Taburan Responden Mengikut Kelayakan Akademik

Jadual 4.2 menunjukkan taburan responden kajian mengikut kelayakan akademik iaitu kelayakan peringkat sijil adalah seramai 11 (6.6%) orang, diploma seramai 41 (24.7%) orang, Ijazah Sarjana Muda seramai 78 (47.0%) dan Ijazah Sarjana seramai 36 (21.7%) orang. Ini menunjukkan bilangan responden yang paling ramai berdasarkan kelayakan

akademik adalah yang memiliki kelulusan peringkat Ijazah Sarjana Muda iaitu seramai 152 orang, manakala bilangan responden yang paling sedikit berdasarkan kelayakan akademik adalah yang berkelulusan peringkat sijil iaitu seramai 11 orang atau 6.6% peratus sahaja.

Ini adalah kerana di KKTm menawarkan program peringkat diploma yang mana pensyarah KKTm mesti memiliki kelayakan akademik untuk mengajar adalah sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda. Manakala pensyarah yang memiliki kelayakan akademik peringkat sijil dan diploma hanya dibenarkan mengajar di workshop atau sebagai pembantu pensyarah sahaja.

4.2.2.4 Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar

Jadual 4.2 di atas menunjukkan taburan bilangan responden kajian yang paling ramai berdasarkan pengalaman mengajar adalah antara 1 – 10 tahun iaitu seramai 84 (50.6%) orang diikuti yang berpengalaman antara 11 – 20 tahun seramai 63 (38.0%) orang, 21 – 30 tahun seramai 14 (8.4%) orang manakala bilangan responden yang paling sedikit adalah yang mempunyai pengalaman mengajar lebih 30 tahun yakni hanya seramai 5 (3.0%) orang sahaja.

4.2.2.5 Taburan Responden Mengikut Pengalaman Bekerja di Industri

Jadual 4.2 juga menunjukkan taburan bilangan responden kajian yang paling ramai berdasarkan pengalaman bekerja di industri adalah antara 1 – 10 tahun iaitu seramai 161 (97.0%) orang diikuti yang berpengalaman bekerja di industri antara 11 – 20 tahun

seramai 3 (1.8%) dan yang paling sedikit adalah pensyarah yang mempunyai pengalaman bekerja di industri adalah antara 21 – 30 tahun dan melebihi 30 tahun yakni masing-masing seramai 1 (0.6%) orang sahaja.

4.2.3 Profil Demografi Responden IKM

Jadual 4.3 menunjukkan maklumat demografi responden bagi Institut Kemahiran MARA (IKM) yang terdiri daripada 185 orang pensyarah ($N = 185$).

Jadual 4.3: Taburan maklumat demografi responden IKM kajian

Demografi	Kategori	Frekuensi	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	149	80.5
	Wanita	36	19.5
	Jumlah	185	100.0
Umur	20 – 30 tahun	15	8.1
	31 – 40 tahun	96	51.9
	41 – 50 tahun	53	28.6
	51 – 60 tahun	21	11.4
	Jumlah	185	100.0
Kelayakan akademik	Sijil	48	25.9
	Diploma	112	60.5
	Ijazah Sarjana Muda	22	11.9
	Ijazah Sarjana	3	1.6
	Jumlah	185	100.0
Pengalaman Mengajar	1 – 10 tahun	58	31.4
	11 – 20 tahun	96	51.9
	21 – 30 tahun	23	12.4
	Lebih 30 tahun	8	4.3
	Jumlah	185	100.0
Pengalaman bekerja di industri	1 – 10 tahun	168	90.8
	11 – 20 tahun	14	7.6
	21 – 30 tahun	1	0.5
	Lebih 30 tahun	2	1.1
	Jumlah	185	100.0

Nota: $N = 185$

4.2.3.1 Taburan Mengikut Jantina

Berdasarkan Jadual 4.3, dari aspek taburan mengikut jantina responden kajian ini menunjukkan bahawa bilangan pensyarah IKM lelaki yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 149 (80.5%) orang manakala bilangan pensyarah wanita adalah seramai 36 orang ataupun 19.5% sahaja. Ini menunjukkan bilangan pensyarah lelaki lebih ramai berbanding bilangan pensyarah wanita.

4.2.3.2 Taburan Mengikut Umur

Jadual 4.3 menunjukkan, jika dilihat dari taburan mengikut aspek umur pensyarah IKM yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada 15 (8.1%) orang yang berumur antara 20 – 30 tahun, peringkat umur 31 – 40 tahun adalah seramai 96 (51.9%), umur di antara 41 – 50 tahun adalah seramai 53 (28.6%) dan yang berumur antara 51 – 60 tahun adalah seramai 21 (11.4%) orang. Ini menunjukkan bahawa taburan bilangan responden pensyarah IKM yang paling ramai mengikut peringkat umur adalah yang berumur di antara 31 – 40 tahun yang mewakili seramai 96 (51.9%) orang manakala bilangan responden yang paling sedikit adalah berumur antara 20 – 30 tahun iaitu seramai 15 orang ataupun 8.1% sahaja.

4.2.3.3 Taburan Responden Mengikut Kelayakan Akademik

Jadual 4.3 menunjukkan taburan responden kajian mengikut kelayakan akademik iaitu kelayakan peringkat sijil adalah seramai 48 (25.9%) orang, berkelulusan diploma

seramai 112 (60.5%) orang, Ijazah Sarjana Muda seramai 22 (11.9%) dan Ijazah Sarjana seramai 3 (1.6%) orang. Ini menunjukkan bilangan responden pensyarah IKM yang paling ramai berdasarkan kelayakan akademik adalah yang memiliki kelulusan peringkat diploma iaitu seramai 112 orang ataupun 60.5%, manakala bilangan responden yang paling sedikit berdasarkan kelayakan akademik adalah yang berkelulusan peringkat Ijazah Sarjana iaitu seramai 3 orang atau 1.6% peratus sahaja. Ini adalah kerana di IKM menawarkan program peringkat sijil yang mana pensyarah IKM mesti memiliki kelayakan akademik untuk mengajar adalah sekurang-kurangnya diploma. Manakala pensyarah yang memiliki kelayakan akademik peringkat sijil perlu ada kelulusan lain berbentuk sijil kemahiran mengikut bidang pengajian seperti Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 (SKM 3) sebagai pra syarat untuk membolehkan mereka mengajar kursus kemahiran yang bersesuaian.

4.2.3.4 Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar

Jadual 4.3 menunjukkan taburan bilangan responden kajian berdasarkan pengalaman mengajar antara 1 – 10 tahun iaitu seramai 58 (31.4%) orang, yang berpengalaman mengajar antara 11 – 20 tahun seramai 96 (51.9%) orang, berpengalaman mengajar di antara 21 – 30 tahun adalah seramai 23 (12.4%) dan taburan bilangan pensyarah yang mempunyai pengalaman mengajar melebihi 30 tahun adalah seramai 8 (4.3%) orang. Data di atas menunjukkan bahawa taburan bilangan responden yang terdiri daripada pensyarah IKM mengikut pengalaman mengajar yang paling ramai adalah yang berpengalaman mengajar di antara 21 – 30 tahun yang mewakili seramai 96 orang atau 51.9%, manakala bilangan responden yang paling sedikit adalah yang mempunyai pengalaman mengajar lebih 30 tahun yakni hanya seramai 8 (3.0%) orang sahaja.

4.2.3.5 Taburan Responden Mengikut Pengalaman Bekerja di Industri

Jadual 4.3 menunjukkan taburan bilangan responden kajian yang paling ramai berdasarkan pengalaman bekerja di industri adalah antara 1 – 10 tahun iaitu seramai 168 (90.8%) orang di ikuti yang berpengalaman bekerja di industri antara 11 – 20 tahun seramai 14 (7.6%) dan yang paling sedikit adalah pensyarah IKM yang mempunyai pengalaman bekerja di industri adalah antara 21 – 30 tahun iaitu hanya 1 orang atau 0.5% diikuti berpengalaman bekerja di industri melebihi 30 tahun iaitu seramai 2 (1.1%) orang sahaja.

4.3 Dapatan Kajian

Bahagian ini akan menghuraikan dapatan kajian bagi menjawab kepada persoalan, penerokaan dan penghuraian amalan kepimpinan instruksional pengarah terhadap perlaksanaan PBE di KKTM dan IKM. Perisian SPSS Versi 20 telah membantu penyelidik bagi mengumpul dan menganalisa data bagi menjawab semua persoalan kajian. Bagi menentukan tahap kepimpinan instruksional, tahap pelaksanaan program PBE dan tahap kesediaan pensyarah, pengkaji telah menetapkan julat skor min seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.4. Julat skor min ini berdasarkan interpretasi yang dibuat oleh Jamil (1993) dan Sumarni (2000) dalam Zuraidah (2006).

Jadual 4.4: Julat skor min dan interpretasi tahap

Bil	Julat Skor Min	Tahap
1	1.00 hingga 2.33	Rendah
2	2.34 hingga 3.66	Sederhana
3	3.67 hingga 5.00	Tinggi

4.3.1 Soalan 1: Apakah tahap amalan kepimpinan instruksional pengarah terhadap pelaksanaan program PBE di KKTm dan IKM?

Tahap amalan kepimpinan instruksional pengarah KKTm dan IKM dalam kajian ini terbahagi kepada tiga dimensi iaitu dimensi pertama adalah mendefinisi misi KKTm dan IKM, dimensi kedua adalah mengurus program instruksional manakala dimensi ketiga adalah mewujudkan iklim pembelajaran positif. Dapatkan analisa statistik deskriptif seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.5 memberi jawapan secara terperinci nilai skor min, sisihan piawai dan tahap bagi semua dimensi kepimpinan instruksional pengarah KKTm dan IKM.

Jadual 4.5: Analisa deskriptif dimensi amalan Kepimpinan Instruksional

Dimensi KI	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Dimensi 1: Mendefinisi misi KKTm dan IKM	4.30	0.59	Tinggi
Dimensi 2: Mengurus program instruksional	4.26	0.63	Tinggi
Dimensi 3: Mewujudkan iklim pembelajaran positif	4.28	0.62	Tinggi
Min keseluruhan	4.28	0.61	Tinggi

Dapatkan di atas menunjukkan nilai min keseluruhan dimensi kepimpinan instruksional adalah 4.28 yakni pada tahap tinggi. Dapatkan kajian ini juga menunjukkan dimensi pertama iaitu mendefinisi misi KKT dan IKM merupakan dimensi utama dengan nilai skor min adalah 4.30 diikuti dimensi ketiga dengan nilai skor min 4.28, manakala dimensi kedua merupakan dimensi paling rendah dengan nilai skor min 4.26 namun dimensi masih pada tahap yang tinggi.

Jadual 4.6: Analisa tahap dimensi KI

Dimensi KI	1 N(%)	2 N(%)	3 N(%)	Jumlah N(%)
Dimensi 1: Mendefinisi misi KKT dan IKM	3(0.9)	35(10)	313(89.1)	351(100)
Dimensi 2: Mengurus program instruksional	6(1.7)	36(10.3)	309(88)	351(100)
Dimensi 3: Mewujudkan iklim pembelajaran positif	4(1.1)	32(9.1)	315(89.8)	351(100)
Keseluruhan KI	3(0.9)	38(10.8)	310(88.3)	351(100)

Nota: 1 – Rendah, 2 – Sederhana, 3 – Tinggi, N = Frekuensi, % = Peratus

Jadual 4.6 pula menunjukkan analisa deskriptif bagi tahap dimensi KI pengarah KKT dan IKM. Bagi Dimensi 1 KI iaitu mendefinisi misi KKT dan IKM, bilangan skor pada tahap rendah (nilai min antara 1 – 2.33) adalah seramai 3 orang yakni 0.9% sahaja, skor tahap sederhana (nilai min antara 2.34 – 3.67) adalah seramai 35 (10%) orang, manakala skor min pada tahap tinggi (nilai min antara 3.68 – 5) adalah seramai 313 orang iaitu 89.1%).

Bilangan skor bagi dimensi kedua KI iaitu mengurus program instruksional pada tahap rendah adalah seramai 6 (1.7%) orang, tahap sederhana 36 (10.3%) orang manakala skor pada tahap tinggi pula adalah seramai 309 orang atau 88%. Sementara bagi dimensi ketiga KI yakni mewujudkan iklim pembelajaran positif, bilangan skor pada tahap

rendah hanya seramai 4 orang atau 1.1% sahaja, tahap sederhana pula adalah seramai 32 (9.1%) orang dan skor pada tahap tinggi adalah paling tinggi yakni seramai 315 (89.8%) orang. Ini bermaksud bahawa pensyarah KKT dan IKM bersetuju bahawa pengarah KKT dan IKM mengamalkan ketiga-tiga dimensi KI bagi tujuan melaksanakan program PBE di KKT dan IKM.

Dapatkan ini menunjukkan bahawa pengarah KKT dan IKM selaku pemimpin di organisasi KKT dan IKM memainkan peranan yang tinggi dalam kepimpinan instruksional dan bertindak sebagai pemimpin instruksional di KKT dan IKM. Dapatkan di atas juga menunjukkan bahawa pengarah KKT dan IKM memberi tumpuan yang lebih kepada dimensi pertama yakni mendefinisi misi KKT dan IKM berbanding dimensi kedua dan ketiga. Ini adalah kerana setiap program yang hendak dilaksanakan, pengarah KKT dan IKM selaku pemimpin organisasi KKT dan IKM hendaklah merangka visi dan misi serta matlamat agar program PBE yang hendak dilaksana mencapai sasaran dengan baik dan berkesan.

Oleh itu, berdasarkan dapatkan di atas, dapatlah dirumuskan bahawa tahap amalan kepimpinan instruksional terhadap pelaksanaan program PBE di KKT dan IKM adalah pada tahap tinggi.

4.3.1.1 Tahap Amalan Kepimpinan Instruksional Dimensi 1: Mendefinisi misi KKT / IKM

Jadual 4.7 menunjukkan analisa dapatkan tahap bagi setiap item dimensi 1 kepimpinan instruksional pengarah yakni mendefinisi misi KKT dan IKM.

Jadual 4.7: Analisa item Dimensi 1: Mendefinisi misi KKTm dan IKM

BP 1	Pernyataan item Pengarah kami.....	1	2	3	4	5	Min	Sisihan piawai	Tahap
		N %	N %	N %	N %	N %			
1	merangka visi dan misi serta matlamat KKTm / IKM	4 1.1	5 1.4	30 8.5	183 52.1	129 36.8	4.22	0.75	Tinggi
2	melibatkan staf KKTm / IKM dalam merangka visi dan misi KKTm / IKM	5 1.4	8 2.3	42 12.0	169 48.1	127 36.2	4.15	0.82	Tinggi
3	menetapkan objektif dan piagam pelanggan yang jelas untuk peningkatan akademik dan kemahiran pelajar	2 0.6	7 2.0	31 8.8	175 49.9	136 38.7	4.24	0.74	Tinggi
4	menetapkan Key Performance Indicator (KPI) kepada pensyarah supaya visi dan misi serta matlamat KKTm / IKM tercapai	1 0.3	3 0.9	19 5.4	170 48.4	158 45.0	4.37	0.65	Tinggi
5	mempamerkan visi, misi dan matlamat di merata tempat seperti di bangunan pejabat pentadbiran, bilik mesyuarat, dewan KKTm / IKM supaya semua warga KKTm / IKM boleh membaca dan tahu	3 0.9	2 0.6	15 4.3	149 42.5	182 51.9	4.44	0.69	Tinggi
6	menjelaskan visi, misi serta matlamat KKTm / IKM semasa perjumpaan bersama pensyarah dan pelajar	4 1.1	4 1.1	35 10.0	153 43.6	155 44.2	4.28	0.78	Tinggi
7	mengadakan perjumpaan bersama ketua jabatan dan ketua program bagi membincangkan isu-isu semasa dan menyelesaikannya.	2 0.6	5 1.4	19 5.4	154 43.9	171 48.7	4.39	0.71	Tinggi
Min Keseluruhan							4.30	0.59	Tinggi

Nota: 1 - Sangat tidak setuju, 2 - Tidak setuju, 3 - Kurang Setuju, 4 – Setuju,
5 - Sangat setuju, N = Frekunsi, % = Peratus

Merujuk kepada Jadual 4.7, analisa dapatan kajian menunjukkan nilai skor min bagi kesemua item dalam dimensi pertama KI iaitu mendefinisi misi KKTm dan IKM adalah pada tahap tinggi dengan nilai skor min antara 4.15 hingga 4.44. Dapatan kajian juga menunjukkan item nombor 5 yakni 'mempamerkan visi, misi dan matlamat di merata tempat seperti di bangunan pejabat pentadbiran, bilik mesyuarat, dewan KKTm / IKM supaya semua warga KKTm / IKM boleh membaca dan tahu' mendapat skor min yang paling tinggi iaitu 4.44 manakala item nombor 2 yakni 'melibatkan staf KKTm / IKM dalam merangka visi dan misi KKTm / IKM' mendapat skor min yang paling rendah iaitu 4.15 tetapi masih pada tahap tinggi.

Dapatan ini menunjukkan bahawa responden kajian bersetuju bahawa pengarah mereka telah memainkan peranan yang tinggi dalam dimensi pertama KI iaitu mendefinikan misi KKTm dan IKM dengan cara merangka visi, misi serta matlamat KKTm dan IKM (item nombor 1) dengan 183 (52.1%) orang responden setuju, 129 (36.8%) sangat setuju, manakala hanya 30 (8.5%) orang responden kurang setuju, 5 (1.4%) tidak setuju dan 4 (1.1%) sangat tidak setuju. Bagi item nombor 2 seramai 169 (48.1%) orang bersetuju dan seramai 127 (36.1%) sangat bersetuju mengatakan bahawa pengarah KKTm dan IKM melibatkan staf dalam merangka visi dan misi KKTm dan IKM, manakala hanya 42 (12%) kurang setuju, 8 (2.3%) tidak setuju dan hanya 5 (4.1%) orang mengatakan sangat tidak setuju.

Bagi item nombor 3 yakni 'pengarah kami menetapkan objektif dan piagam pelanggan yang jelas untuk peningkatan akademik dan kemahiran pelajar' menunjukkan seramai 136 (38.7%) orang responden sangat bersetuju, 175 (49.9%) responden bersetuju, hanya 31 (8.8%) responden kurang bersetuju, 7 (2%) orang tidak bersetuju manakala 2 orang

responden yakni 0.6% sangat tidak bersetuju. Nilai min dan sisihan piawai bagi item ini adalah masing-masing 4.24 dan 0.74 yakni masih pada tahap tinggi.

Jadual 4.7 juga menunjukkan bahawa bilangan skor yang paling ramai mengatakan bahawa 'pengarah kami menetapkan Key Performance Indicator (KPI) kepada pensyarah supaya visi dan misi serta matlamat KKT / IKM tercapai' (item nombor 4) adalah pada skala 4 (bersetuju) yakni seramai 170 (48.4%) orang responden, yang kedua ramai adalah skor pada skala 5 (sangat bersetuju) iaitu 158 (45%) orang, manakala skor yang paling rendah adalah pada skala 1 (sangat tidak setuju) iaitu hanya seorang responden sahaja. Bilangan responden bagi skala 2 (tidak setuju) adalah seramai 3 (0.9%) orang dan bagi skala 3 (kurang setuju) adalah seramai 19 (5.4%) orang responden sahaja. Nilai skor min bagi item ini masih pada tahap tinggi iaitu 4.37 dengan sisihan piawai adalah 0.65.

Nilai skor min dan sisihan piawai bagi item nombor 6 adalah masing-masing 4.28 dan 0.78 yakni pada tahap tinggi. Data menunjukkan bahawa bilangan responden kajian yang sangat bersetuju bahawa 'pengarah kami menjelaskan visi, misi serta matlamat KKT / IKM semasa perjumpaan bersama pensyarah dan pelajar' adalah seramai 155 (44.2%) yakni yang paling ramai. Bilangan responden yang kedua paling ramai adalah pada skala 4 (setuju) iaitu seramai 153 (43.6%) orang, skala 3 (kurang setuju) adalah seramai 35 (10%) orang responden, manakala bagi skala 2 (tidak setuju) dan skala 1 (sangat tidak setuju) masing-masing hanya seramai 4 orang responden atau hanya 1.1% sahaja.

Sementara itu, nilai skor min bagi item nombor 7 yakni 'pengarah kami mengadakan perjumpaan bersama ketua jabatan dan ketua program bagi membincangkan isu-isu semasa dan menyelesaiannya' merupakan skor yang kedua tertinggi selepas item nombor 5. Bilangan responden yang sangat bersetuju adalah seramai 171 (48.7%) orang, yang bersetuju adalah seramai 154 (43.9%) orang responden, kurang setuju seramai 19 (5.4%), tidak setuju seramai 5 (1.4%) orang dan sangat tidak setuju hanya 2 orang sahaja atau 0.6%. Ini menunjukkan bahawa responden kajian bersetuju bahawa pengarah KKTM dan IKM sentiasa mengadakan perjumpaan bersama ketua jabatan dan ketua program bagi menyelesaikan isu-isu yang berbangkit seperti perlaksanaan program PBE agar matlamat organisasi tercapai.

Secara keseluruhannya, data di atas menunjukkan bahawa pengarah KKTM dan IKM mengamalkan dimensi pertama KI ini dengan nilai skor min dan sisihan piawai keseluruhan adalah masing-masing 4.30 dan 0.59 yakni pada tahap tinggi. Oleh itu, dapatan menunjukkan bahawa pengarah KKTM dan IKM telah melaksanakan amalan dimensi satu KI ini iaitu mendefini misi KKTM dan IKM dengan baik dan berkesan bagi memastikan program PBE dapat dilaksanakan dengan jayanya.

4.3.1.2 Tahap Kepimpinan Instruksional Dimensi 2: Mengurus program instruksional

Secara keseluruhannya, nilai skor min, sisihan piawai dan tahap KI bagi dimensi kedua iaitu mengurus program instruksional adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.8 di bawah adalah pada tahap tinggi.

Jadual 4.8: Analisa item Dimensi 2: Mengurus program instruksional

BP 2	Pernyataan item Pengarah kami.....	1	2	3	4	5	Min	Sisihan piawai	Tahap
		N %	N %	N %	N %	N %			
1	Menyemak buku rekod pengajaran pensyarah secara berkala	13 3.7	8 2.3	44 12.5	168 47.9	118 33.6	4.05	0.94	Tinggi
2	Memastikan pemantauan p & p dan semakan folio pengajaran pensyarah dilaksanakan secara berkala	4 1.1	5 1.4	25 7.1	174 49.6	143 40.7	4.27	0.75	Tinggi
3	Menggalakan pensyarah membuat inovasi dan penambahbaikan dalam proses p & p	7 2.0	3 0.9	16 4.6	168 47.9	157 44.7	4.32	0.78	Tinggi
4	Menggalakan pensyarah dalam melaksanakan pelbagai kaedah pengajaran	5 1.4	1 0.3	23 6.6	174 49.6	148 42.2	4.31	0.73	Tinggi
5	Menggalakkan pensyarah membuat kajian yang boleh meningkatkan pencapaian pelajar	6 1.7	4 1.1	30 8.5	175 49.9	136 38.7	4.23	0.79	Tinggi
6	Memastikan pensyarah menggunakan masa pengajaran yang maksimum	4 1.1	1 0.3	25 7.1	163 46.4	158 45.0	4.34	0.72	Tinggi
7	Menggalakan pensyarah berkongsi maklumat dan idea dalam meningkatkan mutu p & p	4 1.1	4 1.1	25 7.1	166 47.3	152 43.3	4.30	0.75	Tinggi
Min Keseluruhan							4.26	0.63	Tinggi

Nota: 1 - Sangat tidak setuju, 2 - Tidak setuju, 3 - Kurang Setuju, 4 – Setuju,
5 – Sangat setuju, N = Frekunsi, % = Peratus

Merujuk kepada Jadual 4.8, analisa dapatan kajian menunjukkan nilai skor min bagi kesemua item dalam dimensi kedua KI iaitu mengurus program instruksional adalah pada tahap tinggi dengan nilai skor min antara 4.05 hingga 4.34. Dapatan kajian juga menunjukkan item nombor 6 yakni 'memastikan pensyarah menggunakan masa pengajaran yang maksimum' mendapat skor min yang paling tinggi iaitu 4.34 dimana bilangan responden kajian yang bersetuju adalah seramai 163 (46.4%) yakni yang paling ramai. Bilangan responden yang kedua ramai adalah pada skala 5 (sangat bersetuju) iaitu seramai 163 (46.4%) orang, skala 3 (kurang setuju) adalah seramai 25 (7.1%) orang responden, manakala bagi skala 2 (tidak setuju) dan skala 1 (sangat tidak setuju) masing-masing hanya seramai seorang responden atau hanya 0.3% sahaja dan 4 orang responden atau hanya 1.1% sahaja.

Manakala skor min yang kedua tinggi adalah item nombor 3 yakni 'menggalakkan pensyarah membuat inovasi dan penambahbaikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran' iaitu 4.32. Item nombor 3 menunjukkan seramai 157 (44.7%) orang responden sangat bersetuju, 168 (47.9%) responden bersetuju, hanya 16 (4.6%) responden kurang bersetuju, 3 (0.9%) orang tidak bersetuju manakala 7 orang responden yakni 2.0% sangat tidak bersetuju. Nilai min dan sisihan piawai bagi item ini adalah masing-masing 4.32 dan 0.78 yakni masih pada tahap tinggi.

Jadual 4.8 juga menunjukkan bahawa skor min yang ketiga tinggi adalah 'pengarah kami menggalakan pensyarah dalam melaksanakan pelbagai kaedah pengajaran (item nombor 4)' iaitu 4.31 dengan sisihan piawai adalah 0.73 dan mengatakan bahawa bilangan skor yang paling ramai adalah pada skala 4 (ersetuju) yakni seramai 174 (49.6%) orang responden, yang kedua ramai adalah skor pada skala 5 (sangat bersetuju) iaitu 148 (42.4%) orang, manakala skor yang paling rendah adalah pada skala 2 (tidak

setuju) iaitu hanya seorang responden sahaja. Bilangan responden bagi skala 1 (sangat tidak setuju) adalah seramai 5 (1.4%) orang dan bagi skala 3 (kurang setuju) adalah seramai 23 (6.6%) orang responden sahaja.

Sementara itu, nilai skor min yang keempat tinggi adalah item nombor 7 yakni 'pengarah kami menggalakan pensyarah berkongsi maklumat dan idea dalam meningkatkan mutu p & p' iaitu 4.30 menunjukkan bilangan responden yang sangat bersetuju adalah seramai 152 (43.3%) orang, yang bersetuju adalah seramai 166 (47.3%) orang responden, kurang setuju seramai 25 (7.1%), tidak setuju dan sangat tidak setuju pula hanya 4 orang sahaja atau 1.1%. Ini menunjukkan bahawa responden kajian bersetuju bahawa pengarah KKTM dan IKM sentiasa mengadakan perjumpaan bersama ketua jabatan dan ketua program bagi menyelesaikan isu-isu yang berbangkit seperti perlaksanaan program PBE agar matlamat organisasi tercapai.

Dapatan ini menunjukkan bahawa responden kajian bersetuju bahawa pengarah mereka telah memainkan peranan yang tinggi dalam dimensi kedua KI iaitu 'memastikan pemantauan p & p dan semakan folio pengajaran pensyarah dilaksanakan secara berkala' (item nombor 2) dengan nilai skor min kelima tinggi iaitu 4.27 mengatakan seramai 174 (49.6%) orang bersetuju dan seramai 143 (40.7%) sangat bersetuju mengatakan bahawa pengarah KKTM dan IKM, manakala hanya 16 (4.6%) kurang setuju, 3 (0.9%) tidak setuju dan hanya 7 (2.0%) orang mengatakan sangat tidak setuju. Diikuti oleh item nombor 5, 'menggalakkan pensyarah membuat kajian yang boleh meningkatkan pencapaian pelajar' dengan nilai skor min 4.23 menunjukkan skala 4 (ersetuju) adalah skor yang paling tinggi iaitu 175 (49.9%) orang responden, diikuti oleh skala 5 (sangat bersetuju) dengan 136 (38.7%) orang, skala 3 (kurang bersetuju) dengan 30 (8.5%)

orang, skala 1 (sangat tidak bersetuju) dengan 6 (1.7%) orang dan skala 2 (tidak bersetuju) dengan 4 (1.1%) orang responden sahaja.

Nilai skor min yang paling rendah iaitu 4.05 tetapi masih pada tahap tinggi adalah item nombor 1 yakni 'mengurus program instruksional dengan cara menyemak buku rekod pengajaran pensyarah secara berkala' dengan 168 (47.9%) orang responden setuju, 118 (33.6%) sangat setuju, manakala hanya 44(12.5%) orang responden kurang setuju, 8 (2.3%) tidak setuju dan 13 (3.7%) sangat tidak setuju.

Secara keseluruhannya, data di atas menunjukkan bahawa pengarah KKTM dan IKM mengamalkan dimensi kedua KI ini dengan nilai skor min dan sisihan piawai keseluruhan adalah masing-masing 4.26 dan 0.63 yakni pada tahap tinggi. Oleh itu, dapatan menunjukkan bahawa pengarah KKTM dan IKM telah melaksanakan amalan dimensi kedua KI ini iaitu mengurus program instruksional dengan baik dan berkesan bagi memastikan program PBE dapat dilaksanakan dengan jayanya.

4.3.1.3 Tahap Kepimpinan Instruksional Dimensi 3: Mewujudkan iklim pembelajaran positif

Secara keseluruhannya, nilai skor min, sisihan piawai dan tahap KI bagi dimensi ketiga iaitu mewujudkan iklim pembelajaran positif adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.9 adalah pada tahap tinggi.

Jadual 4.9: Analisa item Dimensi 3: Mewujudkan iklim pembelajaran positif

BP 3	Pernyataan item Pengarah kami.....	1 N %	2 N %	3 N %	4 N %	5 N %	Min	Sisihan piawai	Tahap
1	Memastikan setiap pensyarah menggunakan masa p & p sepenuhnya dengan cara melakukan pemantauan berkala	6 1.7	9 2.6	30 8.5	178 50.7	128 36.5	4.18	0.82	Tinggi
2	Menggalakan pensyarah meningkatkan ilmu melalui kursus peningkatan dan menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi	3 0.9	3 0.9	22 6.3	167 47.6	156 44.4	4.34	0.71	Tinggi
3	Memastikan pensyarah menghadiri kursus peningkatan professional	3 0.9	6 1.7	26 7.4	167 47.6	149 42.5	4.29	0.75	Tinggi
4	Memastikan pensyarah menggunakan kemudahan ICT dalam proses p & p	4 1.1	2 0.6	22 6.3	179 51.0	144 41.0	4.30	0.71	Tinggi
5	Menekankan konsep ‘sharing the knowledge’ dalam kalangan pensyarah	4 1.1	2 0.6	26 7.4	175 49.9	144 41.0	4.29	0.73	Tinggi
6	Memberi ganjaran sekurang-kurang ucapan dan surat penghargaan kepada pensyarah yang berjaya	8 2.3	5 1.4	33 9.4	172 49.0	133 37.9	4.19	0.84	Tinggi

Sambungan Jadual 4.9

BP 3	Pernyataan item Pengarah kami.....	1	2	3	4	5	Min	Sisihan piawai	Tahap
		N %	N %	N %	N %	N %			
7	Memberi ruang kepada pensyarah untuk menjana kreativiti dan inovasi dalam apa jua bidang dan memberi hadiah kepada yang berjaya	8 2.3	7 2.0	26 7.4	172 49.0	138 39.3	4.21	0.84	Tinggi
8	Memberi hadiah dan insentif kepada pelajar cemerlang dalam akademik dan kemahiran	4 1.1	2 0.6	25 7.1	168 47.9	152 43.3	4.32	0.73	Tinggi
9	Menggalakan pensyarah dan pelajar menyertai pertandingan kemahiran dan memberi ganjaran kepada yang berjaya	4 1.1	2 0.6	24 6.8	157 44.7	164 46.7	4.35	0.73	Tinggi
10	Menggalakan pensyarah dan pelajar mencipta projek inovasi yang boleh dipasarkan dan memberi insentif kepada mereka	5 1.4	4 1.1	20 5.7	152 43.3	170 48.4	4.36	0.77	Tinggi
	Min Keseluruhan						4.28	0.62	Tinggi

Nota: 1 - Sangat tidak setuju, 2 - Tidak setuju, 3 - Kurang Setuju, 4 – Setuju,
5 – Sangat setuju, N = Frekunsi, % = Peratus

Merujuk kepada Jadual 4.9, analisa dapatan kajian menunjukkan nilai skor min bagi kesemua item dalam dimensi ketiga KI iaitu mewujudkan iklim pembelajaran positif adalah pada tahap tinggi dengan nilai skor min antara 4.18 hingga 4.36. Dapatan kajian juga menunjukkan item nombor 1 yakni 'memastikan setiap pensyarah menggunakan masa p & p sepenuhnya dengan cara melakukan pemantauan berkala' mendapat skor min yang paling rendah iaitu 4.18 tetapi masih pada tahap tinggi manakala item nombor 10 yakni 'menggalakan pensyarah dan pelajar mencipta projek inovasi yang boleh

dipasarkan dan memberi insentif kepada mereka' mendapat skor min yang paling tinggi iaitu 4.36.

Dapatan ini menunjukkan bahawa responden kajian bersetuju bahawa pengarah mereka telah memainkan peranan yang tinggi dalam dimensi ketiga KI iaitu mewujudkan iklim pembelajaran positif dengan menggalakan pensyarah meningkatkan ilmu melalui kursus peningkatan dan menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi (item nombor 2) dengan 167 (47.6%) orang responden setuju, 156 (44.4%) sangat setuju, manakala hanya 22 (6.3%) orang responden kurang setuju, tidak setuju dan sangat tidak setuju masing-masing dengan 3 (0.9%) orang responden sahaja. Bagi item nombor 3 seramai 167 (47.6%) orang bersetuju dan seramai 149 (42.5%) sangat bersetuju mengatakan bahawa pengarah KKTm dan IKM 'memastikan pensyarah menghadiri kursus peningkatan professional', manakala hanya 26 (7.4%) kurang setuju, 6 (1.7%) tidak setuju dan hanya 3 (0.9%) orang mengatakan sangat tidak setuju.

Bagi item nombor 4 yakni 'pengarah kami memastikan pensyarah menggunakan kemudahan ICT dalam proses p & p' menunjukkan seramai 144 (41.0%) orang responden sangat bersetuju, 179 (51.0%) responden bersetuju, hanya 22 (6.3%) responden kurang bersetuju, 2 (0.6%) orang tidak bersetuju manakala 4 orang responden yakni 1.1% sangat tidak bersetuju. Nilai min dan sisihan piawai bagi item ini adalah masing-masing 4.30 dan 0.71 yakni masih pada tahap tinggi.

Jadual 4.9 juga menunjukkan bahawa 'pengarah kami menekankan konsep 'sharing the knowledge' dalam kalangan pensyarah' (item nombor 5) adalah pada skala 4 (ersetuju) yakni seramai 175 (49.9%) orang responden, yang kedua ramai adalah skor pada skala 5 (sangat bersetuju) iaitu 144 (41.0%) orang, manakala skor yang paling rendah adalah

pada skala 2 (tidak setuju) iaitu hanya dua responden sahaja. Bilangan responden bagi skala 1 (sangat tidak setuju) adalah seramai 4 (1.1%) orang dan bagi skala 3 (kurang setuju) adalah seramai 26 (7.4%) orang responden sahaja. Nilai skor min bagi item ini masih pada tahap tinggi iaitu 4.29 dengan sisihan piawai adalah 0.73.

Bagi item nombor 6 yakni 'memberi ganjaran sekurang-kurang ucapan dan surat penghargaan kepada pensyarah yang berjaya' menunjukkan skala 4 (bersetuju) adalah skor yang paling tinggi iaitu 172 (49.0%) orang responden, diikuti oleh skala 5 (sangat bersetuju) dengan 133 (37.9%) orang, skala 3 (kurang bersetuju) dengan 33 (9.4%) orang, skala 1 (sangat tidak bersetuju) dengan 8 (2.3%) orang dan skala 2 (tidak bersetuju) dengan 5 (1.4%) orang responden sahaja.

Nilai skor min dan sisihan piawai bagi item nombor 7 mengatakan 4.21 dan 0.84 yakni pada tahap tinggi. Data menunjukkan bahawa bilangan responden kajian yang bersetuju bahawa 'pengarah kami memberi ruang kepada pensyarah untuk menjana kreativiti dan inovasi dalam apa jua bidang dan memberi hadiah kepada yang berjaya' adalah seramai 172 (49.0%) yakni yang paling ramai. Bilangan responden yang kedua ramai adalah pada skala 5 (sangat bersetuju) iaitu seramai 138 (39.3%) orang, skala 3 (kurang setuju) adalah seramai 26 (7.4%) orang responden, manakala bagi skala 2 (tidak setuju) dan skala 1 (sangat tidak setuju) masing-masing seramai 7 (2.0%) responden dan 8 (2.3%) orang responden sahaja.

Sementara itu, nilai skor min bagi item nombor 8 yakni 'pengarah kami memberi hadiah dan insentif kepada pelajar cemerlang dalam akademik dan kemahiran' menunjukkan bilangan responden yang sangat bersetuju adalah seramai 152 (43.3%) orang, yang bersetuju adalah seramai 168 (47.9%) orang responden, kurang setuju seramai 25

(7.1%), tidak setuju seramai 2 (0.6%) dan sangat tidak setuju pula hanya 4 orang sahaja atau 1.1%. Ini menunjukkan bahawa responden kajian bersetuju bahawa pengarah KKTm dan IKM sentiasa memberi hadiah dan insentif kepada pelajar cemerlang dalam akademik dan kemahiran sebagai pengiktirafan atas kejayaan mereka.

Akhir sekali bagi item nombor 9 yakni 'pengarah kami menggalakkan pensyarah dan pelajar menyertai pertandingan kemahiran dan memberi ganjaran kepada yang berjaya' menunjukkan bilangan responden paling ramai adalah sangat bersetuju iaitu seramai 164 (46.7%) orang, diikuti oleh yang bersetuju adalah seramai 157 (44.7%) orang responden, kurang setuju seramai 24 (6.8%) tidak setuju seramai 2 (0.6%) dan sangat tidak setuju pula hanya 4 (1.1%) orang responden sahaja.

Secara keseluruhannya, data di atas menunjukkan bahawa pengarah KKTm dan IKM mengamalkan dimensi ketiga KI ini dengan nilai skor min dan sisihan piawai keseluruhan adalah masing-masing 4.28 dan 0.62 yakni pada tahap tinggi. Oleh itu, dapatan menunjukkan pengarah KKTm dan IKM telah melaksanakan amalan dimensi ketiga KI ini iaitu mewujudkan iklim pembelajaran positif dengan baik dan berkesan bagi memastikan program PBE dapat dilaksanakan dengan jayanya.

4.3.2 Soalan 2: Apakah tahap pelaksanaan program PBE di KKT dan IKM?

Dapatan analisa statistik deskriptif seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.10 memberi jawapan secara terperinci nilai skor min, sisihan piawai bagi semua tahap pelaksanaan program PBE di KKT dan IKM.

Jadual 4.10: Analisa item pelaksaan program PBE

C	Pernyataan item Pengarah kami.....	1	2	3	4	5	Min	Sisihan piawai	Tahap
		N %	N %	N %	N %	N %			
1	Menetapkan KPI bagi setiap program mesti menghasilkan sekurang-kurang satu jenis produk PBE	8 2.3	4 1.1	39 11.1	174 49.6	126 35.9	4.16	0.84	Tinggi
2	Memastikan setiap produk PBE dihasilkan hendaklah dijual	11 3.1	10 2.8	57 16.2	171 48.7	102 29.1	3.98	0.92	Tinggi
3	Hasil jualan produk PBE diagihkan kepada pensyarah dan pelajar	16 4.6	16 4.6	65 18.5	152 43.3	102 29.1	3.88	1.03	Tinggi
4	Memastikan pensyarah dan pelajar bersungguh-sungguh menghasilkan produk PBE	12 3.4	12 3.4	51 14.5	168 47.9	108 30.8	3.99	0.95	Tinggi
5	Menekankan aspek kualiti semasa membuat produk PBE	11 3.1	11 3.1	45 12.8	164 46.7	120 34.2	4.06	0.94	Tinggi
6	Menyediakan borang aduan pelanggan untuk menilai produk PBE	12 3.4	16 4.6	65 18.5	146 41.6	112 31.9	3.94	1.00	Tinggi
7	Mengutamakan aspek kepuasan pelanggan bagi produk PBE	12 3.4	19 5.4	51 14.5	144 41.0	125 35.6	4.00	1.01	Tinggi
8	Melaksanakan aktiviti karnival teknousahawan sekurang-kurang sekali setahun untuk menjual produk PBE	12 3.4	11 3.1	57 16.2	163 46.4	108 30.8	3.98	0.95	Tinggi

Sambungan Jadual 4.10

C	Pernyataan item Pengarah kami.....	1	2	3	4	5	Min	Sisihan piawai	Tahap
		N	N	N	N	N			
		%	%	%	%	%			
9	Memastikan pensyarah melaksanakan kawalan kualiti sebelum sesuatu produk hendak dijual kepada pelanggan	13	10	56	163	109	3.98	0.96	Tinggi
		3.7	2.8	16.0	46.4	31.1			
10	Mengutamakan aspek khidmat selepas jualan dilaksanakan	15	17	58	149	112	3.93	1.03	Tinggi
Min Keseluruhan							3.99	0.86	Tinggi

Nota: 1 - Sangat tidak setuju, 2 - Tidak setuju, 3 - Kurang Setuju, 4 – Setuju,
5 – Sangat setuju, N = Frekuensi, % = Peratus

Merujuk kepada Jadual 4.10, analisa daptan kajian secara keseluruhannya menunjukkan nilai skor min bagi kesemua item adalah 3.99 dengan sisihan piawai 0.86 yakni pada tahap tinggi. Dapatan kajian juga menunjukkan item nombor 1 yakni 'menetapkan KPI bagi setiap program mesti menghasilkan sekurang-kurang satu jenis produk PBE' mendapat skor min yang paling tinggi iaitu 4.16 dan sisan piawai 0.84 dimana bilangan responden kajian yang bersetuju adalah seramai 174 (49.6%) yakni yang paling ramai. Bilangan responden yang kedua ramai adalah pada skala 5 (sangat bersetuju) iaitu seramai 126 (35.9%) orang, skala 3 (kurang setuju) adalah seramai 39 (11.1%) orang responden, manakala bagi skala 2 (tidak setuju) seramai 4 (1.1%) dan skala 1 (sangat tidak setuju) seramai 8 orang responden atau hanya 2.3% sahaja.

Manakala skor min yang paling rendah adalah item nombor 3 yakni 'hasil jualan produk PBE diagihkan kepada pensyarah dan pelajar' iaitu 3.88 sahaja dengan sisihan piawai 1.03 tetapi masih pada tahap tinggi. Item nombor 3 menunjukkan seramai 102 (29.1%) orang responden sangat bersetuju, 152 (43.3%) responden bersetuju, 65

(18.5%) responden kurang bersetuju, dan 16 (4.6) bagi kedua-dua tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju.

Jadual 4.10 juga menunjukkan bahawa item nombor 2, 8 dan 9 masing-masing mencatatkan skor min yang sama iaitu 3.98 dengan sisihan piawai 0.92, 0.95 dan 0.96. Ketiga-tiga item menunjukkan bilangan skor yang paling ramai adalah pada skala 4 (bersetuju) yakni seramai 171 (48.7%) bagi item nombor 2, 163 (46.4%) orang bagi item nombor 8 dan 9. Manakala, bilangan skor kedua ramai adalah pada skala 5 (sangat bersetuju) iaitu 102 (29.1%), 108 (30.8%), 109 (31.1%) orang responden bagi item nombor 2, 8 dan 9. Skala 2 (tidak setuju) pula menunjukkan bilangan skor yang paling rendah iaitu 11 (3.1%) orang bagi item nombor 8 dan 10 (2.8%) responden sahaja bagi item nombor 2 dan 9. Bilangan responden bagi skala 1 (sangat tidak setuju) adalah seramai 11 (3.1%) orang bagi item 2, 12 (3.4%) bagi item nombor 8 dan 13 (3.7%) bagi item nombor 9 dan bagi skala 3 (kurang setuju) adalah seramai 56 (16.0%) bagi item nombor 9 dan 57 (16.2%) orang responden sahaja bagi item nombor 2 dan 8.

Sementara itu, nilai skor min yang kedua tinggi adalah item nombor 5 yakni 'menekankan aspek kualiti semasa membuat produk PBE' iaitu 4.06 dengan sisihan piawai 0.94 menunjukkan bilangan responden yang sangat bersetuju adalah seramai 120 (34.2%) orang, yang bersetuju adalah seramai 164 (46.7%) orang responden, kurang setuju seramai 45 (12.8%) tidak setuju dan sangat tidak setuju pula hanya 11 orang sahaja atau 3.1%.

Dapatan ini juga menunjukkan bahawa 144 (41.0%) orang responden kajian bersetuju (skala 4) dan 125 (35.6%) orang lagi sangat bersetuju (skala 5) untuk 'mengutamakan aspek kepuasan pelanggan bagi produk PBE' (item nombor 7) dalam pelaksanaan program

PBE di KKTM dan IKM dengan nilai skor min 4.00 dan sishan piawai 1.01. Manakala, 51 (14.5%) kurang bersetuju (skala 3), 19 (5.4%) tidak bersetuju (skala 2) dan 12 (3.4%) orang responden lagi sangat tidak bersetuju (skala 1).

Seterusnya bagi item nombor 4 yakni 'memastikan pensyarah dan pelajar bersungguh-sungguh menghasilkan produk PBE' menunjukkan nilai skor min 3.99 dan sishan piawai 0.95 juga mengatakan bilangan skor paling ramai adalah skala 4 (ersetuju) iaitu 168 (47.9%) responden. Diikuti skala 5 (sangat bersetuju) dengan 108 (30.8%) orang responden, skala 3 (kurang bersetuju) dengan 51 (14.5%) orang dan skala 2 (tidak bersetuju) dan 1 (sangat tidak bersetuju) dengan 12 (3.4%) orang responden.

Bagi item nombor 6 yakni menunjukkan 112 (31.9%) orang responden sangat bersetuju (skala 5), 146 (41.6%) bersetuju (skala 4), 65 (18.5%) kurang bersetuju (skala 3), 16 (4.6%) tidak bersetuju (skala 2) dan 12 (3.4%) sangat tidak bersetuju (skala 1) untuk 'menyediakan borang aduan pelanggan untuk menilai produk PBE'. Akhir sekali item nombor 10 pula mengatakan 149 (42.5%) orang responden kajian bersetuju dan 112 (31.9%) sangat bersetuju dalam 'mengutamakan aspek khidmat selepas jualan dilaksanakan'. Manakala, 58 (16.5%) orang responden pula kurang bersetuju, 17 (4.8%) tidak bersetuju dan 15 (4.3%) sangat tidak bersetuju.

Secara keseluruhannya, data di atas menunjukkan bahawa bilangan responden kajian pada skala 4 iaitu bersetuju dengan semua item pelaksanaan program PBE adalah paling tinggi diikuti oleh skala 5 iaitu sangat bersetuju dan sekala 3 iaitu kurang bersetuju. Bagi skala 2 iaitu tidak bersetuju dan skala 1 iaitu sangat tidak bersetuju bergantung kepada item pelaksanaan program PBE tersebut. Oleh itu, dapatan menunjukkan pelaksanaan program PBE di KKTM dan IKM adalah baik dan berkesan.

4.3.3 Soalan 3: Apakah dimensi kepimpinan instruksional pengarah yang paling dominan terhadap pelaksanaan program PBE di KKTm dan IKM?

Terdapat tiga tahap amalan kepimpinan instruksional pengarah KKTm dan IKM dalam kajian ini iaitu dimensi pertama untuk mendefinisi misi KKTm dan IKM, dimensi kedua untuk mengurus program instruksional dan dimensi ketiga untuk mewujudkan iklim pembelajaran positif. Dapatan analisa statistik deskriptif seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.11 memberi jawapan secara terperinci nilai skor min, sisihan piawai dan tahap bagi semua dimensi kepimpinan instruksional pengarah KKTm dan IKM.

Jadual 4.11: Analisa deskriptif dimensi Kepimpinan Instruksional

Dimensi KI	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Dimensi 1: Mendefinisi misi KKTm dan IKM	4.30	0.59	Tinggi
Dimensi 2: Mengurus program instruksional	4.26	0.63	Tinggi
Dimensi 3: Mewujudkan iklim pembelajaran positif	4.28	0.62	Tinggi
Min keseluruhan	4.28	0.61	Tinggi

Dapatan di atas menunjukkan nilai min keseluruhan dimensi kepimpinan instruksional adalah 4.28 dengan nilai sisihan piawai 0.61 yakni pada tahap tinggi. Dapatan kajian ini juga menunjukkan dimensi pertama iaitu mendefinisi misi KKTm dan IKM merupakan dimensi paling dominan dengan nilai skor min adalah 4.30 diikuti dimensi ketiga dengan nilai skor min 4.28, manakala dimensi kedua merupakan dimensi paling rendah dengan nilai skor min 4.26 namun dimensi masih pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa pengarah KKTm dan IKM selaku pemimpin di organisasi KKTm dan IKM memainkan peranan yang tinggi dalam kepimpinan instruksional dan

bertindak sebagai pemimpin instruksional di KKTm dan IKM. Dapatan di atas juga menunjukkan bahawa pengarah KKTm dan IKM memberi tumpuan yang lebih kepada dimensi pertama yakni mendefinisi misi KKTm dan IKM berbanding dimensi kedua dan ketiga.

Ini adalah kerana setiap program yang hendak dilaksanakan, pengarah KKTm dan IKM selaku pemimpin organisasi KKTm dan IKM hendaklah merangka visi dan misi serta matlamat agar program PBE yang hendak dilaksana mencapai sasaran dengan baik dan berkesan. Dapatan ini disokong oleh Sheppard (1996) yang mengatakan bahawa peranan utama pengetua sekolah dalam kepimpinan instruksional adalah pengetua hendaklah menetapkan dan memaklumkan misi dan matlamat sekolah mereka. Manakala Mc Ewan (2003) pula mengatakan peranan pemimpin instruksional meliputi menjelaskan visi dan misi sekolah. Dapatan ini juga disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Latif Muhamad (2007) dimana peranan pemimpin instruksional adalah lebih luas dan banyak yang meliputi penentuan dan penjelasan matlamat sekolah.

Oleh itu, daripada dapatan kajian di atas dapat dirumuskan bahawa dimensi paling dominan ialah dimensi pertama KI iaitu mendefini misi KKTm dan IKM yang di amalkan oleh pengrah terhadap pelaksanaan program PBE di KKTm dan IKM..

4.3.4 Soalan 4: Apakah tahap aspek kesediaan pensyarah dalam melaksanakan program PBE di KKT dan IKM?

Tahap aspek kesediaan pensyarah dalam melaksanakan program PBE di KKT dan IKM dalam kajian ini terbahagi kepada lima aspek iaitu aspek pertama adalah keusahawanan, aspek kedua adalah memahami konsep PBE, aspek ketiga adalah kemahiran teknikal, aspek keempat adalah Inovasi dan aspek kelima adalah kemahiran insaniah. Dapatan analisa statistik deskriptif seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.12 memberi jawapan secara terperinci nilai skor min, sisihan piawai dan tahap bagi semua aspek kesediaan pensyarah KKT dan IKM dalam melaksanakan program PBE.

Jadual 4.12: Analisa deskriptif aspek kesediaan pensyarah

Aspek KP	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Aspek 1: Keusahawanan	3.97	0.77	Tinggi
Aspek 2: Memahami Konsep PBE	4.13	0.71	Tinggi
Aspek 3: Kemahiran Teknikal	4.47	0.55	Tinggi
Aspek 4: Inovasi	4.34	0.58	Tinggi
Aspek 5: Kemahiran Insaniah	4.41	0.50	Tinggi
Min keseluruhan	4.26	0.52	Tinggi

Dapatan di atas menunjukkan nilai min keseluruhan aspek kesediaan pensyarah adalah 4.26 dengan nilai sishan piawai 0.52 yakni pada tahap tinggi. Dapatan di atas menunjukkan aspek 3 yakni aspek Kemahiran Teknikal mendapat skor min paling tinggi ($N = 4.47$, $SD = 0.55$) diikuti aspek 5 yakni aspek kemahiran insaniah yang kedua tertinggi ($N = 4.41$, $SD = 0.50$), diikuti aspek 4 iaitu aspek inovasi ($N = 4.34$, $SD = 0.58$), aspek 2 iaitu aspek memahami konsep PBE ($N = 4.13$, $SD = 0.71$) manakala skor min

yang paling rendah adalah aspek 1 yakni aspek keusahawanan dengan nilai min adalah 3.97 dan sisihan piawai 0.77, namun masih pada tahap tinggi.

Jadual 4.13: Analisa tahap aspek KP

Aspek KP	1 N(%)	2 N(%)	3 N(%)	Total N(%)
Aspek 1: Keusahawanan	13(3.7)	80(22.8)	258(73.5)	351(100)
Aspek 2: Konsep PBE	6(1.7)	70(19.9)	275(78.3)	351(100)
Aspek 3: Teknikal	2(0.6)	11(3.1)	338(96.3)	351(100)
Aspek 4: Inovasi	1(0.3)	36(10.3)	314(89.5)	351(100)
Aspek 5: Insaniah	0(0)	18(5.1)	333(94.9)	351(100)
Keseluruhan KP	1(0.3)	42(12.0)	307(87.7)	351(100)

Nota: 1 – Rendah, 2 – Sederhana, 3 – Tinggi, N = Frekuensi, % = Peratus

Jadual 4.13 pula menunjukkan analisa deskriptif bilangan skor bagi tahap aspek kesediaan pensyarah KKT dan IKM. Bagi Aspek 1 KP iaitu keusahawan, bilangan skor pada tahap rendah (nilai min antara 1 – 2.33) adalah seramai 13 orang yakni 3.7% sahaja, skor tahap sederhana (nilai min antara 2.34 – 3.67) adalah seramai 80 (22.8%) orang, manakala skor min pada tahap tinggi (nilai min antara 3.68 – 5) adalah seramai 258 orang iaitu 73.5%.

Bilangan skor bagi aspek kedua KP iaitu konsep PBE pada tahap rendah adalah seramai 6 (1.7%) orang, tahap sederhana 70 (19.9%) orang manakala skor pada tahap tinggi pula adalah seramai 275 orang atau 78.3%. Sementara bagi aspek ketiga KP yakni teknikal, bilangan skor pada tahap rendah hanya seramai 2 orang atau 0.6% sahaja, tahap sederhana pula adalah seramai 11 (3.1%) orang dan skor pada tahap tinggi adalah paling tinggi yakni seramai 338 (96.3%) orang.

Bilangan skor bagi aspek keempat KP iaitu inovasi pada tahap rendah adalah seramai 1 (0.3%) orang sahaja, tahap sederhana 36(10.3%) orang manakala skor pada tahap tinggi pula adalah seramai 314 orang atau 89.5%. Sementara bagi aspek terakhir iaitu kelima KP yakni insaniah menunjukkan tiada bilangan skor pada tahap rendah. Manakala, tahap sederhana pula adalah seramai 18 (5.1%) orang dan skor pada tahap tinggi adalah paling tinggi yakni seramai 333 (94.9%) orang.

Ini bermaksud bahawa pensyarah KKT dan IKM bersetuju mengamalkan kelima-lima aspek kesediaan pensyarah bagi tujuan melaksanakan program PBE di KKT dan IKM. Oleh itu, dapatan ini menunjukkan tahap kesediaan pensyarah dalam melaksanakan program PBE di KKT dan IKM adalah tinggi. Dengan kata lain, pensyarah KKT dan IKM telah berjaya melaksanakan program PBE dengan baik dan berkesan.

4.3.4.1 Tahap Kesediaan Pensyarah Aspek 1: Keusahawanan

Secara keseluruhannya, nilai skor min, sisihan piawai dan tahap aspek KP bagi aspek pertama iaitu keusahawanan adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.14 adalah pada tahap tinggi.

Jadual 4.14: Analisa item aspek 1: Keusahawanan

B 1 Pernyataan item	1	2	3	4	5	Min	Sisihan piawai	Tahap
	N	N	N	N	N			
	%	%	%	%	%			
1 Saya mengetahui maklumat perniagaan yang hendak dijalankan	3 0.9	11 3.1	62 17.7	192 54.7	83 23.6	3.97	0.79	Tinggi
2 Saya mengetahui sasaran pasaran perniagaan yang hendak dijalankan	3 0.9	11 3.1	61 17.4	185 52.7	91 25.9	4.00	0.80	Tinggi
3 Saya boleh membuat anggaran perbelanjaan operasi perniagaan yang dijalankan	5 1.4	9 2.6	66 18.8	170 48.4	101 28.8	4.01	0.84	Tinggi
4 Saya boleh membuat ramalan jualan produk yang hendak dipasarkan	6 1.7	13 3.7	70 19.9	166 47.3	96 27.4	3.95	0.88	Tinggi
5 Saya boleh menyatakan sumber pembiayaan kewangan projek	5 1.4	16 4.6	66 18.8	169 48.1	95 27.1	3.95	0.88	Tinggi
Min Keseluruhan						3.97	0.77	Tinggi

Nota: 1 - Sangat tidak setuju, 2 - Tidak setuju, 3 - Kurang Setuju, 4 – Setuju, 5 – Sangat setuju, N = Frekunsi, % = Peratus

Merujuk kepada Jadual 4.14, analisa dapatan kajian menunjukkan nilai skor min bagi kesemua item dalam aspek keusahawanan pada tahap tinggi dengan nilai skor min antara 3.95 hingga 4.01 dan sisihan piawai antara 0.79 hingga 0.88. Dapatan kajian juga menunjukkan item nombor 4 dan 5 mendapat skor min yang paling rendah iaitu masing-masing 3.95 dengan sisihan piawai 0.88 tetapi masih pada tahap tinggi manakala item nombor 3 mendapat skor min yang paling tinggi iaitu 4.01 dengan sisihan piawai 0.84.

Analisa kajian bagi item nombor 1 yakni ' Saya mengetahui maklumat perniagaan yang hendak dijalankan' menunjukkan nilai skor min pada tahap tinggi iaitu 3.97 dengan sisihan piawai 0.79. Bilangan responden yang memberi skala 5 yakni sangat bersetuju adalah seramai 83 (23.6%) orang, skala 4 (setuju) seramai 192 (54.7%) orang, skala 3 (kurang setuju) seramai 62 (17.7%) orang, skala 2 (tidak setuju) adalah seramai 11

(3.1%) dan yang paling sedikit adalah bagi skala 1 (sangat tidak setuju) iaitu hanya seramai 3 (0.9%) orang sahaja. Ini menunjukkan bahawa bilangan responden yang mengetahui maklumat perniagaan yang hendak dijalankan adalah seramai 275 orang daripada bilangan keseluruhan responden iaitu 351 orang.

Bagi item nombor 2, nilai skor min adalah pada tahap tinggi iaitu 4.00 dengan sisihan piawai 0.80. Bilangan responden yang sangat bersetuju adalah seramai 91 (25.9%) orang dan seramai 185 (52.7%) bersetuju mengatakan bahawa 'Saya mengetahui sasaran pasaran perniagaan yang hendak dijalankan', manakala hanya 61 (17.4%) kurang setuju, 11 (3.1%) tidak setuju dan hanya 3 (0.9%) orang mengatakan sangat tidak setuju. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden sangat mengetahui sasaran pasaran perniagaan yang hendak dijalankan.

Bagi item nombor 3 yakni 'Saya boleh membuat anggaran perbelanjaan operasi perniagaan yang dijalankan' mendapat skor min tertinggi ($N=4.01$, $SD = 0.84$). Dapatkan kajian menunjukkan seramai 101 (28.8%) orang responden sangat bersetuju, 170 (48.4%) responden bersetuju, 66 (18.8%) responden kurang bersetuju, 9 (2.6%) orang tidak setuju manakala hanya 5 orang responden yakni 1.4% sangat tidak bersetuju. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden yakni seramai 271 (77.2%) daripada 351 orang responden bersetuju bahawa mereka boleh membuat anggaran perbelanjaan operasi perniagaan yang dijalankan.

Nilai skor min bagi item nombor 4 dan 5 pula adalah yang paling rendah tetapi masih pada tahap tinggi ($N=3.95$, $SD = 0.88$). Bagi item nombor 4 yakni 'Saya boleh membuat ramalan jualan produk yang hendak dipasarkan' menunjukkan skala 4 (setuju) adalah bilangan responden yang paling tinggi iaitu seramai 166 (47.3%) orang, diikuti oleh

skala 5 (sangat setuju) dengan bilangan responden 96 (27.4%) orang, skala 3 (kurang setuju) 66 (18.8%) orang, skala 2 (tidak setuju) 16 (4.6%) orang dan bilangan responden yang menanda pada skala 1 (sangat tidak setuju) hanya 6 (1.7%) orang responden sahaja. Manakala bagi item nombor 5 yakni ‘Saya boleh menyatakan sumber pembiayaan kewangan projek’ menunjukkan skala 4 (setuju) adalah bilangan responden yang paling tinggi iaitu seramai 169 (48.1%) orang, diikuti oleh skala 5 (sangat setuju) dengan bilangan responden 95 (27.1%) orang, skala 3 (kurang setuju) 70 (19.9%) orang, skala 2 (tidak setuju) 13 (3.7%) orang dan bilangan responden yang menanda pada skala 1 (sangat tidak setuju) hanya 5 (1.4%) orang responden sahaja.

Ini memberi gambaran bahawa pensyarah KKT dan IKM boleh membuat ramalan jualan produk PBE yang hendak dipasarkan dan boleh menyatakan sumber pembiayaan kewangan projek PBE yang hendak dilaksanakan. Kesimpulannya, data di atas menunjukkan bahawa aspek keusahawanan pensyarah KKT dan IKM adalah pada tahap tinggi dengan nilai skor min dan sisihan piawai adalah masing-masing 3.97 dan 0.77.

4.3.4.2 Tahap Kesediaan Pensyarah Aspek 2: Memahami Konsep PBE

Secara keseluruhannya, nilai skor min, sisihan piawai dan tahap aspek KP bagi aspek kedua iaitu memahami konsep PBE adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.15.

Jadual 4.15: Analisa item aspek 2: Memahami Konsep PBE

B 2	Pernyataan item	1	2	3	4	5	Min	Sisihan piawai	Tahap
		N	N	N	N	N			
							%	%	%
1	Saya faham konsep PBE yang mengintegrasikan pengeluaran produk di dalam pendidikan	1 0.3	7 2.0	55 15.7	161 45.9	127 36.2	4.16	0.78	Tinggi
2	Saya mengetahui jenis-jenis produk yang boleh dihasil melalui kursus yang diajar	1 0.3	7 2.0	49 14.0	178 50.7	116 33.0	4.14	0.75	Tinggi
3	Saya boleh membuat anggaran kadar upah untuk setiap proses pengeluaran yang terlibat	4 1.1	6 1.7	63 17.9	166 47.3	112 31.9	4.07	0.82	Tinggi
4	Saya bersedia untuk bekerja menggunakan jadual anjal untuk memenuhi keperluan PBE	4 1.1	10 2.8	51 14.5	160 45.6	126 35.9	4.12	0.84	Tinggi
5	Saya berupaya mengenalpasti Produk/Perkhidmatan Standard yang dapat dihasil melalui kursus yang diajar	2 0.6	7 2.0	49 14.0	177 50.4	116 33.0	4.13	0.77	Tinggi
	Min Keseluruhan						4.12	0.71	
									Tinggi

Nota: 1 - Sangat tidak setuju, 2 - Tidak setuju, 3 - Kurang Setuju, 4 – Setuju,
5 – Sangat setuju, N = Frekunsi, % = Peratus

Merujuk kepada Jadual 4.15, analisa dapatan kajian menunjukkan nilai skor min bagi kesemua item dalam aspek kedua KP iaitu memahami konsep PBE adalah pada tahap tinggi dengan nilai skor min antara 4.07 hingga 4.16. Dapatan kajian juga menunjukkan item nombor 1 yakni 'saya faham konsep PBE yang mengintegrasikan pengeluaran produk di dalam pendidikan' mendapat skor min yang paling tinggi iaitu 4.16 dimana bilangan responden kajian yang bersetuju adalah seramai 161 (45.9%) yakni yang paling ramai. Bilangan responden yang kedua ramai adalah pada skala 5 (sangat bersetuju) iaitu seramai 127 (36.2%) orang, skala 3 (kurang setuju) adalah seramai 55 (15.7%) orang responden, manakala bagi skala 2 (tidak setuju) dan skala 1 (sangat tidak setuju) masing-masing hanya seramai 7 responden atau hanya 2.0% sahaja dan seorang responden atau hanya 0.3% sahaja.

Manakala skor min yang kedua tinggi adalah item nombor 2 yakni 'saya mengetahui jenis-jenis produk yang boleh dihasil melalui kursus yang diajar' iaitu 4.14. Item nombor 2 menunjukkan seramai 116 (33.0%) orang responden sangat bersetuju, 178 (50.7%) responden bersetuju, hanya 49 (14.0%) responden kurang bersetuju, 7 (2.0%) orang tidak bersetuju manakala seorang responden sahaja yakni 0.3% sangat tidak bersetuju.

Jadual 4.15 juga menunjukkan bahawa skor min yang ketiga tinggi adalah 'saya berupaya mengenalpasti Produk/Perkhidmatan Standard yang dapat dihasil melalui kursus yang diajar (item nombor 5)' iaitu 4.13 dengan sisihan piawai adalah 0.77 dan mengatakan bahawa bilangan skor yang paling ramai adalah pada skala 4 (ersetuju) yakni seramai 177 (50.4%) orang responden, yang kedua ramai adalah skor pada skala 5 (sangat bersetuju) iaitu 116 (33.0%) orang, manakala skor yang paling rendah adalah pada skala 1 (sangat tidak setuju) iaitu hanya 2 responden sahaja. Bilangan responden

bagi skala 2 (sangat tidak setuju) adalah seramai 7 (2.0%) orang dan bagi skala 3 (kurang setuju) adalah seramai 49 (14.0%) orang responden sahaja.

Sementara itu, nilai skor min yang keempat tinggi adalah item nombor 4 yakni 'saya bersedia untuk bekerja menggunakan jadual anjal untuk memenuhi keperluan PBE' iaitu 4.12 menunjukkan bilangan responden yang sangat bersetuju adalah seramai 126 (35.9%) orang, yang bersetuju adalah seramai 160 (45.6%) orang responden, kurang setuju seramai 51 (14.5%), tidak setuju dan sangat tidak setuju pula masing-masing 10 (2.8%) dan 4 (1.1%) orang sahaja.

Nilai skor min yang paling rendah iaitu 4.07 tetapi masih pada tahap tinggi adalah item nombor 3 yakni 'saya boleh membuat anggaran kadar upah untuk setiap proses pengeluaran yang terlibat' dengan 112 (31.9%) orang responden setuju, 166 (47.3%) sangat setuju, manakala hanya 63 (17.9%) orang responden kurang setuju, 6 (1.7%) tidak setuju dan 4 (1.1%) sangat tidak setuju. Secara keseluruhannya, data di atas menunjukkan bahawa pensyarah KKT dan IKM bersetuju dengan tahap aspek kesediaan pensyarah yang kedua ini dengan nilai skor min dan sisihan piawai keseluruhan adalah masing-masing 4.12 dan 0.71 yakni pada tahap tinggi.

4.3.4.3 Tahap Kesediaan Pensyarah Aspek 3: Kemahiran Teknikal

Secara keseluruhannya, nilai skor min, sisihan piawai dan tahap aspek KP bagi aspek ketiga iaitu kemahiran teknikal adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.16.

Jadual 4.16: Analisa item aspek 3: Kemahiran Teknikal

B 3 Pernyataan item	1	2	3	4	5	Min	Sisihan piawai	Tahap
	N %	N %	N %	N %	N %			
1 Saya boleh melakukan semua kerja kendalian alatan tangan dengan baik	1 0.3	1 0.3	18 5.1	162 46.2	169 48.1	4.42	0.63	Tinggi
2 Saya berkemampuan untuk melakukan pemindahan ukuran dan bentuk dari diagram ke atas bendakerja	2 0.6	2 0.6	14 4.0	167 47.6	166 47.3	4.40	0.65	Tinggi
3 Saya boleh mengenali mesin-mesin ringan kategori am yang perlu digunakan	1 0.3	1 0.3	14 4.0	152 43.3	183 52.1	4.47	0.62	Tinggi
4 Saya memahami aspek-aspek keselamatan kendalian mesin-mesin am untuk melaksanakan tugas-tugas yang diperlukan	1 0.3	1 0.3	10 2.8	142 40.5	197 56.1	4.52	0.60	Tinggi
5 Saya boleh mengenali alatan ukuran yang lazim digunakan	2 0.6	2 0.6	6 1.7	141 40.2	200 57.0	4.52	0.62	Tinggi
6 Saya mempunyai pengetahuan untuk menggunakan peralatan ukuran yang lazim digunakan	2 0.6	2 0.6	7 2.0	144 41.0	196 55.8	4.51	0.63	Tinggi
7 Saya boleh melakukan kerja-kerja ukuran/ujian kejituhan menggunakan peralatan ukuran lazim tersebut	2 0.6	0 0	14 4.0	151 43.0	184 52.4	4.47	0.63	Tinggi
8 Saya menggunakan alatan ujian lazim tersebut untuk melaksanakan tugas-tugas amali	1 0.3	2 0.6	11 3.1	150 42.7	187 53.3	4.48	0.62	Tinggi
9 Saya berkemampuan untuk menghasilkan bendakerja berkualiti	1 0.3	4 1.1	19 5.4	152 43.3	175 49.9	4.41	0.67	Tinggi
10 Saya sentiasa melakukan kerja-kerja housekeeping seperti yang diperlukan	1 0.3	1 0.3	13 3.7	134 38.2	202 57.5	4.52	0.61	Tinggi
Min Keseluruhan						4.47	0.55	Tinggi

Nota: 1 - Sangat tidak setuju, 2 - Tidak setuju, 3 - Kurang Setuju, 4 – Setuju,

5 – Sangat setuju, N = Frekunsi, % = Peratus

Merujuk kepada Jadual 4.16, analisa dapatan kajian secara keseluruhannya menunjukkan nilai skor min bagi kesemua item adalah 4.47 dengan sisihan piawai 0.55 yakni pada tahap tinggi. Dapatan kajian juga menunjukkan item nombor 4, 5 dan 10 mendapat skor min yang paling tinggi iaitu 4.52 dan sisihan piawai masing-masing 0.60, 0.62 dan 0.61 dimana bilangan responden kajian yang sangat bersetuju bagi ketiga-tiga item adalah yang paling ramai yakni 197 (56.1%), 200 (57.0%) dan 202 (57.5%).

Manakala skor min yang terendah adalah item nombor 2 yakni 'saya berkemampuan untuk melakukan pemindahan ukuran dan bentuk dari diagram ke atas bendakerja' iaitu 4.40 sahaja dengan sisihan piawai 0.65 tetapi masih pada tahap tinggi. Item nombor 9 menunjukkan seramai 166 (47.3%) orang responden sangat bersetuju, 167 (47.6%) responden bersetuju, 14 (4.0%) responden kurang bersetuju, dan 2 (0.6%) sahaja bagi kedua-dua tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju.

Jadual 4.16 juga menunjukkan bahawa item nombor 9 yakni 'Saya berkemampuan untuk menghasilkan bendakerja berkualiti' mempunyai nilai skor min yang rendah iaitu 4.41 sahaja dengan sisihan piawai 0.67 tetapi masih pada tahap tinggi. Item nombor 9 menunjukkan seramai 175 (49.9%) orang responden sangat bersetuju, 152 (43.3%) responden bersetuju, 19 (5.4%) responden kurang bersetuju, 4 (1.1%) tidak bersetuju dan hanya seorang atau 0.3% sahaja sangat tidak bersetuju.

Seterusnya, item nombor 1 mencatatkan nilai skor min 4.42 dengan bilangan responden paling ramai sangat bersetuju iaitu 169 (48.1%), diikuti bersetuju dengan 162 (46.2%) orang, kurang bersetuju 18 (5.1%), tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju masing-masing seorang atau 0.3% sahaja. Manakala, item nombor 3 dan 7 masing-masing mencatatkan skor min yang sama iaitu 4.47 dengan sisihan piawai 0.62 dan 0.63.

Kedua-dua item menunjukkan bilangan skor yang paling ramai adalah pada skala 5 (sangat bersetuju) yakni seramai 183 (52.1%) bagi item nombor 3 dan 184 (52.4%) orang bagi item nombor 7. Bilangan skor kedua ramai adalah pada skala 4 (ersetuju) bagi kedua-dua item iaitu 152 (43.3%) dan 151 (43.0%) orang responden. Skala 2 (tidak setuju) pula menunjukkan bilangan skor yang paling rendah iaitu seorang bagi item nombor 3 dan tiada responden bagi item nombor 7. Bilangan responden bagi skala 1 (sangat tidak setuju) adalah seramai seorang bagi item 3 dan 2 orang atau 0.6% bagi item nombor 7. Skala 3 (kurang setuju) pula adalah seramai 14 orang atau 4.0% bagi kedua-dua item.

Dapatan ini juga menunjukkan bahawa 187 (53.3%) orang responden kajian sangat bersetuju (skala 5) dan 150 (42.7%) orang lagi bersetuju (skala 4) dengan 'saya menggunakan alatan ujian lazim tersebut untuk melaksanakan tugas-tugas amali' (item nombor 8) dalam aspek kesediaan pensyarah di KKT dan IKM dengan nilai skor min 4.48 dan sisihan piawai 0.62. Manakala, 11 (3.1%) lagi kurang bersetuju (skala 3), 2 (0.6%) tidak bersetuju (skala 2) dan seorang responden atau 0.3% sahaja bagi sangat tidak bersetuju (skala 1).

Akhir sekali, bagi item nombor 6 yakni mengatakan 196 (55.8%) orang responden sangat bersetuju (skala 5), 144 (41.0%) bersetuju (skala 4), 7 (2.0%) kurang bersetuju, dan 2 (0.6%) masing-masing tidak bersetuju sangat tidak bersetuju dengan 'saya mempunyai pengetahuan untuk menggunakan peralatan ukuran yang lazim digunakan'.

Secara keseluruhannya, data di atas menunjukkan kebanyakan pensyarah sangat bersetuju dengan semua item dalam aspek ketiga kesediaan pensyarah dalam pelaksanaan program PBE.

4.3.4.4 Tahap Kesediaan Pensyarah Aspek 4: Inovasi

Secara keseluruhannya, nilai skor min, sisihan piawai dan tahap aspek KP bagi aspek keempat iaitu inovasi adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.17.

Jadual 4.17: Analisa item aspek 4: Inovasi

B 4	Pernyataan item	1	2	3	4	5	Min	Sisihan piawai	Tahap
		N	N	N	N	N			
1	Saya sukakan pembaharuan dan melakukan perkara luar biasa	1 0.3	1 0.3	29 8.3	164 46.7	156 44.4	4.35	0.67	Tinggi
2	Saya berminat dengan projek inovasi	2 0.6	4 1.1	29 8.3	159 45.3	157 44.7	4.32	0.72	Tinggi
3	Saya boleh membangunkan strategi untuk menyelesaikan masalah	1 0.3	3 0.9	31 8.8	178 50.7	138 39.3	4.28	0.68	Tinggi
4	Saya boleh mencari penyelesaian masalah dengan cara yang berbeza dan pelbagai	1 0.3	2 0.6	24 6.8	184 52.4	140 39.9	4.31	0.65	Tinggi
5	Saya sentiasa berfikir bahawa semua perkara atau masalah boleh diselesaikan	1 0.3	2 0.6	9 2.6	178 5-.7	161 45.9	4.41	0.60	Tinggi
Min Keseluruhan						4.33	0.58	Tinggi	

Nota: 1 - Sangat tidak setuju, 2 - Tidak setuju, 3 - Kurang Setuju, 4 – Setuju,
5 – Sangat setuju, N = Frekunsi, % = Peratus

Dapatan di atas menunjukkan nilai min keseluruhan aspek keempat kesediaan pensyarah adalah 4.33 dengan nilai sisihan piawai 0.58 yakni pada tahap tinggi. Dapatan di atas menunjukkan item nombor 5 yakni 'saya sentiasa berfikir bahawa semua perkara atau masalah boleh diselesaikan' mendapat skor min paling tinggi ($N = 4.41$, $SD = 0.60$) diikuti item nombor 1 yakni 'saya sukakan pembaharuan dan melakukan perkara luar biasa' yang kedua tertinggi ($N = 4.35$, $SD = 0.67$), item nombor 2 iaitu 'saya berminat

dengan projek inovasi' ($N = 4.32$, $SD = 0.72$), item nombor 4 iaitu 'saya boleh mencari penyelesaian masalah dengan cara yang berbeza dan pelbagai' ($N = 4.31$, $SD = 0.65$) manakala skor min yang paling rendah adalah item nombor 3 yakni 'Saya boleh membangunkan strategi untuk menyelesaikan masalah' dengan nilai min adalah 4.28 dan sisihan piawai 0.68.

Jadual 4.17 juga menunjukkan kebanyakan responden mencatatkan bilangan skor paling ramai pada skala 4 (bersetuju) dengan kesemua item aspek keempat ini iaitu item nombor 1 ($N = 164$, $\% = 46.7$), item nombor 2 ($N = 159$, $\% = 45.3$), item nombor 3 ($N = 178$, $\% = 50.7$), item nombor 4 ($N = 184$, $\% = 52.4$), dan item nombor 5 ($N = 178$, $\% = 50.7$). Bilangan skor kedua ramai adalah pada skala 5 (sangat bersetuju) iaitu item nombor 1 ($N = 156$, $\% = 44.4$), item nombor 2 ($N = 157$, $\% = 44.7$), item nombor 3 ($N = 138$, $\% = 39.3$), item nombor 4 ($N = 140$, $\% = 39.9$), dan item nombor 5 ($N = 161$, $\% = 45.9$). Ini bermaksud bahawa pensyarah KKTM dan IKM bersetuju dengan semua item dalam aspek keempat kesediaan pensyarah dalam pelaksanaan program PBE.

Secara keseluruhannya, data di atas menunjukkan kebanyakan pensyarah sangat bersetuju dengan semua item dalam aspek keempat kesediaan pensyarah dalam pelaksanaan program PBE.

4.3.4.5 Tahap Kesediaan Pensyarah Aspek 5: Kemahiran Insaniah

Secara keseluruhannya, nilai skor min, sisihan piawai dan tahap aspek KP bagi aspek kelima iaitu insaniah adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.18.

Jadual 4.18: Analisa item aspek 5: Kemahiran Insaniah

B 5 Pernyataan item	1	2	3	4	5	Min	Sisihan piawai	Tahap
	N	N	N	N	N			
	%	%	%	%	%			
1 Saya berkebolehan menyampaikan maklumat dengan tepat	0	0	18	197	136	4.34	0.57	Tinggi
	0	0	5.1	56.1	38.7			
2 Saya berkeyakinan untuk bercakap di khalayak ramai	0	2	26	183	140	4.31	0.63	Tinggi
	0	0.6	7.4	52.1	39.9			
3 Saya boleh mencari idea untuk menyelesaikan masalah	0	3	20	176	152	4.36	0.63	Tinggi
	0	0.9	5.7	50.1	43.3			
4 Saya boleh menerima pendapat/idea dari rakan yang lain	1	5	0	166	179	4.49	0.56	Tinggi
	0.3	1.4	0	47.3	51.0			
5 Saya boleh bekerjasama dengan rakan lain dalam organisasi	1	7	0	146	197	4.53	0.57	Tinggi
	0.3	2.0	0	41.6	56.1			
Min Keseluruhan					4.41	0.50	Tinggi	

Nota: 1 - Sangat tidak setuju, 2 - Tidak setuju, 3 - Kurang Setuju, 4 – Setuju,
5 – Sangat setuju, N = Frekunsi, % = Peratus

Merujuk kepada Jadual 4.18, analisa dapatan kajian menunjukkan nilai skor min bagi kesemua item dalam aspek kelima KP iaitu insaniah adalah pada tahap tinggi dengan nilai skor min antara 4.31 hingga 4.53. Dapatan kajian juga menunjukkan item nombor 5 yakni 'saya boleh bekerjasama dengan rakan lain dalam organisasi' mendapat skor min yang paling tinggi iaitu 4.53 dengan sisihan piawai 0.57. Manakala item nombor 2 yakni 'saya berkeyakinan untuk bercakap di khalayak ramai' mendapat skor min yang paling rendah iaitu 4.31 dengan sisihan piawai 0.63 sahaja tetapi masih pada tahap tinggi.

Skor min yang kedua tinggi adalah item nombor 4 yakni 'saya boleh menerima pendapat/idea dari rakan yang lain' iaitu 4.49. Item nombor 4 menunjukkan seramai 179 (51.0%) orang responden sangat bersetuju, 166 (47.3%) responden bersetuju, tiada

responden kurang bersetuju, 5 (1.49%) orang tidak bersetuju manakala seorang responden yakni 0.3% sahaja sangat tidak bersetuju.

Seterusnya, nilai skor min bagi item nombor 1 dan 3 adalah 4.34 dan 4.36 dengan sisihan piawaian 0.57 dan 0.63 menunjukkan bilangan responden yang sangat bersetuju adalah seramai 136 (38.7%) bagi item nombor 1 dan 152 (43.3%) orang bagi item nombor 3, yang bersetuju adalah seramai 197 (56.1%) item nombor 1 dan 176 (50.1%) orang responden item nombor 3, kurang setuju seramai 18 (5.1%) item nombor 1 dan 20 (5.7%) item nombor 3, tidak setuju dan sangat tidak setuju pula tiada responden bagi item nombor 1 manakala item nombor 3 hanya 3 orang atau 0.9% sahaja tidak bersetuju dan tiada responden yang sangat tidak bersetuju.

Secara keseluruhannya, data di atas menunjukkan kebanyakan pensyarah sangat bersetuju dengan semua item dalam aspek kelima kesediaan pensyarah dalam pelaksanaan program PBE.

4.3.5 Soalan 5: Apakah aspek kesediaan pensyarah yang paling dominan dalam melaksanakan program PBE di KKTM dan IKM?

Terdapat lima aspek kesediaan pensyarah dalam melaksanakan program PBE di KKTM dan IKM dalam kajian ini iaitu aspek pertama adalah keusahawan, aspek kedua adalah memahami konsep PBE, aspek ketiga adalah kemahiran teknikal, aspek keempat adalah inovasi dan aspek kelima adalah kemahiran insaniah. Dapatkan analisa statistik deskriptif seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.19 memberi jawapan secara terperinci nilai skor min, sisihan piawai dan tahap bagi semua aspek kesediaan pensyarah KKTM dan IKM dalam melaksanakan program PBE.

Jadual 4.19: Analisa deskriptif aspek kesediaan pensyarah

Aspek KP	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Aspek 1: Keusahawan	3.97	0.77	Tinggi
Aspek 2: Memahami Konsep PBE	4.13	0.71	Tinggi
Aspek 3: Kemahiran Teknikal	4.47	0.55	Tinggi
Aspek 4: Inovasi	4.34	0.58	Tinggi
Aspek 5: Kemahiran Insaniah	4.41	0.50	Tinggi
Min keseluruhan	4.26	0.52	Tinggi

Dapatkan di atas menunjukkan aspek 3 yakni aspek Kemahiran Teknikal mendapat skor min paling tinggi ($N = 4.47$, $SD = 0.55$) diikuti aspek 5 yakni aspek kemahiran insaniah yang kedua tertinggi ($N = 4.41$, $SD = 0.50$), diikuti aspek 4 iaitu aspek inovasi ($N = 4.34$, $SD = 0.58$), aspek 2 iaitu aspek memahami konsep PBE ($N = 4.13$, $SD = 0.71$) manakala skor min yang paling rendah adalah aspek 1 yakni aspek keusahawanan dengan nilai min adalah 3.97 dan sisihan piawai 0.77. Ini membuktikan bahawa aspek ketiga iaitu Kemahiran Teknikal merupakan aspek kesediaan pensyarah yang paling dominan dalam pelaksanaan program PBE di KKT dan IKM.


Oleh itu, daripada dapatan kajian di atas dapat dirumuskan bahawa aspek paling dominan bagi tahap kesediaan pensyarah melaksanakan program PBE di KKT dan IKM ialah aspek ketiga iaitu kemahiran teknikal yang di amalkan oleh pensyarah terhadap pelaksanaan program PBE di KKT dan IKM..

4.3.6 Soalan 6: Adakah kesediaan pensyarah menjadi perantara bagi perhubungan antara kepimpinan instruksional dengan pelaksanaan program PBE di KKT dan IKM?

Persoalan seterusnya adalah pengkaji ingin mengetahui samada kesediaan pensyarah menjadi perantara (mediator) bagi perhubungan antara kepimpinan instruksional dengan pelaksanaan PBE di KKT dan IKM. Menurut Baron dan Kenny (1986), sesuatu pembolehubah boleh diklasifikasikan sebagai perantara apabila ianya memenuhi keadaan seperti berikut:


- i) terdapat hubungan yang signifikan di antara pembolehubah tidak bersandar (IV) dengan perantara (M),
- ii) terdapat hubungan yang signifikan di antara perantara (M) dengan pembolehubah bersandar (DV), dan
- iii) terdapat hubungan yang signifikan di antara pembolehubah tidak bersandar (IV) dengan pembolehubah bersandar (DV).

Manakala Bennett (2000) mengatakan bahawa sesuatu pembolehubah dikatakan sebagai perantara (mediator) di mana ianya boleh dianggarkan oleh pembolehubah tidak bersandar dan menerangkan perhubungan di antara pembolehubah tidak bersandar dengan pembolehubah bersandar. Rajah 4.1 mengambarkan perhubungan di antara perantara dengan pembolehubah tidak bersandar dengan pembolehubah bersandar.



Rajah 4.1: Konsep Perantara (Mediator)

Berdasarkan Rajah 4.1, perhubungan secara langsung di antara pembolehubah tidak bersandar dengan pembolehubah bersandar adalah melalui laluan c manakala perbungaan secara tidak langsung di antara IV dan DV adalah melalui laluan a dan b. Kesan perantaraan adalah dimana terdapat perhubungan di antara pembolehubah tidak bersandar (IV) dengan pembolehubah bersandar (DV) melalui perantara (M). Dalam kajian ini pembolehubah tidak bersandar (IV) adalah kepimpinan instruksional, pembolehubah bersandar (DV) adalah perlaksanaan PBE, manakala kesediaan pensyarah bertindak sebagai perantara (M). Bagi menjawab persoalan tersebut, pengkaji menggunakan kaedah korelasi dan analisis regresi dengan bantuan perisian SPSS versi 20 yang melibatkan KI sebagai IV, PBE sebagai DV dan KP sebagai Perantara. Hal ini boleh digambarkan seperti Rajah 4.2.



Rajah 4.2: KP sebagai perantara (M) perhubungan antara KI dan PBE

Bagi membuktikan KP menjadi perantara (mediator) bagi perhubungan antara KI dan PBE, maka Ujian Korelasi dan Ujian Anova Sehala dilakukan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.20 dan Jadual 4.21 dan Jadual 4.22.

Jadual 4.20: Ujian Korelasi antara KI, KP dan PBE

Pembolehubah	PBE	KI	KP
PBE	-	.481 **	.798 **
KI	-	-	.455 **
KP	-	-	-

** Korelasi adalah signifikan pada aras 0.01, N = 351

Ujian korelasi yang ditunjukkan dalam Jadual 4.20, menunjukkan terdapat perhubungan signifikan antara ketiga-tiga pembolehubah, yakni terdapat perhubungan antara Kepimpinan Instruksional (KI) sebagai pembolehubah tidak bersandar (IV), Kesediaan Pensyarah (KP) sebagai pembolehubah perantara (M) dengan pelaksanaan program PBE di KKT dan IKM sebagai pembolehubah bersandar (DV) pada aras kesignifikanan 0.001. Perhubungan signifikan antara ketiga-tiga pembolehubah ini mencadangkan kemungkinan KP sebagai perantara dalam hubungan antara KI dengan PBE. Maka Ujian ANOVA sehala dijalankan untuk tujuan itu dan keputusannya dipaparkan dalam Jadual 4.21 di bawah ini.

Jadual 4.21: Ujian ANOVA sehala

Model	Pekali Tidak Piawai		Pekali Piawai	t	Sig.
	B	Ralat Piawai	Beta		
1	(Konstan)	9.975	1.142	8.735	.000
	KI	.113	.011	.481	10.239
2	(Konstan)	-1.991	.961	-2.073	.039
	KI	.035	.008	.148	4.174
	KP	.155	.007	.731	20.659

a. Pembolehubah Bersandar: PBE

b. Peramal (Konstan): KI dan KP

Analisis Ujian Anova Sehala seperti dalam Jadual 4.21, menunjukkan bahawa dalam Model 1, pembolehubah tidak bersandar, KI memberi kesan yang signifikan ($p<0.01$) terhadap pembolehubah bersandar, PBE dengan nilai Beta bersamaan 0.481. Bagaimanapun, apabila KP di sertakan dalam Model, seperti dalam Model 2, nilai Beta bagi KI berkurangan daripada 0.481 kepada 0.148 walaupun masih dignifikan ($p<0.01$) sambil Beta bagi KP berada pada nilai yang tinggi 0.731 dan signifikan ($p<0.01$). Ini jelas mencadangkan bahawa KP memainkan peranan sebagai perantara separa (*partial mediation*) dalam hubungan antara KI dengan PBE. Dengan lain perkataan, Model 1 menunjukkan laluan langsung yakni KI sebagai IV dan PBE sebagai DV, manakala Model 2 menunjukkan laluan tidak langsung, dengan KI sebagai IV, PBE sebagai DV, dan KP sebagai MV.

Jadual 4.22 menunjukkan Ujian Regresi bagi perhubungan antara KI dan KP dimana KI adalah pembolehubah bebas (IV) manakala KP adalah pembolehubah bersandar (DV).

Jadual ujian ini mewakili analisis bagi laluan a dalam Rajah 4.21 di atas.

Jadual 4.22: Ujian Regresi hubungan antara KI dan KP

Model	Pekali Tidak Piawai		Pekali Piawai	t	Sig.
	B	Ralat Piawai			
1	(Constant)	77.382	5.481	14.118	.000
	KI	.504	.053	.455	9.556

a. Pembolehubah bersandar: KP

Dapatan analisis di atas menyatakan nilai $\beta = 0.455$ yang membuktikan terdapat perhubungan signifikan ($p < 0.01$) antara KI dan KP. Dalam kata lain, Kepimpinan Instruksional ini mempengaruhi kesediaan pensyarah di KKTm dan IKM. Sebarang perubahan pada kepimpinan instruksional ini akan mengubah kesediaan pensyarah di KKTm dan IKM.

Jadual 4.23 pula menunjukkan Ujian Regresi bagi perhubungan antara KP dan PBE dimana KP adalah pembolehubah bebas (IV) manakala PBE adalah pembolehubah bersandar (DV). Jadual ujian ini mewakili analisis bagi laluan b dalam Rajah 4.2.


Jadual 4.23: Ujian Regresi hubungan antara KP dan PBE

Model	Pekali Tidak Piawai		Pekali Piawai	t	Sig.
	B	Ralat Piawai	Beta		
1	(Constant)	-.268	.888	-.302	.763
	KP	.169	.007	.798	24.764

a. Pembolehubah bersandar: PBE

Dapatan analisa di atas mengatakan nilai $\beta = 0.798$ ($p<0.01$) yang membuktikan terdapat perhubungan yang signifikan antara KP dan PBE pada $p<0.01$. Dalam kata lain, kesediaan pensyarah mempengaruhi perlaksanaan PBE di KKT dan IKM.

Bagi membuktikan sama ada KP menjadi perantara bagi perhubungan antara KI dan PBE, maka pengkaji menggunakan Ujian Sobel dengan memasukkan nilai pekali dan ralat piawai untuk KI, $B = 0.504$, $SE_a = 0.053$ (rujuk Jadual 4.22) dan nilai pekali dan ralat piawai, $B = 0.169$, $SE_b = 0.007$ (rujuk jadual 4.23) untuk KP. Dapatan ujian Sobel membuktikan KP adalah perantara bagi perhubungan antara KI dan PBE dengan nilai statistik ujian sobel adalah 8.84, pada aras kesignifikanan $p<0.01$ seperti dalam Rajah 4.3.



Rajah 4.3: Analisa Ujian Sobel untuk signifikan bagi perantara

Analisa ujian Sobel seperti dalam Rajah 4.3 membuktikan bahawa Kesediaan Pensyarahan (KP) adalah merupakan Perantara (*separa*) antara perhubungan Kepimpinan Instruksional (KI) dengan pelaksanaan program PBE di KKT dan IKM.

4.3.6.1 Kaedah korelasi dan analisa regresi antara KI dan PBE

KI adalah pembolehubah tidak bersandar manakala PBE adalah pembolehubah bersandar. Jadual 4.24 menunjukkan analisa korelasi dan Jadual 4.25 pula menunjukkan analisa regresi antara KI dan PBE:

Jadual 4.24: Analisa korelasi antara KI dan PBE

		PBE	KI
PBE	Korelasi Pearson	1	0.765**
	Sig. (2-hujung)		0.000
	N	351	351
KI	Korelasi Pearson	0.765**	1
	Sig. (2-hujung)		0.000
	N	351	351

** Korelasi adalah signifikan pada aras 0.01

Dapatan analisa di atas menunjukkan terdapat perhubungan positif antara PBE dan KI dimana $r = 0.765$, $p < 0.05$ membuktikan bahawa semakin tinggi nilai skor bagi KI maka semakin tinggi nikai skor bagi PBE.

Jadual 4.25: Analisa regresi antara KI dan PBE

Model	Pekali tidak piawai		Pekali piawai	t	Sig.
	B	Ralat piawai			
1	(Konstan)	-0.990	0.226	-4.371	0.000
	KI	1.163	0.052		

a. Pembolehubah Bersandar: PBE

Dapatkan analisa di atas mengatakan nilai $t = 22.179$ ($\text{sig.} = 0.000$) yang membuktikan terdapat perhubungan signifikan antara KI dan PBE ($p < 0.05$). Dengan kata lain, kepimpinan instruksional ini mempengaruhi pelaksanaan program PBE di KKT dan IKM. Sebarang perubahan pada kepimpinan instruksional ini akan mengubah pelaksanaan program PBE di KKT dan IKM.

4.3.6.2 Kaedah korelasi dan analisa regresi antara KI dan KP

Kepimpinan Instruksional adalah pembolehubah tidak bersandar manakala kesediaan pensyarah adalah pembolehubah perantara. Jadual 4.26 menunjukkan analisa korelasi dan Jadual 4.27 pula menunjukkan analisa regresi antara KI dan kesediaan pensyarah.

Jadual 4.26: Analisa corelasi antara KI dan kesediaan pensyarah

		KI	Kesediaan_P ensyarah
KI	Korelasi Pearson	1	0.466**
	Sig. (2-hujung)		0.000
	N	351	351
Kesediaan_Pe nsyarah	Korelasi Pearson	0.466**	1
	Sig. (2-hujung)	0.000	
	N	351	351

** Korelasi adalah signifikan pada aras 0.01

Dapatkan analisa di atas juga menunjukkan terdapat perhubungan positif antara KI dan kesediaan pensyarah dimana $r = 0.466$ dan $\text{sig.} = 0.000$ membuktikan bahawa semakin tinggi nilai skor bagi KI maka semakin tinggi nikai skor bagi kesediaan pensyarah ($p < 0.05$).

Jadual 4.27: Analisa regresi antara KI dan kesediaan pensyarah

Model	Pekali tidak piawai		Pekali piawai	t	Sig.
	B	Ralat piawai	Beta		
1 (Constant)	2.446	0.186		13.148	0.000
KI	0.424	0.043	0.466	9.846	0.000

a. Pembolehubah bersandar: Kesediaan_Pensyarah

Dapatkan analisa di atas mengatakan nilai $t = 9.846$ (sig. = 0.000) yang membuktikan terdapat perhubungan antara KI dan kesediaan pensyarah pada $p < 0.05$. Dalam kata lain, kepimpinan instruksional ini mempengaruhi kesediaan pensyarah di KKT dan IKM. Sebarang perubahan pada kepimpinan instruksional ini akan mengubah kesediaan pensyarah di KKT dan IKM.

4.3.6.3 Kaedah korelasi dan analisa regresi kesediaan pensyarah terhadap KI dan PBE

Kepimpinan instruksional adalah pembolehubah tidak bersandar dan PBE sebagai pembolehubah bersandar. Manakala kesediaan pensyarah adalah pembolehubah perantara. Jadual 4.28 menunjukkan analisa korelasi dan Jadual 4.29 pula menunjukkan analisa regresi kesediaan pensyarah terhadap KI dan PBE.

Jadual 4.28: Analisa korelasi kesediaan pensyarah terhadap KI dan PBE

		KI	Kesediaan_P ensyarah	PBE
KI	Korelasi Pearson	1	0.466 **	0.765 **
	Sig. (2-hujung)		0.000	0.000
	N	351	351	351
Kesediaan_Pe nsyarah	Korelasi Pearson	0.466 **	1	0.570 **
	Sig. (2-hujung)	0.000		0.000
	N	351	351	351
PBE	Korelasi Pearson	0.765 **	0.570 **	1
	Sig. (2-hujung)	0.000	0.000	
	N	351	351	351

Keseluruhannya, dapatan analisa di atas menunjukkan terdapat perhubungan positif antara satu sama lain dimana $r = 0.466$ dan $\text{sig.} = 0.000$ membuktikan bahawa semakin tinggi nilai skor bagi KI maka semakin tinggi nikai skor bagi kesediaan pensyarah pada $p < 0.05$, $r = 0.765$ dan $\text{sig.} = 0.000$ membuktikan bahawa semakin tinggi nilai skor bagi KI maka semakin tinggi nilai skor bagi pelaksanaan program PBE ($p < 0.05$) dan akhir sekali, $r = 0.570$ dan $\text{sig.} = 0.000$ membuktikan bahawa semakin tinggi nilai skor bagi kesediaan pensyarah maka semakin tinggi nikai skor bagi pelaksanaan program PBE ($p < 0.05$).

Jadual 4.29: Analisa regresi kesediaan pensyarah terhadap KI dan PBE

Model	Pekali tidak piawai		Pekali piawai		t	Sig.
	B	Ralat piawai	Beta			
1	(Constant)	-2.107	0.257		-8.194	0.000
	KI	0.969	0.055	0.637	17.617	0.000
	Kesediaan_P ensyarah	0.456	0.060	0.273	7.547	0.000

a. Pemboleubah bersandar: PBE

Jadual 4.29 menunjukkan nilai $t = 17.617$ ($\text{sig.} = 0.000$) yang membuktikan terdapat perhubungan antara kepimpinan instruksional dan pelaksanaan program PBE ($p < 0.05$). Dalam kata lain, kepimpinan instruksional ini mempengaruhi pelaksanaan program PBE di KKT dan IKM. Sebarang perubahan pada kepimpinan instruksional ini akan mengubah pelaksanaan program PBE di KKT dan IKM. Manakala, nilai $t = 7.547$ ($\text{sig.} = 0.000$) pula membuktikan terdapat perhubungan antara pembolehubah perantara kesediaan pensyarah dan pelaksanaan program PBE ($p < 0.05$). Dalam kata lain, kesediaan pensyarah ini mempengaruhi pelaksanaan program PBE di KKT dan IKM. Sebarang perubahan pada kesediaan pensyarah ini akan mengubah pelaksanaan program PBE di KKT dan IKM.

Sebagai kesimpulannya, dapatan di atas menunjukkan bahawa kesediaan pensyarah adalah merupakan perantara bagi perhubungan antara kepimpinan instruksional dengan pelaksanaan program PBE di KKT dan IKM.

4.3.7 Soalan 7: Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara Kepimpinan Instruksional, Kesediaan Pensyarah, Perlaksanaan PBE mengikut demografi pensyarah KKT dan IKM?

Bahagian ini akan menggunakan kaedah Ujian-T dan Ujian ANOVA sehalia bagi mendapatkan perbezaan signifikan antara kepimpinan instruksional, kesediaan pensyarah, perlaksanaan PBE mengikut demografi pensyarah KKT dan IKM iaitu jantina, umur, kelayakan akademik, pengalaman mengajar dan pengalaman bekerja di industri.

4.3.7.1 Kaedah Ujian-T terhadap Kepimpinan Instruksional, Kesediaan Pensyarah, Perlaksanaan PBE mengikut jantina.

Kaedah ini dijalankan untuk mengenal pasti perbezaan yang signifikan dalam skor min bagi Kepimpinan Instruksional, Kesediaan Pensyarah, Perlaksanaan PBE mengikut jantina. Jadual 4.30 di bawah menunjukkan kaedah T-Test dijalankan terhadap Kepimpinan Instruksional, Kesediaan Pensyarah, Perlaksanaan PBE mengikut jantina.

Jadual 4.30: Ujian-T terhadap Kepimpinan Instruksional, Kesediaan Pensyarah, Perlaksanaan PBE mengikut jantina

	Jantina	N	Mean	Std. Deviation	t-value	Sig.
PBE	Lelaki	283	3.9686	0.87147	-0.913	0.362
	Perempuan	68	4.0750	0.82812		
KI	Lelaki	283	4.2529	0.59288	-1.923	0.055
	Perempuan	68	4.3998	0.43141		
Kesediaan_Pe nsyarah	Lelaki	283	4.3057	0.50982	3.233	0.001
	Perempuan	68	4.0832	0.50873		

Dapatan analisa di atas menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi kesediaan pensyarah iaitu $p = 0.001$ (yakni $p < 0.05$). Ini membuktikan bahawa terdapat perbezaan di antara jantina lelaki dan perempuan terhadap kesediaan pensyarah dalam melaksanakan program PBE.

Manakala, kepimpinan instruksional dan PBE tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan iaitu ($p > 0.05$). Ini membuktikan bahawa tidak terdapat perbezaan antara jantina lelaki dan perempuan terhadap kepimpinan instruksional dan PBE.

4.3.7.2 Kaedah Ujian ANOVA sehala terhadap kepimpinan instruksional, kesediaan pensyarah, perlaksanaan PBE mengikut umur.

Kaedah ini dijalankan untuk mengenal pasti perbezaan yang signifikan dalam skor min bagi Kepimpinan Instruksional, Kesediaan Pensyarah, Perlaksanaan PBE mengikut umur. Jadual 4.31 menunjukkan kaedah Ujian ANOVA sehala dijalankan terhadap Kepimpinan Instruksional, Kesediaan Pensyarah, Perlaksanaan PBE mengikut umur.

Jadual 4.31: Ujian ANOVA sehala terhadap Kepimpinan Instruksional, Kesediaan Pensyarah, Perlaksanaan PBE mengikut umur.

Pembolehubah	F	Sig
Kesediaan_Pensyarah	5.053	0.002
PBE	0.105	0.957
KI	0.383	0.765

Jadual 4.31 menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi PBE dan KI mengikut umur iaitu $F = 0.105$, $p = 0.957$ dan $F = 0.383$, $p = 0.765$ pada $p > 0.05$. Tetapi bagi kesediaan pensyarah ($F = 5.053$, $p = 0.002$) terdapat perbezaan yang signifikan mengikut umur. Ini membuktikan bahawa terdapat perbezaan skor min antara umur terhadap kesediaan pensyarah tetapi tidak bagi kepimpinan instruksional dan PBE.

Jadual 4.32: Ujian Tukey' post hoc kesediaan pensyarah mengikut umur.

Pembolehubah bersandar	(I) Umur	(J) Umur	Beza min (I-J)	Sig.
Kesediaan_Pensyarah		31 - 40	-0.19795	0.050
20 - 30	41 - 50	-0.33913*	0.001	
	51 - 60	-0.14700	0.515	
	20 - 30	0.19795	0.050	
31 - 40	41 - 50	-0.14119	0.173	
	51 - 60	0.05095	0.945	
	20 - 30	0.33913*	0.001	
41 - 50	31 - 40	0.14119	0.173	
	51 - 60	0.19213	0.232	
	20 - 30	0.14700	0.515	
51 - 60	31 - 40	-0.05095	0.945	
	41 - 50	-0.19213	0.232	

*. Beza min adalah signifikan pada aras 0.05.

Jadual 4.32, menunjukkan Ujian Tukey' post hoc untuk mendapatkan perbezaan yang signifikan bagi kesediaan pensyarah mengikut umur. Dapatan analisa di atas menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi kesediaan pensyarah antara umur 20-30 terhadap 31- 40 dan 41- 50 iaitu $p = 0.05$ dan $p = 0.001$ pada $p < 0.05$. Ini membuktikan bahawa terdapat perbezaan nilai skor min bagi umur 20 – 30 terhadap 31 – 40 dan 41 – 50 bagi kesediaan pensyarah. Merujukan pada dapatan perbezaan min mengatakan umur 31 – 40 tahun adalah lebih tinggi berbanding umur 20 – 30 tahun iaitu 0.19795. Manakala bagi umur 41 – 50 tahun juga menunjukkan perbezaan mean

yang lebih tinggi berbanding umur 20 – 30 tahun iaitu 0.33913. Ini menunjukkan susunan umur bagi perbezaan mean adalah dari umur 41 – 50 tahun diikuti oleh 31 – 40 tahun dan 20 – 30 tahun.

4.3.7.3 Kaedah Ujian ANOVA sehala terhadap Kepimpinan Instruksional, Kesediaan Pensyarah, Perlaksanaan PBE mengikut kelayakan akademik.

Kaedah ini dijalankan untuk mengenal pasti perbezaan yang signifikan dalam skor min bagi Kepimpinan Instruksional, Kesediaan Pensyarah, Perlaksanaan PBE mengikut kelayakan akademik. Jadual 4.29 di bawah menunjukkan kaedah ANOVA sehala dijalankan terhadap Kepimpinan Instruksional, Kesediaan Pensyarah, Perlaksanaan PBE mengikut kelayakan akademik.

Jadual 4.33: Ujian ANOVA sehala terhadap Kepimpinan Instruksional, Kesediaan Pensyarah, Perlaksanaan PBE mengikut kelayakan akademik

Pembolehubah	F	Sig.
Kesediaan_Pensyarah	5.493	0.001
PBE	8.432	0.000
KI	1.368	0.252

Jadual 4.33 menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi KI mengikut kelayakan akademik iaitu $F = 1.368$, $p = 0.252$ pada $p > 0.05$. Tetapi bagi kesediaan pensyarah ($F = 5.493$, $p = 0.001$) dan PBE ($F = 8.432$, $p = 0.000$) terdapat perbezaan yang signifikan mengikut kelayakan akademik. Ini membuktikan bahawa terdapat perbezaan skor min antara kelayakan akademik terhadap PBE dan kesediaan pensyarah tetapi tidak bagi kepimpinan instruksional.

Jadual 4.34: Ujian Tukey' post hoc PBE dan kesediaan pensyarah mengikut kelayakan akademik

Pembolehubah bersandar	(I) Kelayakan akademik	(J) Kelayakan akademik	Beza Min (I-J)	Sig.
Kesediaan_Pensyarah	Sijil	Diploma	0.00129	1.000
		Ijazah Sarjana Muda	0.08398	0.744
		Ijazah Sarjana	0.35704*	0.004
	Diploma	Sijil	-0.00129	1.000
		Ijazah Sarjana Muda	0.08269	0.583
		Ijazah Sarjana	0.35575*	0.001
	Ijazah Sarjana Muda	Sijil	-0.08398	0.744
		Diploma	-0.08269	0.583
		Ijazah Sarjana	0.27306*	0.024
	Ijazah Sarjana	Sijil	-0.35704*	0.004
		Diploma	-0.35575*	0.001
		Ijazah Sarjana Muda	-0.27306*	0.024
PBE	Sijil	Diploma	0.01179	1.000
		Ijazah Sarjana Muda	0.05453	0.979
		Ijazah Sarjana	0.73512*	0.000
	Diploma	Sijil	-0.01179	1.000
		Ijazah Sarjana Muda	0.04274	0.979
		Ijazah Sarjana	0.72333*	0.000
	Ijazah Sarjana Muda	Sijil	-0.05453	0.979
		Diploma	-0.04274	0.979
		Ijazah Sarjana	0.68059*	0.000
	Ijazah Sarjana	Sijil	-0.73512*	0.000
		Diploma	-0.72333*	0.000
		Ijazah Sarjana Muda	-0.68059*	0.000

*. Beza min adalah signifikan pada aras 0.05.

Jadual 4.34 menunjukkan ujian Tukey' post hoc untuk mendapatkan perbezaan yang signifikan bagi PBE dan kesediaan pensyarah mengikut kelayakan akademik. Dapatan analisa di bawah menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi kesediaan

pensyarah antara kelayakan akademik Ijazah Sarjana terhadap Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda iaitu $p = 0.004$, $p = 0.001$ dan $p = 0.024$ pada $p < 0.05$. Merujukan pada dapatan perbezaan mean mengatakan nilai perbezaan mean bagi Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda yang lebih tinggi dari Ijazah Sarjana iaitu 0.35704, 0.35575 dan 0.27306. Ini menunjukkan susunan perbezaan mean adalah Sijil, diikuti oleh Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana.

Manakala bagi PBE juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara kelayakan akademik Ijazah Sarjana terhadap Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda iaitu masing-masing $p = 0.000$ pada $p < 0.05$. Ini membuktikan bahawa terdapat perbezaan nilai skor min bagi kelayakan akademik Ijazah Sarjana terhadap Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda bagi kesediaan pensyarah dan PBE. Merujukan pada dapatan perbezaan mean pula mengatakan nilai perbezaan mean bagi Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda yang lebih tinggi dari Ijazah Sarjana iaitu 0.73512, 0.72333 dan 0.68059. Ini menunjukkan susunan perbezaan mean adalah Sijil, diikuti oleh Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana.

4.3.7.4 Kaedah Ujian ANOVA sehala terhadap Kepimpinan Instruksional, Kesediaan Pensyarah, Perlaksanaan PBE mengikut pengalaman mengajar.

Kaedah ini dijalankan untuk mengenal pasti perbezaan yang signifikan dalam skor min bagi Kepimpinan Instruksional, Kesediaan Pensyarah, Perlaksanaan PBE mengikut pengalaman mengajar. Jadual 4.35 menunjukkan kaedah ANOVA sehala dijalankan terhadap Kepimpinan Instruksional, Kesediaan Pensyarah, Perlaksanaan PBE mengikut pengalaman mengajar.

Jadual 4.35: Ujian ANOVA sehala terhadap Kepimpinan Instruksional, Kesediaan Pensyarah, Perlaksanaan PBE mengikut pengalaman mengajar.

Pembolehubah	F	Sig.
Kesediaan_Pensyarah	10.034	.000
PBE	2.026	.110
KI	1.361	.254

Jadual 4.35 menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi PBE dan KI mengikut pengalaman mengajar iaitu $F = 2.026$, $p = 0.110$ dan $F = 1.361$, $p = 0.254$ pada $p > 0.05$. Tetapi bagi kesediaan pensyarah ($F = 10.034$, $p = 0.000$) terdapat perbezaan yang signifikan mengikut pengalaman mengajar. Ini membuktikan bahawa terdapat perbezaan skor min antara pengalaman mengajar terhadap kesediaan pensyarah tetapi tidak bagi kepimpinan instruksional dan PBE.

Jadual 4.36: Ujian Tukey' post hoc kesediaan pensyarah mengikut pengalaman mengajar

Dependent Variable	(I) Pengalaman mengajar	(J) Pengalaman mengajar	Beza Min (I-J)	Sig.
Kesediaan_Pensyarah	1 - 10 tahun	11 - 20 tahun	-0.27731*	0.000
		21 - 30 tahun	-0.37068*	0.000
		Lebih 30 tahun	-0.21783	0.432
	11 - 20 tahun	1 - 10 tahun	0.27731*	0.000
		21 - 30 tahun	-0.09337	0.733
		Lebih 30 tahun	0.05948	0.976
	21 - 30 tahun	1 - 10 tahun	0.37068*	0.000
		11 - 20 tahun	0.09337	0.733
		Lebih 30 tahun	0.15285	0.776
	Lebih 30 tahun	1 - 10 tahun	0.21783	0.432
		11 - 20 tahun	-0.05948	0.976
		21 - 30 tahun	-0.15285	0.776

*. Beza min adalah signifikan pada aras 0.05.

Jadual 4.36 menunjukkan ujian Tukey' post hoc untuk mendapatkan perbezaan yang signifikan bagi kesediaan pensyarah mengikut pengalaman mengajar. Dapatan analisa di atas menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi kesediaan pensyarah antara pengalaman mengajar 1 – 10 tahun terhadap 11 – 20 tahun dan 21 – 30 tahun iaitu masing-masing $p = 0.000$ (yakni $p < 0.05$). Ini membuktikan bahawa terdapat perbezaan nilai skor min bagi pengalaman mengajar 1 – 10 tahun terhadap 11 – 20 tahun dan 21 – 30 tahun bagi kesediaan pensyarah. Merujuk pada dapatan perbezaan min mengatakan nilai perbezaan mean bagi 11 – 20 tahun dan 21 – 30 tahun yang lebih tinggi dari 1 – 10 tahun iaitu 0.27731 dan 0.37068. Ini menunjukkan susunan perbezaan mean adalah 21 – 30 tahun, diikuti oleh 11 – 20 tahun dan 1 – 10 tahun.

4.3.7.5 Kaedah Ujian ANOVA sehala terhadap Kepimpinan Instruksional, Kesediaan Pensyarah, Perlaksanaan PBE mengikut pengalaman bekerja di industri.

Kaedah ini dijalankan untuk mengenal pasti perbezaan yang signifikan dalam skor min bagi Kepimpinan Instruksional, Kesediaan Pensyarah, Perlaksanaan PBE mengikut pengalaman bekerja di industri. Jadual 4.37 menunjukkan kaedah ANOVA sehala dijalankan terhadap Kepimpinan Instruksional, Kesediaan Pensyarah, Perlaksanaan PBE mengikut pengalaman bekerja di industri.

Jadual 4.37: Ujian ANOVA sehala terhadap Kepimpinan Instruksional, Kesediaan Pensyarah, Perlaksanaan PBE mengikut pengalaman bekerja di industri.

Pembolehubah	F	Sig.
Kesediaan_Pensyarah	3.780	0.011
PBE	2.382	0.069
KI	3.525	0.015

Jadual 4.37 menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi PBE mengikut pengalaman bekerja di industri iaitu $F = 2.382$, $p = 0.069$ yakni $p > 0.05$. Tetapi bagi kesediaan pensyarah ($F = 3.780$, $p = 0.011$) dan KI ($F = 3.525$, $p = 0.015$) menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan mengikut pengalaman bekerja di industri. Ini membuktikan bahawa terdapat perbezaan skor min antara pengalaman bekerja di industri terhadap kesediaan pensyarah dan kepimpinan instruksional tetapi tidak bagi PBE.

Jadual 4.38 menunjukkan ujian Tukey' post hoc untuk mendapatkan perbezaan yang signifikan bagi kesediaan pensyarah dan kepimpinan instruksional mengikut pengalaman bekerja di industri. Dapatan analisa di bawah menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi kesediaan pensyarah antara pengalaman bekerja di industri 1 – 10 tahun terhadap 11 – 20 tahun sahaja iaitu $p = 0.005$ pada $p < 0.05$. Ini membuktikan bahawa terdapat perbezaan nilai skor min bagi pengalaman bekerja di industri 1 – 10 tahun terhadap 11 – 20 tahun bagi kesediaan pensyarah. Merujuk pada dapatan perbezaan min mengatakan nilai perbezaan mean bagi 11 – 20 tahun yang lebih tinggi dari 1 – 10 tahun iaitu 0.19795. Ini menunjukkan susunan perbezaan mean adalah 11 – 20 tahun diikuti oleh 1 – 10 tahun.

Jadual 4.38: Ujian Tukey' post hoc kesediaan pensyarah dan kepimpinan instruksional mengikut pengalaman bekerja di industri

Pembolehubah bersandar	(I) Pengalaman bekerja di industri	(J) Pengalaman bekerja di industri	Beza Min (I-J)	Sig.
Kesediaan Pensyarah	1 - 10 tahun	11 - 20 tahun	-0.19795	0.005
		21 - 30 tahun	-0.33913*	0.999
		Lebih 30 tahun	-0.14700	0.998
	11 - 20 tahun	1 - 10 tahun	0.19795	0.005
		21 - 30 tahun	-0.14119	0.593
		Lebih 30 tahun	0.05095	0.435
	21 - 30 tahun	1 - 10 tahun	0.33913*	0.999
		11 - 20 tahun	0.14119	0.593
		Lebih 30 tahun	0.19213	1.000
	Lebih 30 tahun	1 - 10 tahun	0.14700	0.998
		11 - 20 tahun	-0.05095	0.435
		21 - 30 tahun	-0.19213	1.000
KI	1 - 10 tahun	11 - 20 tahun	-0.04876	0.592
		21 - 30 tahun	-0.05124	0.032
		Lebih 30 tahun	0.02004	0.646
	11 - 20 tahun	1 - 10 tahun	0.04876	0.592
		21 - 30 tahun	-0.00248	0.014
		Lebih 30 tahun	0.06880	0.936
	21 - 30 tahun	1 - 10 tahun	0.05124	0.032
		11 - 20 tahun	0.00248	0.014
		Lebih 30 tahun	0.07128	0.022
	Lebih 30 tahun	1 - 10 tahun	-0.02004	0.646
		11 - 20 tahun	-0.06880	0.936
		21 - 30 tahun	-0.07128	0.022

*. Beza min adalah signifikan pada aras 0.05.

Manakala, bagi kepimpinan instruksional pula menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pengalaman bekerja di industri 1 – 10 tahun dan 21 – 30 tahun ($p = 0.032$) dan juga antara 21 – 30 tahun dan lebih 30 tahun ($p = 0.022$) pada $p < 0.05$. Ini membuktikan bahawa terdapat perbezaan nilai skor min bagi pengalaman bekerja di industri antara 1 – 10 tahun dan 21 – 30 tahun serta 21 – 30 tahun dan lebih 30 tahun bagi kepimpinan instruksional. Merujuk pada dapatan perbezaan min mengatakan nilai

perbezaan mean bagi 21 – 30 tahun yang lebih tinggi dari 1 – 10 tahun iaitu 0.05124.

Bagi 21 – 30 tahun dan lebih 30 tahun pula menunjukkan nilai perbezaan min bagi 21 – 30 tahun yang lebih tinggi dari lebih 30 tahun iaitu 0.07128. Ini menunjukkan susunan perbezaan min adalah 11 – 20 tahun diikuti oleh lebih 30 tahun dan 1 -10 tahun.

4.4 Kesimpulan

Bab ini telah menghuraikan dapatan kajian yang diperolehi daripada soal selidik yang telah dijalankan ke atas 351 orang responden yang terdiri daripada pensyarah di 10 buah KKT dan 13 buah IKM seluruh Malaysia. Dapatan kajian tersebut telah dapat menjawab kesemua persoalan kajian.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kepimpinan instruksional pengarah KKT dan IKM berdasarkan dimensi KI Hallinger dan Murphy (1985) iaitu dimensi pertama, mendefini misi KKT dan IKM, dimensi kedua, mengurus program instruksional dan dimensi ketiga, mewujudkan iklim pembelajaran positif adalah pada tahap tinggi. Daripada ketiga-tiga dimensi tersebut, tahap dimensi pertama yakni mendefinisi misi KKT dan IKM merupakan tahap dimensi yang paling tinggi dan dominan ($N=4.30$, $SD=0.59$). Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa perlaksanaan PBE di KKT dan IKM adalah berjaya dengan skor min bagi kesemua item soal selidik adalah pada tahap tinggi, skor min keseluruhan adalah 3.99 dan sisihan piawai 0.86.

Dapatan seterusnya menunjukkan aspek kesediaan pensyarah dalam melaksanakan program PBE di KKT dan IKM juga pada tahap tinggi (Min keseluruhan, $N=4.26$, $SD=0.52$). Terdapat lima aspek kesediaan pensyarah yang dikaji iaitu aspek

keusahawanan, memahami konsep PBE, kemahiran teknikal, inovasi dan aspek kemahiran insaniah. Daripada kelima-lima aspek kesediaan pensyarah ini, dapatkan menunjukkan aspek ketiga yakni aspek kemahiran teknikal merupakan aspek yang paling dominan dari segi tahapnya dengan nilai skor min sebanyak 4.47 dan sisihan piawai 0.55. Ini menunjukkan bahawa aspek kemahiran teknikal merupakan aspek utama yang perlu ada pada pensyarah KKT dan IKM dalam melaksanakan program PBE. Dapatan kajian juga menunjukkan tahap kesediaan pensyarah merupakan perantara bagi perhubungan antara kepimpinan instruksional (IV) dan pelaksanaan PBE (DV).

Bagi menjawab persoalan ketujuh yakni adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara kepimpinan instruksional, kesediaan pensyarah dan perlaksanaan PBE mengikut demografi pensyarah KKT dan IKM, dapatkan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi kesediaan pensyarah iaitu $p = 0.001$ ($p < 0.05$) di antara jantina lelaki dan perempuan terhadap kesediaan pensyarah dalam melaksanakan program PBE, manakala kepimpinan instruksional dan perlaksanaan PBE tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan iaitu $p > 0.05$ dari aspek jantina pensyarah.

Dari sudut umur responden pula, dapatkan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi PBE dan KI iaitu $F = 0.105$, $p = 0.957$ dan $F = 0.383$, $p = 0.765$ pada $p > 0.05$, tetapi bagi aspek kesediaan pensyarah ($F = 5.053$, $p = 0.002$) terdapat perbezaan yang signifikan mengikut umur. Dapatan kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi KI mengikut kelayakan akademik iaitu $F = 1.368$, $p = 0.252$ pada $p > 0.05$. Tetapi bagi kesediaan pensyarah ($F = 5.493$, $p = 0.001$) dan PBE ($F = 8.432$, $p = 0.000$) terdapat perbezaan yang signifikan mengikut kelayakan akademik. Ini membuktikan bahawa terdapat perbezaan skor min antara kelayakan

akademik terhadap perlaksanaan PBE dan kesediaan pensyarah tetapi tidak bagi kepimpinan instruksional.

Seterusnya, dari segi pengalaman mengajar, dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi PBE dan KI mengikut pengalaman mengajar iaitu $F = 2.026$, $p = 0.110$ dan $F = 1.361$, $p = 0.254$ pada $p > 0.05$, tetapi bagi kesediaan pensyarah ($F = 10.034$, $p = 0.000$) terdapat perbezaan yang signifikan mengikut pengalaman mengajar. Akhir sekali, dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi PBE mengikut pengalaman bekerja di industri iaitu $F = 2.382$, $p = 0.069$ pada $p > 0.05$. Tetapi bagi kesediaan pensyarah ($F = 3.780$, $p = 0.011$) dan KI ($F = 3.525$, $p = 0.015$) menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan mengikut pengalaman bekerja di industri. Ini membuktikan bahawa terdapat perbezaan skor min antara pengalaman bekerja di industri terhadap kesediaan pensyarah dan kepimpinan instruksional tetapi tidak bagi perlaksanaan PBE.

Kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa kepimpinan instruksional pengarah dan aspek kesediaan pensyarah adalah di antara faktor utama yang menyumbangkan kepada keberkesanan pelaksanaan PBE di KKTM dan IKM berjaya dan berkesan.

BAB 5

PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan, mengupas dan merumuskan dapatan kajian seperti yang yang telah diuraikan dalam bab 4 serta mengulas kaitannya dengan kajian-kajian lalu samada menyokong kajian ini atau sebaliknya. Bab ini menghuraikan rumusan dapatan kajian, perbincangan dapatan kajian, implikasi dan cadangan penambahbaikan untuk kajian lanjutan. Perbincangan berkisar pada tema-tema utama yang timbul daripada persoalan kajian seperti berikut:

- i) Apakah tahap kepimpinan instruksional pengarah terhadap pelaksanaan program PBE di KKT dan IKM?
- ii) Apakah tahap pelaksanaan program PBE di KKT dan IKM?
- iii) Apakah dimensi kepimpinan instruksional pengarah yang paling dominan terhadap pelaksanaan program PBE di KKT dan IKM?
- iv) Apakah tahap aspek kesediaan pensyarah dalam melaksanakan program PBE di KKT dan IKM?
- v) Apakah aspek kesediaan pensyarah yang paling dominan dalam melaksanakan program PBE di KKT dan IKM?
- vi) Adakah kesediaan pensyarah menjadi perantara bagi perhubungan antara kepimpinan instruksional dengan pelaksanaan program PBE di KKT dan IKM?

- vii) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara Kepimpinan Instruksional, Kesediaan Pensyarah, Perlaksanaan PBE mengikut demografi pensyarah KKTm dan IKM?

Pengkaji juga turut meletakkan cadangan bagi memantapkan lagi kajian ini pada masa hadapan. Seterusnya yang akhir adalah penutup yang merumuskan keseluruhan kajian ini dari awal hingga akhir kajian.

5.2 Perbincangan Dapatan Kajian

Dapatan kajian menunjukkan terdapat kajian lalu sama ada dalam mahupun dari luar negara yang selari, menyokong atau menyanggah dapatan kajian ini. Perbincangan dalam bahagian ini adalah berdasarkan analisa dapatan yang diperoleh dalam bab 4 dan mengikut turutan persoalan kajian. Beberapa aspek seperti dapatan kajian mengenai tahap kepimpinan instruksional pengarah terhadap pelaksanaan program PBE di KKTm dan IKM akan dibincangkan. Dapatan kajian ini diperolehi daripada 351 orang responden iaitu pensyarah 10 buah KKTm dan 13 buah IKM seluruh Malaysia. Terdapat tiga dimensi KI yang dikaji iaitu mendefinisi misi KKTm dan IKM, mengurus program instruksional dan mewujudkan iklim pembelajaran positif. Kesemua dimensi yang dikaji ini berdasarkan dimensi model KI Hallinger dan Murphy (1985).

Seterusnya dalam bab ini pengkaji akan membincangkan tahap melaksanakan program PBE di KKTm dan IKM dengan baik dan berkesan, perbincangan mengenai tahap aspek kesediaan pensyarah iaitu aspek keusahawanan, aspek memahami konsep PBE, aspek kemahiran teknikal, aspek inovasi dan aspek kemahiran insaniah dalam

melaksanakan program PBE di KKTm dan IKM. Pengkaji juga akan membincangkan kesediaan pensyarah sebagai perantara (mediator) di antara KI dan pelaksanaan PBE di KKTm dan IKM. Akhir sekali perbincangan mengenai adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara KI, PBE dan KP berdasarkan demografi pensyarah.

5.2.1 Tahap Amalan Kepimpinan Instruksional Pengarah KKTm dan IKM

Hasil dapatan kajian ini, pengkaji memfokuskan kepada tiga dimensi kepimpinan instruksional yang memang dilaksanakan oleh pengarah KKTm dan IKM terhadap perlaksanaan PBE. Ketiga-tiga dimensi tersebut adalah mendefinisi misi KKTm dan IKM, mengurus program instruksional dan mewujudkan iklim pembelajaran positif. Secara keseluruhannya, skor min KI adalah pada tahap tinggi ($N=4.28$, $SD=0.61$). Ini menunjukkan bahawa responden kajian bersetuju bahawa tahap KI pengarah KKTm dan IKM adalah pada tahap tinggi. Untuk memberi gambaran yang lebih jelas, kesemua dimensi KI tersebut dibincangkan dengan lebih terperinci seperti berikut:

5.2.1.1 Tahap Amalan KI Dimensi 1: Mendefinisi misi KKTm dan IKM

Sebagaimana yang dinyatakan di dalam bab 1, untuk meneroka dan menghuraikan tahap kepimpinan instruksional pengarah, pengkaji telah menggunakan model kepimpinan instruksional yang dibina oleh Hallinger dan Murphy (1985). Data kajian diperolehi melalui soal-selidik dan dianalisa menggunakan analisa statistik deskriptif iaitu dengan mendapat nilai skor min dan sisihan piawai. Daripada data yang diperolehi dan dianalisa,

pengkaji mendapati bahawa dimensi pertama KI ini merupakan dimensi yang paling dominan yang menjadi amalan utama dilakukan oleh pengarah KKTm dan IKM.

Secara keseluruhannya, nilai skor min, sisihan piawai dan tahap KI bagi dimensi pertama iaitu mendefinisi misi KKTm dan IKM adalah pada tahap tinggi ($N=4.30$, $SD=0.59$). Dapatan kajian menunjukkan nilai skor min bagi kesemua item dalam dimensi pertama KI iaitu mendefinisi misi KKTm dan IKM adalah pada tahap tinggi dengan nilai skor min antara 4.15 hingga 4.44. Dapatan kajian juga menunjukkan item nombor 5 yakni 'mempamerkan visi, misi dan matlamat di merata tempat seperti di bangunan pejabat pentadbiran, bilik mesyuarat, dewan KKTm / IKM supaya semua warga KKTm / IKM boleh membaca dan tahu' mendapat skor min yang paling tinggi iaitu 4.44 manakala item nombor 2 yakni 'melibatkan staf KKTm / IKM dalam merangka visi dan misi KKTm / IKM' mendapat skor min yang paling rendah iaitu 4.15 tetapi masih pada tahap tinggi.

Dapatan ini menunjukkan bahawa responden kajian bersetuju bahawa pengarah mereka telah memainkan peranan yang tinggi dalam dimensi pertama KI iaitu mendefinikan misi KKTm dan IKM dengan cara merangka visi, misi serta matlamat KKTm dan IKM, melibatkan staf dalam merangka visi dan misi KKTm dan IKM, menetapkan objektif dan piagam pelanggan yang jelas untuk peningkatan akademik dan kemahiran pelajar, menetapkan *Key Performance Indicator* (KPI) kepada pensyarah supaya visi dan misi serta matlamat KKTm / IKM tercapai, menjelaskan visi, misi serta matlamat KKTm / IKM semasa perjumpaan bersama pensyarah dan pelajar dan mengadakan perjumpaan bersama ketua jabatan dan ketua program bagi membincangkan isu-isu semasa dan menyelesaikannya.

Dapatan ini menunjukkan bahawa pengarah KKT dan IKM selaku pemimpin di organisasi KKT dan IKM memainkan peranan yang utama dan pada tahap tinggi dalam kepimpinan instruksional dan bertindak sebagai pemimpin instruksional di KKT dan IKM. Selaras dengan kenyataan oleh Edmonds (1979) dan Sergiovanni (1987), telah menunjukkan bahawa kepimpinan memainkan peranan yang utama dan penting untuk menentukan kelincinan, kecekapan, dan keberkesanan pengurusan sesebuah sekolah. Pengarah KKT dan IKM hendaklah memainkan peranan yang utama iaitu *core business* sebagai pemimpin instruksional sepertimana saranan Hoy & Miskel (2005) yang mengatakan peranan kritikal bagi semua pengetua sekolah adalah pemimpin instruksional di sekolah mereka.

Dapatan di atas juga menunjukkan bahawa pengarah KKT dan IKM memberi tumpuan yang lebih kepada dimensi pertama yakni mendefinisi misi KKT dan IKM berbanding dimensi kedua dan ketiga. Ini adalah kerana setiap program yang hendak dilaksanakan, pengarah KKT dan IKM selaku pemimpin organisasi KKT dan IKM hendaklah merangka visi dan misi serta matlamat agar program PBE yang hendak dilaksana mencapai sasaran dengan baik dan berkesan. Dapatan ini disokong oleh Sheppard (1996) yang mengatakan bahawa peranan utama pengetua sekolah dalam kepimpinan instruksional adalah pengetua hendaklah menetapkan dan memaklumkan misi dan matlamat sekolah mereka. Manakala Mc Ewan (2003) pula mengatakan peranan pemimpin instruksional meliputi menjelaskan visi dan misi sekolah. Bahkan peranan pengarah sebagai pemimpin instruksional adalah lebih luas lagi meliputi penentuan dan penjelasan matlamat sesebuah organisasi pendidikan seperti sekolah (Latif Muhamad, 2007). Kajian oleh Rusidi Mustapha (2014) ke atas sebuah MRSM Zon Utara mendapati skor min bagi dimensi merangka matlamat sekolah juga pada

tahap tinggi, dimana pengetua MRSM berkenaan memberi tumpuan yang lebih kepada pencapaian matlamat tahunan akademik yang telah dirangka oleh pihak maktab. Bahkan setiap pemimpin instruksional hendaklah menjelaskan matlamat sekolah kepada semua komuniti sekolah agar mereka memahami matlamat sekolah yang perlu dicapai (Hallinger dan Murphy, 1985). Walau bagaimanapun kajian oleh Lee Chong Nim (1991) dan Zulkifli (2000) dalam Shahril @ Charil, Rahimah dan Hussein (2010), mendapati pengetua sekolah kurang memainkan peranan sebagai pemimpin instruksional dalam merangka visi dan misi sekolah dimana menurut mereka kebanyakan pengetua sebagai pemimpin organisasi sekolah hanya memainkan peranan sebagai pemimpin pentadbiran yakni banyak menumpukan kepada kerja-kerja pentadbiran.

5.2.1.2 Tahap Amalan KI Dimensi 2: Mengurus program instruksional

Analisa dapatan kajian menunjukkan bahawa pengarah KKTm dan IKM mengamalkan dimensi kedua KI ini adalah pada tahap tinggi dengan nilai skor min dan sisihan piawai keseluruhan adalah masing-masing 4.26 dan 0.63. Bagi dimensi kedua ini, terdapat 7 item soal selidik yang dikaji iaitu menyemak buku rekod pengajaran pensyarah secara berkala, memastikan pemantauan pengajaran dan pembelajaran dan semakan folio pengajaran pensyarah dilaksanakan secara berkala, menggalakkan pensyarah membuat inovasi dan penambahbaikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran, menggalakkan pensyarah dalam melaksanakan pelbagai kaedah pengajaran, menggalakkan pensyarah membuat kajian yang boleh meningkatkan pencapaian pelajar, memastikan pensyarah menggunakan masa pengajaran yang maksimum dan menggalakkan pensyarah berkongsi maklumat dan idea dalam meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran.

Analisa dapatan kajian menunjukkan kesemua item dalam dimensi kedua ini mendapat skor min pada tahap tinggi dengan nilai min antara 4.05 hingga 4.34. Dapatan kajian juga menunjukkan item nombor 6 yakni 'memastikan pensyarah menggunakan masa pengajaran yang maksimum' mendapat skor min yang paling tinggi iaitu 4.34 manakala nilai skor min yang paling rendah iaitu 4.05 tetapi masih pada tahap tinggi adalah item nombor 1 yakni 'mengurus program instruksional dengan cara menyemak buku rekod pengajaran pensyarah secara berkala'.

Dimensi kedua juga amat perlu diamalkan oleh pengarah KKT dan IKM selaku pemimpin organisasi bagi memastikan bahawa setiap program instruksional seperti proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan baik dan berkesan. Pengarah KKT dan IKM hendaklah memastikan bahawa setiap pensyarah hendaklah menggunakan masa yang maksimum agar hasil pelajaran setiap kursus (*course learning outcome*) tercapai dengan jayanya. Pengarah KKT dan IKM hendaklah memberi galakan kepada pensyarah supaya membuat inovasi, membuat penambahbaikan dan melaksanakan pelbagai kaedah pengajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dapatan ini disokong oleh James Ang Jit Eng dan Balasandran (2012) yang mengatakan peranan pemimpin instruksional yang unggul di sekolah adalah mewujudkan budaya penambahbaikan berterusan dalam proses p & p.

5.2.1.3 Tahap Amalan KI Dimensi 3: Mewujudkan iklim pembelajaran positif

Secara keseluruhannya, nilai skor min, sisihan piawai bagi KI dimensi ketiga iaitu mewujudkan iklim pembelajaran positif adalah pada tahap tinggi ($N=4.28$, $SD=0.62$). Dimensi ketiga KI ini mempunyai sepuluh item soal selidik. Item-item tersebut adalah

memastikan setiap pensyarah menggunakan masa p & p sepenuhnya dengan cara melakukan pemantauan berkala, menggalakkan pensyarah meningkatkan ilmu melalui kursus peningkatan dan menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi, memastikan pensyarah menghadiri kursus peningkatan profesional, memastikan pensyarah menggunakan kemudahan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran, menekankan konsep ‘sharing the knowledge’ dalam kalangan pensyarah, memberi ganjaran sekurang-kurangnya ucapan dan surat penghargaan kepada pensyarah yang berjaya, memberi ruang kepada pensyarah untuk menjana kreativiti dan inovasi dalam apa jua bidang dan memberi hadiah kepada yang berjaya, memberi hadiah dan insentif kepada pelajar cemerlang dalam akademik dan kemahiran, menggalakkan pensyarah dan pelajar menyertai pertandingan kemahiran dan memberi ganjaran kepada yang berjaya dan juga menggalakkan pensyarah dan pelajar mencipta projek inovasi yang boleh dipasarkan dan memberi insentif kepada mereka. Analisa dapatan kajian menunjukkan nilai skor min bagi kesemua item dalam dimensi ketiga KI adalah pada tahap tinggi dengan nilai skor min antara 4.18 hingga 4.36. Dapatan kajian juga menunjukkan item nombor 1 yakni ‘memastikan setiap pensyarah menggunakan masa pengajaran dan pembelajaran sepenuhnya dengan cara melakukan pemantauan berkala’ mendapat skor min yang paling rendah iaitu 4.18 tetapi masih pada tahap tinggi manakala item nombor 10 yakni ‘menggalakkan pensyarah dan pelajar mencipta projek inovasi yang boleh dipasarkan dan memberi insentif kepada mereka’ mendapat skor min yang paling tinggi iaitu 4.36. Dengan nilai skor min yang paling tinggi menunjukkan bahawa pengarah KKT dan IKM amat menekan dalam aspek inovasi dengan menggalakkan pensyarah dan pelajar mencipta projek inovasi yang boleh dipasarkan disamping memberi insentif kepada mereka yang menjaya mencipta projek inovasi. Dapatan ini disokong oleh Sheppard (1996) dan Latif Muhamad (2007) yang menyatakan bahawa peranan pengetua sebagai pemimpin instruksional hendaklah

memberi insentif kepada guru. Manakala kajian oleh Rusidi Mustapha (2014) ke atas sebuah MRSM Zon Utara mendapati skor min bagi dimensi ketiga KI pada tahap tinggi, dimana pengetua MRSM berkenaan sentiasa mengambil tahu iklim pembelajaran di maktab dan mengagihkan masa untuk mengurus maktab agar sentiasa cemerlang.

5.2.2 Tahap pelaksanaan program PBE di KKTm dan IKM

Tahap perlaksanaan PBE di KKTm dan IKM di mana analisa dapatan kajian secara keseluruhannya menunjukkan nilai skor min bagi kesemua item adalah 3.99 dengan sisihan piawai 0.86 yakni pada tahap tinggi. Dapatkan kajian juga menunjukkan item nombor 1 yakni 'menetapkan KPI bagi setiap program mesti menghasilkan sekurang-kurang satu jenis produk PBE' mendapat skor min yang paling tinggi iaitu 4.16 dan sisihan piawai 0.84. Ini menunjukkan bahawa bagi memastikan program PBE dilaksanakan, pengarah KKTm dan IKM hendaklah menetapkan KPI untuk menghasilkan produk PBE. Namun begitu bagi menghasilkan produk PBE ini terdapat juga cabaran yang perlu ditempuhi oleh pensyarah seperti kemudahan peralatan terkini dengan kos yang mahal. Hal ini disokong oleh kajian program PBE yang telah dilakukan oleh Mat Jusoh (2009) di KKTm Masjid Tanah yang mana dapatan kajian beliau mendapati pelaksanaan program PBE telah memberikan cabaran yang besar kepada pihak-pihak berkepentingan dan mempunyai kesan yang besar kepada organisasi di mana hasil PBE adalah graduan profesional dan produk yang boleh dijual.

Aspek pemasaran produk PBE adalah salah satu fokus utama oleh Pengarah KKTm dan IKM supaya produk PBE yang dihasilkan dapat dijual. Menurut Triatmoko (2010), dalam melaksanakan Sistem PBE ini terdapat beberapa cabaran utama yang perlu

diatasi, antaranya adalah aspek pemasaran dimana aspek ini amat penting untuk pertumbuhan perniagaan. Bagi memastikan jualan produk PBE dapat dilaksanakan di tahap yang paling tinggi, kefahaman tentang pemasaran dalam kalangan pensyarah atau pihak pengurusan amat penting. Untuk memastikan pemasaran lebih berkesan, pihak pengarah dan pensyarah KKTm dan IKM hendaklah melibatkan diri secara langsung dalam proses pemasaran. Justeru itu, bagi memastikan produk PBE dapat dihasilkan dan berjaya dipasarkan, pengarah KKTm dan IKM amat menekan aspek kualiti produk disamping mengadakan karnival teknousahawan supaya produk yang dihasilkan dapat dijual kepada pelanggan.

5.2.3 Dimensi kepimpinan instruksional pengarah yang paling dominan terhadap pelaksanaan program PBE di KKTm dan IKM

Terdapat tiga tahap kepimpinan instruksional pengarah KKTm dan IKM dalam kajian ini iaitu dimensi pertama untuk mendefinisi misi KKTm dan IKM, dimensi kedua untuk mengurus program instruksional dan dimensi ketiga untuk mewujudkan iklim pembelajaran positif. Jadual 5.1 menunjukkan kedudukan skor min bagi ketiga-tiga dimensi kepimpinan instruksional pengarah KKTm dan IKM.

Jadual 5.1: Analisa deskriptif dimensi Kepimpinan Instruksional

Bil	Dimensi KI	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1	Dimensi 1: Mendefinisi misi KKTm dan IKM	4.30	0.59	Tinggi
2	Dimensi 3: Mewujudkan iklim pembelajaran positif	4.28	0.62	Tinggi
3	Dimensi 2: Mengurus program instruksional	4.26	0.63	Tinggi
	Min keseluruhan	4.28	0.61	Tinggi

Daripada Jadual 5.1, dapatan kajian ini menunjukkan dimensi pertama iaitu mendefinisi misi KKT dan IKM merupakan dimensi paling dominan dengan nilai skor min adalah 4.30 diikuti dimensi ketiga dengan nilai skor min 4.28, manakala dimensi kedua merupakan dimensi paling rendah dengan nilai skor min 4.26 namun dimensi masih pada tahap yang tinggi.

Ini menunjukkan bahawa pengarah KKT dan IKM selaku pemimpin di organisasi KKT dan IKM memainkan peranan yang tinggi dalam kepimpinan instruksional dan bertindak sebagai pemimpin instruksional di KKT dan IKM. Dapatan di atas juga menunjukkan bahawa pengarah KKT dan IKM memberi tumpuan yang lebih kepada dimensi pertama yakni mendefinisi misi KKT dan IKM berbanding dimensi kedua dan ketiga. Ini adalah kerana setiap program yang hendak dilaksanakan, pengarah KKT dan IKM selaku pemimpin organisasi KKT dan IKM hendaklah merangka visi dan misi serta matlamat agar program PBE yang hendak dilaksana mencapai sasaran dengan baik dan berkesan. Dapatan ini disokong oleh Hallinger dan Murphy (1985) dan Sheppard (1996) yang mengatakan bahawa peranan utama pengetua sekolah dalam kepimpinan instruksional adalah pengetua hendaklah menetapkan, memaklumkan dan menyebarluaskan misi dan matlamat sekolah kepada semua komuniti sekolah mereka. Manakala Mc Ewan (2003) pula mengatakan peranan pemimpin instruksional meliputi menjelaskan visi dan misi sekolah. Dapatan ini juga disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Latif Muhamad (2007) di mana peranan pemimpin instruksional adalah lebih luas dan banyak yang meliputi penentuan dan penjelasan matlamat sekolah.

5.2.4 Tahap aspek kesediaan pensyarah dalam melaksanakan program PBE di KKTm dan IKM

Tahap aspek kesediaan pensyarah dalam melaksanakan program PBE di KKTm dan IKM dalam kajian ini terbahagi kepada lima aspek iaitu aspek pertama adalah keusahawan, aspek kedua adalah memahami konsep PBE, aspek ketiga adalah kemahiran teknikal, aspek keempat adalah inovasi dan aspek kelima adalah kemahiran insaniah. Dapatan di atas menunjukkan nilai min keseluruhan aspek kesediaan pensyarah adalah 4.26 dengan nilai sisan piawai 0.52 yakni pada tahap tinggi. Dapatan di atas menunjukkan aspek 3 yakni aspek Kemahiran Teknikal mendapat skor min paling tinggi ($N = 4.47$, $SD = 0.55$) manakala skor min yang paling rendah adalah aspek 1 yakni aspek keusahawanan dengan nilai min adalah 3.97 dan sisan piawai 0.77, namun masih pada tahap tinggi. Ini bermaksud bahawa pensyarah KKTm dan IKM bersetuju mengamalkan kelima-lima aspek kesediaan pensyarah bagi tujuan melaksanakan program PBE di KKTm dan IKM.

5.2.4.1 Tahap Kesediaan Pensyarah Aspek 1: Keusahawan

Analisa dapatan kajian menunjukkan nilai skor min bagi kesemua item dalam aspek keusahawanan pada tahap tinggi dengan nilai skor min antara 3.95 hingga 4.01 dan sisan piawai antara 0.79 hingga 0.88. Analisa dapatan juga mendapati bahawa aspek keusahawanan mendapat skor min yang paling rendah berbanding aspek kesediaan pensyarah yang lain tetapi masih pada tahap tinggi. Analisa kajian mendapati bahawa pensyarah mengetahui maklumat perniagaan dan juga sasaran pasaran perniagaan yang

hendak dijalankan. Selain itu, pensyarah KKT dan IKM boleh membuat anggaran perbelanjaan operasi perniagaan dan juga boleh membuat ramalan jualan produk yang hendak dipasarkan serta boleh menyatakan sumber pembiayaan kewangan projek PBE yang hendak dilaksanakan. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa aspek keusahawanan ini amat penting bagi mamastikan produk PBE itu berjaya dilaksanakan dan berjaya dipasarkan. Dapatan ini disokong oleh Cathy (2005) dalam Sri Mas Zarith Mahmud, Rohana Hamzah dan Amimudin Udin (2011) bahawa pendidikan keusahawanan mempunyai daya hidup selain mengajar pelajar untuk memulakan perniagaan. Pelajar juga didedahkan dengan belajar mengambil risiko, mengurus dan belajar daripada hasil akhir dan mereka akan cekal sekiranya menerima cabaran dalam perniagaan. Sementara itu, bagi Cathleen (2006), Sri Mas Zarith Mahmud, Rohana Hamzah dan Amimudin Udin (2011), keusahawanan merupakan satu tindakan kreatif yang menyebabkan usahawan menjadi orang yang membawa perubahan. Menurut beliau lagi, keusahawanan memberi tindak balas yang kreatif dan inovatif kepada persekitaran seterusnya tindak balas ini akan menghasilkan pengenalan kepada produk dan perkhidmatan baru kepada ekonomi.

5.2.4.2 Tahap Kesediaan Pensyarah Aspek 2: Memahami Konsep PBE

Analisa dapatan kajian menunjukkan nilai skor min bagi kesemua item dalam aspek kedua KP iaitu memahami konsep PBE adalah pada tahap tinggi dengan nilai skor min antara 4.07 hingga 4.16. Secara keseluruhannya, data di atas menunjukkan bahawa pensyarah KKT dan IKM bersetuju dengan tahap aspek kesediaan pensyarah yang kedua ini dengan nilai skor min dan sisihan piawai keseluruhan adalah masing-masing 4.12 dan 0.71 yakni pada tahap tinggi. Aspek kedua ini juga penting kepada pensyarah

dalam melaksanakan projek PBE di KKTm dan IKM. Pensyarah KKTm dan IKM hendaklah faham konsep PBE yang mengintegrasikan pengeluaran produk di dalam pendidikan. Pensyarah hendaklah mengetahui jenis-jenis produk PBE yang boleh dihasilkan dan juga berupaya mengenalpasti standard produk PBE melalui kursus yang diajar disamping boleh membuat anggaran kadar upah untuk setiap proses pengeluaran yang terlibat dan bersedia untuk bekerja menggunakan jadual anjal untuk memenuhi keperluan PBE.

5.2.4.3 Tahap Kesediaan Pensyarah Aspek 3: Kemahiran Teknikal

Analisa dapatan kajian secara keseluruhannya menunjukkan nilai skor min bagi kesemua item bagi aspek ketiga Kesediaan Pensyarah adalah 4.47 dengan sisihan piawai 0.55 yakni pada tahap tinggi. Dapatan kajian juga menunjukkan aspek kemahiran teknikal ini mendapat skor min yang tertinggi berbanding aspek yang lain. Ini menunjukkan bahawa aspek ini merupakan aspek terpenting kepada pensyarah bagi melaksanakan program PBE di KKTm dan IKM. Dapatan kajian ini disokong oleh Mat Jusoh (2009) menyatakan keupayaan pensyarah dalam aspek kemahiran teknikal merupakan faktor utama dalam kejayaan Sistem PBE, malah Watisin (2011) dalam kajiannya mendapati kejayaan perlaksanaan Pembelajaran Berasaskan Kerja (PBK) adalah memerlukan pensyarah dan pelajar yang berpengetahuan dan mempunyai kemahiran teknikal yang tinggi. Glickman (1985) juga berpendapat bahawa pensyarah perlu mempunyai beberapa bidang kemahiran antaranya adalah kemahiran teknikal sebelum dapat melakukan kerja.

Walaubagaimanapun kajian oleh Singh (2008) mendapati kemahiran insaniah dalam kalangan pensyarah amat penting dalam menghidupkan kemahiran-kemahiran pelajar dalam melaksanakan *School Enterprise* di sekolah. Begitu juga hasil kajian oleh Wan Hanafi (2006) yang menyatakan bahawa kemahiran insaniah merupakan aspek yang terpenting yang diperlukan oleh pekerja pada masa kini.

Sebanyak sepuluh item dalam aspek kemahiran teknikal yang di soal selidik iaitu pensyarah KKTm dan IKM boleh melakukan semua kerja kendalian alatan tangan dengan baik, berkemampuan untuk melakukan pemindahan ukuran dan bentuk dari diagram ke atas bendakerja, boleh mengenali mesin-mesin ringan kategori am yang perlu digunakan, memahami aspek-aspek keselamatan kendalian mesin-mesin am untuk melaksanakan tugas-tugas yang diperlukan, boleh mengenali alatan ukuran yang lazim digunakan, mempunyai pengetahuan untuk menggunakan peralatan ukuran yang lazim digunakan, boleh melakukan kerja-kerja ukuran/ujian kejituhan menggunakan peralatan ukuran lazim tersebut, menggunakan alatan ujian lazim tersebut untuk melaksanakan tugas-tugas amali, berkemampuan untuk menghasilkan bendakerja berkualiti dan sentiasa melakukan kerja-kerja housekeeping seperti yang diperlukan.

Dapatan kajian menunjukkan kesemua item sola selidik ini adalah pada tahap tinggi dengan skor min keseluruhan adalah $N = 4.47$, $SD = 0.55$. Hasil kajian mendapati daripada kesepuluh item soal selidik tersebut, item ke 4 yakni ' Saya memahami aspek-aspek keselamatan kendalian mesin-mesin am untuk melaksanakan tugas-tugas yang diperlukan', item nombor 5 yakni ' Saya boleh mengenali alatan ukuran yang lazim digunakan' dan item nombor 10 yakni ' sentiasa melakukan kerja-kerja housekeeping seperti yang diperlukan' mendapat skor min yang paling tinggi ($N = 4.52$, $SD = 0.60$). Ini menunjukkan bahawa pensyarah KKTm dan IKM mengutamakan aspek

keselamatan semasa mengendalikan mesin-mesin di bengkel. Mereka juga berupaya untuk mengendalikan alatan ukuran yang lazim digunakan dalam kerja-kerja amali disamping sentiasa melakukan kerja-kerja housekeeping. Dapatan ini disokong oleh kajian Shabudin (2012) di mana pensyarah IKM Johor Bharu berupaya mengendalikan mesin-mesin disamping mengutamakan aspek keselamatan semasa mengendalikan mesin-mesin tersebut.

5.2.4.4 Tahap Kesediaan Pensyarah Aspek 4: Inovasi

Dapatan kajian menunjukkan nilai min keseluruhan aspek keempat kesediaan pensyarah adalah 4.33 dengan nilai sishan piawai 0.58 yakni pada tahap tinggi. Sebanyak lima item soal selidik yang dikaji dalam aspek inovasi iaitu pensyarah KKT dan IKM sukakan pembaharuan dan melakukan perkara luar biasa, berminat dengan projek inovasi, boleh membangunkan strategi untuk menyelesaikan masalah, boleh mencari penyelesaian masalah dengan cara yang berbeza dan pelbagai dan sentiasa berfikir bahawa semua perkara atau masalah boleh diselesaikan. Dapatan kajian menunjukkan item nombor 5 yakni 'saya sentiasa berfikir bahawa semua perkara atau masalah boleh diselesaikan' mendapat skor min paling tinggi ($N = 4.41$, $SD = 0.60$). Manakala item yang kedua mendapat skor min tertinggi adalah item nombor 1 dan 2 yakni 'saya sukakan pembaharuan, melakukan perkara luar biasa dan berminat dengan projek inovasi. Dapatan ini menunjukkan bahawa pensyarah KKT dan IKM berupaya melakukan perkara yang luar biasa dengan menghasilkan produk inovasi terkini sesuai dengan keperluan produk PBE mengikut kemahuan pelanggan. Mereka juga berupaya untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi semasa melaksanakan program PBE di KKT dan IKM. Dapatan ini disokong oleh kajian Shabudin (2012) bahawa pensyarah

teknikal IKM Johor Bahru berupaya untuk memikirkan idea kreatif dan berinovatif, mengenalpasti produk berkualiti yang dapat dihasilkan dan perlu memikirkan strategi menyelesaikan masalah yang akan dihadapi dalam pengeluaran produk.

Aspek inovasi merupakan aspek yang penting juga dalam pelaksanaan PBE di KKTm dan IKM. Dapatan ini disokong oleh kajian Nawawi (2013) yang mendapati aspek ketiga dalam amalan KI pengarah IKM di negeri Perak terhadap pemupukan inovasi kurikulum adalah membentuk kelompok inovatif. Dalam kajian beliau menunjukkan pengarah IKM berkenaan telah membentuk kelompok inovatif dengan mewujudkan satu jawatankuasa khas bagi melaksanakan program inovasi kurikulum. Kelompok inovatif perlu diwujudkan bagi melaksanakan inovasi kurikulum ini kerana inilah yang akan melaksanakan setiap arahan pengarah supaya projek PBE yang dilaksanakan dapat dihasilkan dengan baik dan bermutu.

Perkara ini disokong oleh kajian oleh Zaini Ujang (2009, 2010) yang menyatakan lima pendekatan boleh diambil oleh pemimpin pendidikan dalam memupuk dan membina budaya inovasi di kalangan warga pendidik bagi meningkatkan daya saing Malaysia menerusi ekonomi nilai tinggi adalah antaranya adalah mewujudkan kelompok teras dalam kalangan warga pendidik dan organisasi yang inovatif. Dapatan kajian menunjukkan kelompok inovatif ini telah berjaya membuat produk PBE dan mendapat permintaan dari individu dan syarikat luar. Sikap positif ini telah disokong oleh kajian Little (1990) yang menyatakan para guru hendaklah sentiasa bersikap positif terhadap tugas dan pelaksanaan sesuatu inovasi kerana ia akan mempengaruhi keberkesanan perlaksanaan inovasi tersebut. Pensyarah atau guru sekolah hendaklah memainkan peranan yang penting dalam pelaksanaan sesuatu inovasi kurikulum (Roslee Talip, 2012).

5.2.4.5 Tahap Kesediaan Pensyarah Aspek 5: Kemahiran Insaniah

Analisa dapatan kajian menunjukkan nilai skor min bagi kesemua item dalam aspek kelima KP iaitu kemahiran insaniah adalah pada tahap tinggi dengan nilai skor min antara 4.31 hingga 4.53. Dapatan kajian juga menunjukkan item nombor 5 yakni 'saya boleh bekerjasama dengan rakan lain dalam organisasi' mendapat skor min yang paling tinggi iaitu 4.53 dengan sisihan piawai 0.57. Manakala item nombor 2 yakni 'saya berkeyakinan untuk bercakap di khalayak ramai' mendapat skor min yang paling rendah iaitu 4.31 dengan sisihan piawai 0.63 sahaja tetapi masih pada tahap tinggi. Analisa kajian juga mendapati aspek kemahiran insaniah mendapat skor min keseluruhan yang kedua tertinggi ($N = 4.41$, $SD = 0.50$) selepas aspek kemahiran teknikal.

Aspek kemahiran insaniah juga merupakan salah aspek yang penting kepada pensyarah KKTm dan IKM dalam melaksanakan program PBE. Ini adalah kerana aspek ini merupakan aspek yang dapat meningkatkan kemahiran interpersonal dan intrapersonal pensyarah KKTm dan IKM semasa melaksanakan program PBE. Kemahiran insaniah merangkumi aspek-aspek kemahiran generik yang melibatkan elemen kognitif yang berkaitan dengan kemahiran bukan akademik seperti nilai positif, kepimpinan, kerjasama berpasukan, komunikasi dan pembelajaran berterusan (Radin Umar, 2006).

Dalam kajian ini item kemahiran insaniah yang disoal selidik adalah melibatkan pensyarah KKTm dan IKM berkebolehan menyampaikan maklumat dengan tepat, berkeyakinan untuk bercakap di khalayak ramai, boleh mencari idea untuk menyelesaikan masalah, boleh menerima pendapat/idea dari rakan yang lain dan boleh bekerjasama dengan rakan lain dalam organisasi.

Dapatkan kajian menunjukkan kesemua item ini mendapat skor min yang tinggi dengan nilai min keseluruhan adalah $N = 4.41$, $SD = 0.50$ yakni pada tahap tinggi. Dapatkan kajian oleh Shabudin (2012) mengenai kesediaan pensyarah teknikal melaksanakan sistem PBE di IKM Johor Bharu juga mendapati aspek kemahiran insaniah merupakan aspek kedua paling dominan berbanding aspek yang lain. Aspek kemahiran insaniah dapat membantu pensyarah menghasilkan produk PBE yang berkualiti dan dapat memenuhi kehendak pelanggan.

5.2.5 Aspek kesediaan pensyarah yang paling dominan dalam melaksanakan program PBE di KKTm dan IKM

Terdapat lima aspek kesediaan pensyarah dalam melaksanakan program PBE di KKTm dan IKM dalam kajian ini iaitu aspek pertama adalah keusahawan, aspek kedua adalah memahami konsep PBE, aspek ketiga adalah kemahiran teknikal, aspek keempat adalah Inovasi dan aspek kelima adalah kemahiran insaniah. Dapatkan kajian menunjukkan aspek 3 yakni aspek Kemahiran Teknikal mendapat skor min paling tinggi ($N = 4.47$, $SD = 0.55$) diikuti aspek 5 yakni aspek kemahiran insaniah yang kedua tertinggi ($N = 4.41$, $SD = 0.50$), diikuti aspek 4 iaitu aspek inovasi ($N = 4.34$, $SD = 0.58$), aspek 2 iaitu aspek memahami konsep PBE ($N = 4.13$, $SD = 0.71$) manakala skor min yang paling rendah adalah aspek 1 yakni aspek keusahawanan dengan nilai min adalah 3.97 dan sisihan piawai 0.77 seperti mana yang ditunjukkan dalam Jadual 5.2.


Jadual 5.2: Analisa deskriptif aspek kesediaan pensyarah

Bil	Aspek KP	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1	Aspek 3: Kemahiran Teknikal	4.47	0.55	Tinggi
2	Aspek 5: Kemahiran Insaniah	4.41	0.50	Tinggi
3	Aspek 4: Inovasi	4.34	0.58	Tinggi
4	Aspek 2: Memahami Konsep PBE	4.13	0.71	Tinggi
5	Aspek 1: Keusahawanan	3.97	0.77	Tinggi
Min keseluruhan		4.26	0.52	Tinggi

Ini membuktikan bahawa aspek ketiga iaitu Kemahiran Teknikal merupakan aspek kesediaan pensyarah yang paling dominan dalam pelaksanaan program PBE di KKT dan IKM. Ini menunjukkan bahawa aspek ini merupakan aspek terpenting kepada pensyarah bagi melaksanakan program PBE di KKT dan IKM. Dapatan kajian ini disokong oleh Mat Jusoh (2009) menyatakan keupayaan pensyarah dalam aspek kemahiran teknikal merupakan faktor utama dalam kejayaan Sistem PBE, malah Watisin (2011) dalam kajiannya mendapat kejayaan perlaksanaan pembelajaran berdasarkan kerja (PBK) adalah memerlukan pensyarah dan pelajar yang berpengetahuan dan mempunyai kemahiran teknikal yang tinggi. Glickman (1985) juga berpendapat bahawa pensyarah perlu mempunyai beberapa bidang kemahiran antaranya adalah kemahiran teknikal sebelum dapat melakukan kerja.

5.2.6 Adakah kesediaan pensyarah menjadi perantara bagi perhubungan antara kepimpinan instruksional dengan pelaksanaan program PBE di KKTm dan IKM?

Persoalan seterusnya adalah pengkaji ingin mengetahui samada kesediaan pensyarah menjadi perantara (mediator) bagi perhubungan antara kepimpinan instruksional dengan pelaksanaan PBE di KKTm dan IKM. Rajah 5.1 dibawah menggambarkan perhubungan di antara perantara dengan pembolehubah tidak bersandar dengan pembolehubah bersandar.



Rajah 5.1: Konsep Perantara (*Mediator*) Kajian PBE

Berdasarkan Rajah 5.1, perhubungan secara langsung di antara pembolehubah tidak bersandar (IV) iaitu KI dengan pembolehubah bersandar (DV) iaitu perlaksanaan PBE adalah melalui laluan c manakala perbungaan secara tidak langsung di antara IV dan DV adalah melalui laluan a dan b. Kesan perantaraan adalah dimana terdapat perhubungan di antara pembolehubah tidak bersandar (IV) dengan pembolehubah bersandar (DV) melalui perantara (M) yakni kesediaan pensyarah. Dalam kajian ini pembolehubah tidak bersandar (IV) adalah kepimpinan instruksional, pembolehubah bersandar (DV) adalah perlaksanaan PBE. Manakala kesediaan pensyarah bertindak sebagai perantara (M). Dapatan kajian adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.3.

Jadual 5.3: Analisa regresi kesediaan pensyarah terhadap KI dan PBE

Model	Pekali tidak piawai		Pekali piawai	t	Sig.
	B	Ralat piawai	Beta		
1 (Konstan)	-2.107	0.257		-8.194	0.000
KI	0.969	0.055	0.637	17.617	0.000
Kesediaan	0.456	0.060	0.273	7.547	0.000
Pensyarah					

a. Pembolehubah bersandar: PBE

Berdasarkan kepada analisa regresi kesediaan pensyarah terhadap KI dan PBE seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.3 di atas menunjukkan nilai $t = 17.617$ (sig. = 0.000) yang membuktikan terdapat perhubungan antara kepimpinan instruksional dan pelaksanaan program PBE yakni $p < 0.05$. Dalam kata lain, kepimpinan instruksional ini mempengaruhi pelaksanaan program PBE di KKTM dan IKM. Sebarang perubahan pada kepimpinan instruksional ini akan mengubah pelaksanaan program PBE di KKTM dan IKM. Manakala, nilai $t = 7.547$ (sig. = 0.000) pula membuktikan terdapat perhubungan antara pembolehubah perantara kesediaan pensyarah dan pelaksanaan program PBE yakni $p < 0.05$. Dalam kata lain, kesediaan pensyarah ini mempengaruhi pelaksanaan program PBE di KKTM dan IKM. Sebarang perubahan pada kesediaan pensyarah ini akan mengubah pelaksanaan program PBE di KKTM dan IKM.

Sebagai kesimpulannya, dapatan di atas menunjukkan bahawa kesediaan pensyarah adalah merupakan perantara bagi perhubungan antara kepimpinan instruksional dengan pelaksanaan program PBE di KKT dan IKM. Dapatan ini disokong oleh Baron dan Kenny (1986) yang mengatakan bahawa sesuatu pembolehubah boleh diklasifikasikan sebagai perantara apabila ianya memenuhi keadaan seperti berikut:

- i) Apabila terdapat hubungan yang signifikan di antara pembolehubah tidak bersandar (IV) dengan perantara (M).
- ii) Apabila terdapat hubungan yang signifikan di antara pembolehubah bersandar (DV) dengan perantara (M).
- iii) Apabila terdapat hubungan yang signifikan di antara pembolehubah tidak bersandar (IV) dengan pembolehubah bersandar (DV).

Manakala Bennett (2000) pula mengatakan bahawa sesuatu pembolehubah dikatakan sebagai perantara (mediator) di mana ianya boleh dianggarkan oleh pembolehubah tidak bersandar dan menerangkan perhubungan di antara pembolehubah tidak bersandar dengan pembolehubah bersandar.

5.2.7 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara Kepimpinan Instruksional, Kesediaan Pensyarah, Perlaksanaan PBE mengikut demografi pensyarah KKT dan IKM?

Kaedah Ujian-T dan Ujian ANOVA sehala bagi mendapatkan perbezaan signifikan antara Kepimpinan Instruksional, Kesediaan Pensyarah, Perlaksanaan PBE mengikut demografi pensyarah KKT dan IKM iaitu jantina, umur, kelayakan akademik, pengalaman mengajar dan pengalaman bekerja di industri.

5.2.7.1 Perbezaan yang signifikan antara Kepimpinan Instruksional, Kesediaan Pensyarah, Perlaksanaan PBE mengikut jantina.

Hasil kajian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan bagi kesediaan pensyarah iaitu $p = 0.001$ ($p < 0.05$). Ini membuktikan bahawa terdapat perbezaan di antara jantina lelaki dan perempuan terhadap kesediaan pensyarah dalam melaksanakan program PBE. Dapatan ini disokong oleh kajian Shabudin (2012) yang mendapati terdapat perbezaan tahap kesediaan mengikut jantina pensyarah melaksanakan system PBE di IKM Johor Bharu. Manakala, kepimpinan instruksional dan PBE tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan iaitu $p > 0.05$. Ini membuktikan bahawa tidak terdapat perbezaan antara jantina lelaki dan perempuan terhadap kepimpinan instruksional dan PBE. Dapatan ini disokong kajian yang dilakukan oleh Mat Som (2009) mendapati perbezaan jantina tidak mempengaruhi tahap kesediaan pelajar dari segi kemahiran generik (*generic*) pelajar tahun akhir bidang teknikal terhadap peluang pekerjaan. Dapatan kajian ini juga selari dengan kajian oleh Yusoff (2006) yang mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap keyakinan kemahiran insaniah di kalangan pelajar UTM mengikut jantina pelajar.

5.2.7.2 Perbezaan yang signifikan antara Kepimpinan Instruksional, Kesediaan Pensyarah, Perlaksanaan PBE mengikut umur.

Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi PBE dan KI mengikut umur iaitu $F = 0.105$, $p = 0.957$ dan $F = 0.383$, $p = 0.765$ pada $p > 0.05$. Tetapi bagi kesediaan pensyarah ($F = 5.053$, $p = 0.002$) terdapat perbezaan yang signifikan mengikut umur. Ini membuktikan bahawa terdapat perbezaan skor min antara umur terhadap kesediaan pensyarah tetapi tidak bagi kepimpinan instruksional dan PBE. Dapatan ini disokong oleh kajian Hopkin (2005), Nik Rashid (2013) yang mengatakan wujud perbezaan yang signifikan terhadap kompetensi kecerdasan emosi berdasarkan faktor umur.

Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan bagi kesediaan pensyarah antara umur 20 – 30 terhadap 31 – 40 dan 41 – 50 iaitu $p = 0.05$ dan $p = 0.001$ pada $p < 0.05$. Ini membuktikan bahawa terdapat perbezaan nilai skor min bagi umur 20 – 30 terhadap 31 – 40 dan 41 – 50 bagi kesediaan pensyarah. Merujukan pada dapatan perbezaan min mengatakan umur 31 – 40 tahun adalah lebih tinggi berbanding umur 20 – 30 tahun iaitu 0.19795. Manakala bagi umur 41 – 50 tahun juga menunjukkan perbezaan min yang lebih tinggi berbanding umur 20 – 30 tahun iaitu 0.33913. Ini menunjukkan susunan umur bagi perbezaan min adalah dari umur 41 – 50 tahun diikuti oleh 31 – 40 tahun dan 20 – 30 tahun.

5.2.7.3 Perbezaan yang signifikan antara Kepimpinan Instruksional, Kesediaan Pensyarah, Perlaksanaan PBE mengikut kelayakan akademik.

Analisa kajian mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi KI mengikut kelayakan akademik iaitu $F = 1.368$, $p = 0.252$ pada $p > 0.05$. Tetapi bagi kesediaan pensyarah ($F = 5.493$, $p = 0.001$) dan PBE ($F = 8.432$, $p = 0.000$) terdapat perbezaan yang signifikan mengikut kelayakan akademik. Ini membuktikan bahawa terdapat perbezaan skor min antara kelayakan akademik terhadap PBE dan kesediaan pensyarah tetapi tidak bagi kepimpinan instruksional. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi kesediaan pensyarah antara kelayakan akademik Ijazah Sarjana terhadap Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda iaitu $p = 0.004$, $p = 0.001$ dan $p = 0.024$ pada $p < 0.05$. Merujukan pada dapatan perbezaan min mengatakan nilai perbezaan min bagi Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda yang lebih tinggi dari Ijazah Sarjana iaitu 0.35704, 0.35575 dan 0.27306. Ini menunjukkan susunan perbezaan min adalah Sijil, diikuti oleh Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana.

Manakala bagi PBE juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara kelayakan akademik Ijazah Sarjana terhadap Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda iaitu masing-masing $p = 0.000$ pada $p < 0.05$. Ini membuktikan bahawa terdapat perbezaan nilai skor min bagi kelayakan akademik Ijazah Sarjana terhadap Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda bagi kesediaan pensyarah dan PBE. Merujukan pada dapatan perbezaan min pula mengatakan nilai perbezaan min bagi Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda yang lebih tinggi dari Ijazah Sarjana iaitu 0.73512, 0.72333 dan 0.68059. Ini menunjukkan susunan perbezaan min adalah Sijil, diikuti oleh Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana.

5.2.7.4 Perbezaan yang signifikan antara Kepimpinan Instruksional, Kesediaan Pensyarah, Perlaksanaan PBE mengikut pengalaman mengajar.

Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi PBE dan KI mengikut pengalaman mengajar iaitu $F = 2.026$, $p = 0.110$ dan $F = 1.361$, $p = 0.254$ pada $p > 0.05$. Tetapi bagi kesediaan pensyarah ($F = 10.034$, $p = 0.000$) terdapat perbezaan yang signifikan mengikut pengalaman mengajar. Ini membuktikan bahawa terdapat perbezaan skor min antara pengalaman mengajar terhadap kesediaan pensyarah tetapi tidak bagi kepimpinan instruksional dan PBE. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian oleh Mohd Noh (2008) yang menyatakan terdapat perhubungan yang signifikan tahap kesediaan guru dengan pengalaman mengajar di mana semakin lama pensyarah berkhidmat dalam bidang yang diceburi maka tahap kesediaan pensyarah semakin tinggi. Namun dapatan ini berbeza dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Shabudin (2012) yang mengatakan bahawa tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara aspek kesediaan dan pengalaman mengajar pensyarah IKM Johor Bharu melaksanakan sistem PBE.

Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi kesediaan pensyarah antara pengalaman mengajar 1 – 10 tahun terhadap 11 – 20 tahun dan 21 – 30 tahun iaitu masing-masing $p = 0.000$ pada $p < 0.05$. Ini membuktikan bahawa terdapat perbezaan nilai skor min bagi pengalaman mengajar 1 – 10 tahun terhadap 11 – 20 tahun dan 21 – 30 tahun bagi kesediaan pensyarah. Merujukan pada dapatan perbezaan min mengatakan nilai perbezaan min bagi 11 – 20 tahun dan 21 – 30 tahun yang lebih tinggi dari 1 – 10 tahun iaitu 0.27731 dan 0.37068. Ini menunjukkan susunan perbezaan min adalah 21 – 30 tahun, diikuti oleh 11 – 20 tahun dan 1 – 10 tahun.

5.2.7.5 Perbezaan yang signifikan antara Kepimpinan Instruksional, Kesediaan Pensyarah, Perlaksanaan PBE mengikut pengalaman bekerja di industri.

Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi PBE mengikut pengalaman bekerja di industri iaitu $F = 2.382$, $p = 0.069$ pada $p > 0.05$. Tetapi bagi kesediaan pensyarah ($F = 3.780$, $p = 0.011$) dan KI ($F = 3.525$, $p = 0.015$) menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan mengikut pengalaman bekerja di industri. Ini membuktikan bahawa terdapat perbezaan skor min antara pengalaman bekerja di industri terhadap kesediaan pensyarah dan kepimpinan instruksional tetapi tidak bagi PBE. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi kesediaan pensyarah antara pengalaman bekerja di industri 1 – 10 tahun terhadap 11 – 20 tahun sahaja iaitu $p = 0.005$ pada $p < 0.05$. Ini membuktikan bahawa terdapat perbezaan nilai skor min bagi pengalaman bekerja di industri 1 – 10 tahun terhadap 11 – 20 tahun bagi kesediaan pensyarah. Merujukan pada dapatan perbezaan min mengatakan nilai perbezaan min bagi 11 – 20 tahun yang lebih tinggi dari 1 – 10 tahun iaitu 0.19795. Ini menunjukkan susunan perbezaan min adalah 11 – 20 tahun diikuti oleh 1 – 10 tahun.

Manakala, bagi kepimpinan instruksional pula menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pengalaman bekerja di industri 1 – 10 tahun dan 21 – 30 tahun ($p = 0.032$) dan juga antara 21 – 30 tahun dan lebih 30 tahun ($p = 0.022$) pada $p < 0.05$. Ini membuktikan bahawa terdapat perbezaan nilai skor min bagi pengalaman bekerja di industri antara 1 – 10 tahun dan 21 – 30 tahun serta 21 – 30 tahun dan lebih 30 tahun bagi kepimpinan instruksional. Merujukan pada dapatan perbezaan min mengatakan nilai perbezaan min bagi 21 – 30 tahun yang lebih tinggi dari 1 – 10 tahun iaitu 0.05124. Bagi 21 – 30 tahun dan lebih 30 tahun pula menunjukkan nilai perbezaan min

bagi 21 – 30 tahun yang lebih tinggi dari lebih 30 tahun iaitu 0.07128. Ini menunjukkan susunan perbezaan min adalah 11 – 20 tahun diikuti oleh lebih 30 tahun dan 1 – 10 tahun.

5.3 Implikasi Kajian

Bahagian ini akan membincangkan implikasi terhadap kajian kepimpinan instruksional terhadap perlaksanaan PBE di KKT dan IKM. Dapatan dan perbincangan telah menimbulkan beberapa implikasi terhadap model kajian, kandungan model tersebut dan metodologi kajian tersebut.

5.3.1 Implikasi Model Kajian

Model kepimpinan KI yang digunakan oleh pengkaji yang merujuk kepada model KI yang dibina oleh Hallinger dan Murphy (1985) adalah sangat sesuai bagi mengurai dan memerihal amalan kepimpinan instruksional pengarah terhadap perlaksanaan PBE di KKT dan IKM serta dapat mengetahui tahap perlaksanakan PBE di KKT dan IKM kajian. Ini adalah kerana kesemua amalan KI yang dirujuk dalam ketiga-tiga dimensi tersebut telah dapat dilaksanakan oleh pengarah dengan baik dan berjaya serta berkesan sekali. Model ini boleh diaplikasikan oleh pengkaji akan datang dan merupakan idea yang boleh digunakan dalam menyelami amalan kepimpinan pengarah KKT dan IKM atau pengetua sekolah.

5.3.2 Implikasi Kandungan Model KI

Kesemua konstruk yang dikonsepsikan melalui atribut-atribut yang terdapat dalam ketiga-tiga dimensi Model KI oleh Hallinger dan Murphy (1985) dapat memberi gambaran menyeluruh tentang amalan kepimpinan instruksional pengarah yang dikaji. Kandungan model ini dapat memerihalkan fenomena sebenar terhadap amalan kepimpinan instruksional pengarah KKT dan IKM kajian. Tahap amalan kepimpinan instruksional pengarah KKT dan IKM dalam kajian ini terbahagi kepada tiga dimensi iaitu dimensi pertama adalah mendefinisi misi KKT dan IKM, dimensi kedua adalah mengurus program instruksional manakala dimensi ketiga adalah mewujudkan iklim pembelajaran positif.

Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pengarah KKT dan IKM selaku pemimpin di organisasi KKT dan IKM memainkan peranan yang tinggi dalam kepimpinan instruksional dan bertindak sebagai pemimpin instruksional di KKT dan IKM. Dapatan di atas juga menunjukkan bahawa pengarah KKT dan IKM memberi tumpuan yang lebih kepada dimensi pertama yakni mendefinisi misi KKT dan IKM berbanding dimensi kedua dan ketiga. Ini adalah kerana setiap program yang hendak dilaksanakan, pengarah KKT dan IKM selaku pemimpin organisasi KKT dan IKM hendaklah merangka visi dan misi serta matlamat agar program PBE yang hendak dilaksana mencapai sasaran dengan baik dan berkesan. Oleh itu, berdasarkan dapatan di atas, dapatlah dirumuskan bahawa tahap amalan kepimpinan instruksional terhadap pelaksanaan program PBE di KKT dan IKM adalah pada tahap tinggi. Dengan kata lain dapatan ini menunjukkan bahawa pengarah KKT dan IKM mengamalkan ketiga-tiga dimensi kepimpinan instruksional terhadap pelaksanaan program PBE dengan baik dan berkesan.

5.3.3 Implikasi kepada KKLW, MARA, KKTm dan IKM

Menerusi kajian ini, pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, khasnya Majlis Amanah Rakyat (MARA) dapat mengetahui amalan kepimpinan instruksional, perlaksanaan program PBE disamping dapat mengetahui tahap aspek kesediaan pensyarah bagi institusi latihan teknikal di bawah kelolaannya untuk menjalankan program PBE. Kajian ini dapat membantu pihak kementerian dan MARA untuk memantapkan lagi kurikulum dan dapat mengurangkan kos operasi bagi institusi latihan teknikal di bawah kelolaannya. Pihak kementerian KKLW dan MARA juga boleh menggunakan model kajian kepimpinan instruksional dan model perlaksanaan program PBE untuk dikembangkan kepada semua Institusi Pendidikan MARA (IPMa) khususnya institusi latihan kemahiran MARA seperti KKTm dan IKM.

Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa peranan utama kepimpinan instruksional pengarah KKTm dan IKM adalah (i) mendefinisi misi KKTm dan IKM, (ii) mengurus program instruksional dan (iii) mewujudkan iklim pembelajaran positif. Bagi dimensi pertama yakni mendefinisi misi KKTm dan IKM , pengarah hendaklah merangka visi dan misi serta matlamat KKTm / IKM, melibatkan staf KKTm / IKM dalam merangka visi dan misi KKTm / IKM, menetapkan objektif dan piagam pelanggan yang jelas untuk peningkatan akademik dan kemahiran pelajar, menetapkan Key Performance Indicator KPI) kepada pensyarah supaya visi dan misi serta matlamat KKTm / IKM tercapai, mempamerkan visi, misi dan matlamat di merata tempat seperti di bangunan pejabat pentadbiran, bilik mesyuarat, dewan KKTm / IKM supaya semua warga KKTm / IKM boleh membaca dan tahu serta menjelaskan visi, misi serta matlamat KKTm / IKM semasa perjumpaan bersama pensyarah dan pelajar disamping mengadakan

perjumpaan bersama ketua jabatan dan ketua program bagi membincangkan isu-isu semasa dan menyelesaikannya.

Bagi dimensi kedua amalan KI pula yakni mengurus program instruksional, pengarah KKTm dan IKM hendaklah menyemak buku rekod pengajaran pensyarah secara berkala, memastikan pemantauan pengajaran dan pembelajaran dan semakan folio pengajaran pensyarah dilaksanakan secara berkala, menggalakan pensyarah membuat inovasi dan penambahbaikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran, menggalakan pensyarah dalam melaksanakan pelbagai kaedah pengajaran, menggalakkan pensyarah membuat kajian yang boleh meningkatkan pencapaian pelajar, memastikan pensyarah menggunakan masa pengajaran yang maksimum dan menggalakan pensyarah berkongsi maklumat dan idea dalam meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran.

Sementara bagi amalan KI dimensi ketiga yakni mewujudkan iklim pembelajaran yang positif, pengarah KKTm dan IKM hendaklah memainkan peranan dengan memastikan setiap pensyarah menggunakan masa pengajaran dan pembelajaran sepenuhnya dengan cara melakukan pemantauan berkala, menggalakan pensyarah meningkatkan ilmu melalui kursus peningkatan dan menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi, memastikan pensyarah menghadiri kursus peningkatan professional, memastikan pensyarah menggunakan kemudahan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran, menekankan konsep ‘*sharing the knowledge*’ dalam kalangan pensyarah, memberi ganjaran sekurang-kurang ucapan dan surat penghargaan kepada pensyarah yang berjaya, memberi ruang kepada pensyarah untuk menjana kreativiti dan inovasi dalam apa jua bidang dan memberi hadiah kepada yang berjaya, memberi hadiah dan insentif kepada pelajar cemerlang dalam akademik dan kemahiran, menggalakan pensyarah dan pelajar menyertai pertandingan kemahiran dan memberi ganjaran kepada yang berjaya

dan menggalakan pensyarah dan pelajar mencipta projek inovasi yang boleh dipasarkan serta memberi insentif kepada mereka yang mencipta projek inovasi tersebut.

5.3.4 Implikasi kepada pensyarah

Tahap aspek kesediaan pensyarah dalam melaksanakan program PBE di KKTm dan IKM dalam kajian ini terbahagi kepada lima aspek iaitu aspek pertama adalah keusahawanan, aspek kedua adalah memahami konsep PBE, aspek ketiga adalah kemahiran teknikal, aspek keempat adalah Inovasi dan aspek kelima adalah kemahiran insaniah. Melalui Sistem PBE yang dijalankan dapat membantu untuk melahirkan pensyarah dan pelajar yang berkemahiran tinggi, sentiasa terdedah dengan teknologi semasa dan berupaya mengadaptasikan kemahiran serta berpotensi mengikut perubahan teknologi terkini di samping dapat menjana pendapatan tambahan. Dapatan kajian menunjukkan kelima-lima aspek kesediaan pensyarah KKTm dan IKM melaksanakan program PBE adalah tinggi.

Bagi aspek pertama yakni keusahawanan pensyarah KKTm dan IKM mengetahui maklumat perniagaan yang hendak dijalankan, mengetahui sasaran pasaran perniagaan yang hendak dijalankan, boleh membuat anggaran perbelanjaan operasi perniagaan yang dijalankan, boleh membuat ramalan jualan produk yang hendak dipasarkan dan boleh menyatakan sumber pembiayaan kewangan projek. Aspek kedua pula yakni memahami konsep PBE, pensyarah KKTm dan IKM memahami konsep PBE yang mengintegrasikan pengeluaran produk di dalam pendidikan, mengetahui jenis-jenis produk yang boleh dihasil melalui kursus yang diajar, boleh membuat anggaran kadar upah untuk setiap proses pengeluaran yang terlibat, bersedia untuk bekerja

menggunakan jadual anjal untuk memenuhi keperluan PBE dan berupaya mengenalpasti produk atau perkhidmatan piawai yang dapat dihasil melalui kursus yang diajar.

Dalam pada itu, aspek yang utama dalam pelaksanaan program PBE adalah aspek kemahiran teknikal dimana pensyarah KKT dan IKM berupaya melakukan semua kerja kendalian alatan tangan dengan baik, berkemampuan untuk melakukan pemindahan ukuran dan bentuk dari diagram ke atas bendakerja, boleh mengenali mesin-mesin ringan kategori am yang perlu digunakan, memahami aspek-aspek keselamatan kendalian mesin-mesin am untuk melaksanakan tugas-tugas yang diperlukan, boleh mengenali alatan ukuran yang lazim digunakan, mempunyai pengetahuan untuk menggunakan peralatan ukuran yang lazim digunakan, boleh melakukan kerja-kerja ukuran atau ujian kejituhan menggunakan peralatan ukuran lazim tersebut, boleh menggunakan alatan ujian lazim tersebut untuk melaksanakan tugasan-tugasan amali, berkemampuan untuk menghasilkan bendakerja berkualiti dan sentiasa melakukan kerja-kerja *housekeeping* seperti yang diperlukan.


Bagi aspek keempat pula yakni aspek inovasi, pensyarah KKT dan IKM sukaan pembaharuan dan melakukan perkara luar biasa, berminat dengan projek inovasi, boleh membangunkan strategi untuk menyelesaikan masalah, berupaya mencari penyelesaian masalah dengan cara yang berbeza dan pelbagai dan sentiasa berfikir bahawa semua perkara atau masalah boleh diselesaikan dengan cara berbincang bersama rakan sekerja dan pihak pengurusan KKT dan IKM.

Manakala aspek kelima pula iaitu kemahiran insaniah, pensyarah KKT dan IKM berkebolehan menyampaikan maklumat dengan tepat, mempunyai keyakinan yang tinggi untuk bercakap di khalayak ramai, boleh mencari idea untuk menyelesaikan

masalah, boleh menerima pendapat atau idea dari rakan yang lain dan boleh bekerjasama dengan rakan lain dalam organisasi untuk melaksanakan sesuatu program yang telah dirancang dan dilaksanakan seperti program PBE ini.

5.3.5 Implikasi Pelaksanaan program PBE

Secara umumnya, sistem PBE sepenuhnya adalah tidak serupa dengan sistem pendidikan biasa yang diamalkan di Malaysia pada masa kini. Perlaksanaan program PBE di KKTm dan IKM memberi implikasi yang besar kerana melalui program PBE ini, pensyarah dan pelajar dide dahkan dengan persekitaran bekerja sebenar kerana ia adalah sangat saling berkaitan dengan asas pengeluaran produk dan perkhidmatan disamping boleh memberi sumber pendapatan kepada KKTm dan IKM termasuk pensyarah dan pelajar.



Rajah 5.2: Konsep Pelaksanaan PBE

Merujuk Rajah 5.1, kaedah perlaksanaan PBE adalah seperti berikut:

- (i) PBE dapat dilaksanakan jika kaedah pembelajaran diubahsuai dengan mengadaptasikan Sistem Modular dan Kaedah Blok. Pembelajaran ini disusun dengan subjek teori didahulukan (selama seminggu) diikuti dengan subjek praktikal (selama seminggu). Proses ini akan berturutan sehingga Modul pembelajaran berjaya dihabiskan dengan sempurna.
- (ii) Waktu perlaksanaan PBE boleh dijalankan semasa waktu latihan normal, selepas waktu latihan, hari Sabtu dan Ahad serta semasa latihan industri.
- (iii) Pihak kursus perlu menentukan jenis produk dan jenis kompetensi yang terlibat untuk memastikan skop latihan adalah selari dengan silibus yang digunakan.
- (iv) Pihak kursus juga menentukan jenis produk samada boleh dikategorikan sebagai produk piawai (*standard product*) atau produk pesanan (*customized product*) yang mempunyai pasaran (*market*). Produk yang dihasilkan perlulah mematuhi standard kualiti yang ditentukan oleh pelanggan.
- (v) Dalam masa yang sama sekiranya koperasi mendapat tempahan dari industri, maka tempahan tersebut akan dibuat dalam bentuk tempahan kerja (*job-order*) kepada IKM. IKM akan melaksanakan pengeluaran (*production*) dalam latihan praktikal yang dikendalikan. Produk yang dihasilkan akan diserahkan kepada koperasi untuk dihantar kepada industri.

- (vi) Membangunkan Sistem Pembayaran (*Remenuration Sistem*) untuk agihan upah dan keuntungan. Keuntungan yang diperolehi dari penjualan produk akan diagihkan antara koperasi dan institusi. Manakala pengajar dan pelajar yang terlibat dalam menghasilkan produk bolehlah diberikan imbuhan untuk eluan PBE.
- (vii) Pihak koperasi akan memainkan peranan sebagai entiti perniagaan (*business entity*) bagi PBE ini di mana segala urusan pemasaran, penerimaan projek daripada pihak luar atau pihak industri, pengagihan kerja, penghantaran dan pengagihan keuntungan akan diletakkan di bawah pengurusan koperasi.

Salah satu kaedah bagi KKTm dan IKM menjana dana sendiri adalah melalui pelaksanaan transformasi kurikulum dengan menjalankan program PBE dengan baik dan berkesan (Nawawi, 2013). Ini adalah kerana melalui program PBE ini, KKTm dan IKM boleh menjana pendapatan melalui hasil jualan produk yang dihasilkan dan berjaya dipasarkan di samping perkhidmatan yang diberikan seperti servis komputer, pendawaian elektrik dan lain-lain lagi. Pengkomersialan produk dan perkhidmatan yang dihasilkan oleh pensyarah dan pelajar ini dapat menjana kewangan kepada KKTm dan IKM dan secara tidak langsung mengurangkan kebergantungan kepada peruntukan kewangan kerajaan untuk beroperasi. Selain daripada itu, melalui program PBE ini juga pembaziran bahan latihan dapat dikurangkan, malahan dapat pula mendatangkan keuntungan kepada institusi latihan yang menjalankan sistem ini.

Di samping itu, organisasi ini dapat mewujudkan mekanisma perhubungan pintar (*smart partnership*) di antara KKTm dan IKM dengan pihak industri bagi mengukuhkan kerjasama dengan penglibatan aktif industri dalam latihan teknikal. Secara berperingkat

ia dapat membantu meringankan beban KKT dan IKM dari aspek mengurus operasi latihan yang dikendalikan oleh institusi. KKT dan IKM juga akan dapat menjadikan model kepimpinan instruksional kepada pengarah dalam memastikan perlaksanaan program PBE dapat dijalankan dengan baik dan berkesan. Justeru dapatan kajian ini menunjukkan pelaksanaan program PBE di KKT dan IKM adalah baik dan berkesan.

5.4 Cadangan Kajian Lanjutan

Merujuk kepada dapatan kajian dan perbincangan yang telah dilakukan oleh pengkaji, berikut adalah beberapa cadangan penampaikan yang boleh diberi perhatian untuk kajian di masa akan datang iaitu:

- i. Mengkaji ciri-ciri dan gaya pemikiran keusahawanan yang perlu ada dan perlu dimiliki oleh pengarah dan pensyarah melaksanakan PBE. Ini adalah kerana melaui sistem PBE akan menghasilkan produk yang boleh dikomersialkan di samping boleh menjana pendapatan kepada KKT dan IKM serta individu yang terlibat sama ada pensyarah mahu pun pelajar. Dimensi ciri-ciri keusahawanan yang boleh dikaji adalah dimensi keyakinan diri, membuat perancangan, dimensi *business minded*, dimensi berorientasikan matlamat dan dimensi menyelesaikan masalah.

- ii. Mengkaji tahap kesediaan pelajar dalam melaksanakan sistem PBE. Ini adalah kerana mereka memainkan peranan yang penting dalam kejayaan perlaksanaan inovasi ini. Di samping proses p & p berjalan mengikut silibus dan amali seperti mana yang telah ditetapkan mengikut modul tertentu, mereka juga perlu menghasilkan produk-produk yang bermutu tinggi dan boleh dikomersialkan

melalui sistem PBE ini. Aspek kesediaan mereka adalah kemahiran teknikal, kemahiran insaniah, inovasi dan aspek kesediaan bidang keusahawanan.

- iii. Mengkaji tahap kesediaan organisasi KKTm dan IKM dalam melaksanakan sistem PBE. Kajian ini penting disebabkan melalui Sistem PBE, kerja-kerja semua staf pentadbiran akan bertambah. Tahap kesediaan organisasi KKTm dan IKM melaksanakan sistem PBE adalah seperti aspek kemudahan alatan, infrastruktur asas seperti bangunan, bengkel, logistik dan juga aspek kemudahan infostruktur. Kejayaan Sistem PBE sangat bergantung kepada kemudahan peralatan dan fizikal yang ada di sesebuah institut latihan kemahiran. Keperluan mesin dan peralatan perlulah mencukupi serta terdapatnya kerja-kerja sengaraan mesin yang efisien disebabkan mesin-mesin yang ada akan digunakan dalam proses pengeluaran produk.

5.5 Penutup

Perkembangan dan kemajuan dalam bidang pendidikan kemahiran telah mengubah peranan pengarah menjadi pemimpin *visionary* yang melihat jauh ke hadapan kemungkinan yang berlaku dalam bidang kemahiran khususnya perkara berkaitan dengan kurikulum. Pengarah hendaklah membuat transformasi ke atas kurikulum sediada dengan menekankan inovasi baru untuk melahirkan pelajar yang benar-benar trampil dengan menjadi tenaga mahir bagi membantu negara menjadi negara maju menjelang 2020.

Kepimpinan pengarah menjadi nadi utama dalam melaksanakan inovasi kurikulum dengan baik dan berkesan. Oleh yang demikian, pengarah yang merupakan pemimpin di KKTm dan IKM hendaklah mempunyai ciri-ciri kepimpinan instruksional yang berkesan dengan menguasai ilmu, menguasai kemahiran, berketrampilan, komited dalam melaksanakan tugas, komunikasi yang baik, kreatif, inovatif, bermotivasi tinggi, mempunyai visi dan misi yang jelas dan lain-lain lagi untuk mencapai matlamat organisasi yang dipimpin.

Pengarah hendaklah mengamalkan model kepimpinan tertentu sebagai panduan dan amalan yang baik dalam kepimpinan mereka. Salah satu model kepimpinan yang boleh diamalkan oleh pengarah adalah kepimpinan insruksional. Dimensi amalan kepimpinan instruksional yang baik berdasarkan kajian ini yang terbukti keberkesanannya adalah mendefini misi KKTm dan IKM, mengurus program instruksiional dan mewujudkan iklim pembelajaran yang positif. Pengarah yang mengamalkan kepimpinan instruksional sebenarnya dapat membina KKTm dan IKM yang cemerlang dan gemilang serta

dengan itu ia akan dapat menjana modal insan yang terbilang yang diperlukan negara bagi mencapai negara maju yang berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Selain daripada amalan kepimpinan instruksional pengarah penting dalam memastikan tahap pelaksanaan PBE di KKTm dan IKM berjaya dan berkesan, tahap aspek kesediaan pensyarah juga tidak kurang pentingnya. Ini adalah kerana pensyarah merupakan individu yang terpenting dalam pelaksanaan PBE ini. Tanpa kelibat pensyarah KKTm dan IKM, maka usaha pengarah untuk memastikan program PBE dapat dilaksanakan tidak akan berjaya. Ini terbukti bahawa melalui kajian ini, dapatkan menunjukkan bahawa kesediaan pensyarah merupakan perantara (mediator) di antara kepimpinan instruksional pengarah dengan pelaksanaan PBE di KKTm dan IKM. Tahap kesediaan pensyarah dalam kajian ini adalah dari aspek keusahawanan, memahami konsep PBE, kemahiran teknikal, inovasi dan kemahiran insaniah.

Semoga dengan hasil kajian ini, dapatlah ianya dijadikan sebagai garis panduan kepada organisasi MARA secara amnya dan organisasi KKTm dan IKM secara khususnya, untuk melihat bahawa tahap kepimpinan instruksional pengarah dan tahap kesediaan dalam kalangan pensyarah teknikal untuk melaksanakan program PBE dan seterusnya dapat memperolehi matlamat yang diharapkan. Semoga perlaksanaan program PBE ini dapat menghasilkan para graduan yang kompeten dari segi ilmu pengetahuan dan kemahiran teknikal seterusnya dapat mengeluarkan produk yang bermutu dan berkualiti.

RUJUKAN

- Acheson, K. A., & Smith, S. C. (1986). *It is time for principals to share the responsibility for instructional leadership with others*. Eugene, Oregon: Oregon School Study.
- Ang, J. E. J., & Balasandran Ramaiah (2009). *Kepimpinan Instruksional : Satu panduan praktikal*. KL:PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ang, J. E. J., & Balasandran Ramaiah (2012). *Kepimpinan Instruksional : Satu panduan praktikal*. KL:PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Arshad Khan. (2009). *2010 tahun kreativiti dan inovasi*. Dimuat turun dari: http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=1224&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_01.htm#ixzz43Sg3Ge6p © Utusan Melayu (M) Bhd
- Barbie, E. (2001). *Survey research methods*. California:Wordsworth.
- Baron, R. M., & Kenny, D. A. (1986). The moderator-mediator variable distinction in social psychological research: Conceptual, strategic and statistical considerations. *Journal of personality and social psychology*.
- Bennett, J. A. (2000). *Mediator and moderator variables in nursing research: Conceptual and statistical differences*. Research in Nursing & Health.
- Blase, J., & Blase, J. (1998). *Handbook of instructional leadership: How really good principals promote teaching and learning*. Thousand Oaks, CA: Corwin Press.
- Bossert, S., Dwyer, D., Rowan, B., & Lee, G. (1982). *The instructional management role of the principal*. Educational Administration Quarterly, 18, 34–64.
- Bryman, A. (2008). *Social Research Methods 3rd ed*. New York:Oxford University Press Inc.
- Bush, T. (2003). *Theories of educational leadership and management (3rd ed)*. London, UK: Sage
- Data Maklumat MARA (2013). Bahagian Kemahiran dan Teknikal MARA Edisi 1.

Chua, Y.P. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Asas statistik penyelidikan Buku 2*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Education.

Chua, Y.P. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah penyelidikan Buku 1*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Education.

Cohen, J. W. (1988). *Statistical power analysis for the behavioral sciences 2nd Ed.* Hillsdale, New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates.

Cooper, H. (1989). Synthesis of research on homework. *Educational Leadership*, 47, 85–91.

Creswell, J. W. (2008). *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research* (3rd ed.). NJ:Prentice Hall.

Creswell, J. W. (2009). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approach*. 3rd ed. CA:Sage

Creswell, J. W. (2012). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among the five traditions* (3rd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.

Edmonds, R, (1979). *Effective School for the Urban Poor*. Educational Leadership 40(3),hlm. 4-11

Gay, L. (1996). *Educational research: competencies for analysis and application*. Ed. ke-5. Upper Saddle River: Prentice Hall.

Glickman, C.D. (1985). *Supervision of instruction: A development approach*. Newton, MA: Allyn & Bacon.

Glosari Teknologi Pendidikan. (2005). Glosari Teknologi Pendidikan. Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Gordon, T. (1955) *Group-centered leadership – a way of releasing the creative power of groups*. Boston: Houghton Mifflin.

Greenfield, T. (1989) *Organizations as Social Inventions, in T. Bush (Ed.) Managing Education: theory and practice*. Milton Keynes: Open University.

Gugerty, J. (2008). Developing And Operating School-Based Enterprises That Empower Special Education Students To Learn And Connect Classroom, Community and Career-Related Skills. *The Journal For Vocational Special Needs Education Volume 31*. Numbers 1-3.

Hallinger, P. (2008). *Methodologies for studying school leadership: A review of 25 years of research using the Principal Instructional Management Rating Scale*. Paper presented at the annual meeting of the American Educational Research Association, New York.

Hallinger, P. (1992). The evolving role of American principals: From managerial to instructional to transformational leaders. *Journal of Educational Administration*.

Hallinger, P., and Murphy, J.F (1985). Assessing the instructional management behavior of principals. *The elementary School Journal*.

Hallinger, P., and Murphy, J. F. (1987). *Assessing and developing instructional leadership*. Educational Leadership, 45(1), 54–61.

Hallinger, P. (1982). *Resource Manual: The Principal Instructional Management Scale*. Center for the Advance Study of Educational Leadership, Vanderbilt University, Nasville, USA.

Hardiwatarama. (1993). *The Further Consequence of Transforming Practical Based Education into Production Based Education in Manufacturing Technology*. Feiseap Workshop on Regional Cooperationin Engineering Education. Cairns Queesland, Australia.

Heck, R. H., & Marcoulides, G. A. (1990). *Examining contextual differences in the development of instructional leadership and school achievement*. The Urban Review, 22(4), 247–265.

Hersey, P., & Blanchard, K. H. (1982). *Management of organizational behavior: Utilizing human resources* (4th ed.). Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.

Hoy, W. K., & Miskel, C. G. (2005). *Educational administration: Theory, research and practice* (7th ed.). New York: McGraw Hill.

Hussein Mahmod. (1989). *A study of principals perceptions of their competency and competency needs in instructional leadership*. Disertasi kedoktoran tidak diterbitkan. University of Michigan.

Hussein Mahmod. (1993). *Kepemimpinan dan Keberkesanan Sekolah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hussein Mahmod. (2008). *Kepemimpinan dan Keberkesanan Sekolah. Edisi kedua* Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hopkins, M.M. (2005). *The impact of gender, emotional intelligence competencies and style on leadership success*. USA:Case Western Reserve University.

Ismail Noor. (2004). *Passing the baton from Dr. Mahathir to Abdullah Badawi : a model for effective leadership succession*. Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd.

Jaafar Muhamad. (2007). *Kelakuan Organisasi*. Petaling Jaya: Leeds Publications.

Jamil Ahmad. (1993). *Tinjauan tentang kekangan-kekangan dalam perlaksanaan Sains KBSM di sekolah-sekolah menengah di Negeri Kedah Darul Aman*. Tesis sarjana, UKM.

James Ang Jit Eng., & Balasandran Ramiah. (2012). *Kepimpinan Instruksional: Satu panduan praktikal*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors.

Kamus Dewan. (2007). Edisi Ketiga.Kuala Lumpur. Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.

King, D. (2002). *The changing shape of leadership*. Educational Leadership, 59(8), 61–63.

Krejcie, R., & Morgan, D. (1970), *Determining sample size for research activities*. Educational And Psychological Measurement, 30, 607-610.

Laporan Institut Aminudin Baki. (2006), Standard Kompetensi Kepengetuaan Malaysia. Kementerian Pelajaran Malaysia

Laporan Bajet. (2010). Laporan Pembentangan Bajet 2010 oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Kementerian Kewangan Malaysia.

Latip Muhammad. (2007). Pelaksanaan Kepimpinan Pengajaran di Kalangan Pengetua Sekolah. *Seminar Penyelidikan Pendidikan*.

Leithwood, K. (1997). *The nature of leadership survey*. Unpublished manuscript, The Ontario Institute Studies in Education: University of Toronto at Toronto, Canada.

Lim, C.H. (2007). *Penyelidikan pendidikan: pendekatan kuantitatif dan kualitatif*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Education.

Little, J. W. (1990). The Persistence of Privacy: Autonomy and Initiative in Teachers' Professional Relations. *Teachers College Record* 91, 509–536.

MARA. (2011). Pelan Strategik MARA 2011 – 2020.

Mat Jusoh, M.S. (2009). *Identification Of Internal Level of Readiness In Implementing Acquired Technology of Production Based Education (PBE) System*. Malaysia: Universiti Teknologi MARA: Tesis Sarjana

Mohd Noh, N. (2008) *Penguasaan Kemahiran Insaniah Dalam Kalangan Pensyarah Terhadap Pengurusan Makmal Di Politeknik*. Tesis Sarjana. UTHM.

Mat Som, H. (2009). *Kesediaan Pelajar Tahun Akhir Bidang Teknikal Di UTHM Terhadap Peluang Pekerjaan*. Tesis Sarjana. UTHM.

Mc Ewan, E.K. (1998). *The Principal's Guide to Raising Reading Achievement*. California: Corwin Press, Inc.

Mc Ewan, E.K. (2003). *7 steps to effective Instructional Leadership*. California: Corwin Press, Inc.

Merriam, S.B. (2009). *Qualitative Research A Guide to Design and Implementation: Revised and Expanded from Qualitative Research Case Study Application in Education*. San Francisco : Jossey-Bass A Wiley Imprint.

Miles, M. B., & Huberman, A. M. (1994). *Qualitative Data Analysis: An Expanded Sourcebook*. 2nd ed. Thousand Oaks, Calif: Sage.

Mitchell, M., & Jolley, J. (2004). *Research design explained*. Ed. ke-5. New York: Thompson Learning.

Mitchell, C., & Joyce, C.B. (2005). *The instructional role of elementary school principals*. Canadian Journal of Education.

Mohd Nawawi Omar. (2013). *Amalan kepimpinan instruksional pengarah terhadap pemupukan inovasi kurikulum di Institut Kemahiran Mara Negeri Perak*, Tesis Sarjana Universiti Malaya.

Mohamad, J. (2000). *Kelakuan Organisasi*. Kuala Lumpur: Leeds Publications.

Mortimore, P. (1995). *Key characteristics of effective schools*. Seminar Sekolah Efektif Anjuran Kementerian Pendidikan pada 13-14 Julai 1995 di Institut Aminudin Baki.

Neumann, W. (2003). *Social research methods: qualitative and quantitative approaches*. Ed. ke- 5. Boston : Allyn and Bacon.

Nik Rashid Ismail. (2013). *Pengaruh Kompetensi Kecerdasan Emosi Terhadap Tingkah Laku Kepimpinan Transformasi Gerakan Koperasi Sekolah di Negeri Selangor*. Tesis PhD Universiti Malaya.

Nor Hartini Saari. (2010). *Artikel bertajuk Pembudayaan Inovasi dan Kreativiti dalam Organisasi*: Utusan Malaysia

Norasmah Osman., & Hariyaty Ab. Wahid. (2009). *Ciri-ciri Keusahawanan dan Gaya Pemikiran Keusahawanan Pengetua*, Tesis Ph.D UKM

Radin Umar R.S. (2006). Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk IPT. UPM.

Robbins, S. P. (2003). *Organizational behavior* (10th ed). New Jersey: Prentice Hall.

Robson, C. (2011). *Real world research: A resource for social-scientists and practitioner- researchers*. 3rd edition. Oxford: Blackwell Publishing.

Roger, E. M. (1971). *Innovation, organization and environment: a study of sixteen american and west european steel firms*. Sherbrooke: Université de Sherbrooke.

Rogers, E.M. (1995). *Diffusion of innovations*, 4th ed., NY: Free Press.

Ronald R., et. al (1983). *Desegregation Planning and Educational Equity*. Theory Into Practice Vol. XVII, No. 1

Roslee Talip. (2012) *Guru sebagai agen transformasi dalam inovasi kurikulum*. Utusan Borneo (25 April 2012). B4.

Rusidi Mustapha. (2014). *Kepimpinan instruksional pengetua dan komitmen guru di sebuah Maktab Sains MARA di negeri Kedah*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya

Sathiamoorthy, K. (2002). *Kajian kemampuan mengurus integrasi komputer di kalangan guru guru sekolah bestari*. Jurnal Pengurusan dan Kepemimpinan Pendidikan, Jilid 12, Bil 02. Kuala Lumpur: UM.

Sekaran, U. (2000), *Research method for business: A skill building approach (2nd. Ed)*. New York: John Wiley & Sons Inc.

Sekaran, U., & Bougie, R. (2009). *Research Methods for Business: A Skill Building Approach, 5th edition*, John Wiley & Sons Ltd., United Kingdom.

Shahril Marzuki. 1997. *Kajian sekolah berkesan di Malaysia: Model lima faktor*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Shharil @ Charil., Rahimah., & Hussein. (2010). *Kepimpinan pengetua menjana modal insan di sekolah berkesan*. Kuala Lumpur: PTS Profesional

Segiovanni, T.J. (1987). *The principalship*. Newton, MA: Allyn and Bacon.

Segiovanni, T.J. (2001), *Leadership: What's in it for Schools?* London and New York:Routledge Falmer.

Sergiovanni, T. J. (1990). *Value added leadership*. New York :Harcourt Brace Jovanovich.

Singh, M. (2008). School Enterprises And Sustainability: Challenges For Secondary And Vocational Education. Africa: Parallel Session 6B

Shabudin Said. (2012), *Tinjauan Terhadap Kesediaan Pensyarah Teknikal Melaksanakan Sistem Production Based Education (PBE) Di IKM Johor Bharu*, Tesis Sarjana UTHM.

Sheppard, B. (1996). *Exploring the transformational nature of instructional leadership*. The Alberta Journal of Educational Research, USA

Smith, W. F., & Andrews, R. L. (1989). *Instructional leadership: How principals make a difference*. Alexandria, VA: Association for Supervision and Curriculum Development.

Sodri Ariffin. (2002). *Keusahawanan: Rahsia Ke Puncak Kejayaan*. KL: Prentice Hall.

Spencer, W.R. (1994). *Innovation: the communication of change in ideas, practices and products*. London: Chapman and Hall.

Sri Mas Zarith Mahmud., Rohana Hamzah., & Amimudin Udin. (2011). Keusahawanan Dalam Pendidikan Teknik Dan Vokasional (PTV) Di Malaysia. *Journal of Edupres*, Volume 1 September 2011, Pages 209-213

Surat Pekeling Bahagian Perancangan Korporat Bil.1. (2011). Pelaksanaan Pelan Transformasi Strategik Mara 2011 – 2020.

Suria Baba., & Marohaini Yusoff. (2011). *Engaging student in using Software Aided: Friendly and Rigor. Computer-Aided Qualitative Research Asia 2011*. Meeting the challenges and opportunities of integrating software into qualitative research 24-25 February, Macau.

Sumarni Junin. (2000). *Kebimbangan dan punca-puca kebimbangan di kalangan pelajar di sebuah sekolah menengah harian Kuala Lumpur*. Kertas projek. Universiti Malaya

Triatmoko, S.J.B.B. (2010). *The ATMI Story – Rainbow of Excellence*. Indonesia: Akademi Tehnik Mesin Industri (ATMI).

Unit Perancang Ekonomi. (1991). *Wawasan 2020, 1991 – 2020*. Dimuat turun dari <http://www.epu.gov.my/wawasan-2020-1991-2020>

Wan Nor Ashikin Abu Kassim. (2012). *Kepimpinan Instruksional dalam Mengelarkan Prestasi Akademik SBT di Daerah Hulu Langat*. Tesis Sarjana tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Wan Hanafi, H.H. (2006). *Penerapan Elemen Kemahiran “Employability” Dalam Program “School-Based Enterprises” Melalui Matapelajaran Vokasional (MPV)*. UTM: Tesis Sarjana Pendidikan.

Watisin, W. (2011). *Perlaksanaan Program Pembelajaran Berasaskan Kerja Di Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka: Satu Kajian Kes*. Tesis Sarjana. UTHM

Wood, K. (1984). *Probable Passage: A Writing Strategy*. The Reading Teacher, 37, pp. 496–499.

Yukl, G. (1989). Managerial Leadership: a review of theory and research. *Journal of Management*, Vol. 15 Issue 2, p.251-290

Yukl, G. (2002). *Leadership in organizations*. 5th ed. Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall.

Yusoff, M. (2006), Tahap Keyakinan Kemahiran Generik Di Kalangan Pelajar: Kajian Kes Di Salah Sebuah Kolej Kediaman Di UTM. Tesis Sarjana UTM.

Zaini Ujang. (2009). *Universiti, Kreativiti, Inovasi*. Skudai: Penerbit UTM Press.

Zaini Ujang. (2010). *Budaya Inovasi- Prasyarat Model Baru Ekonomi*. Skudai, Johor: Penerbit UTM.

Zuraidah Abdullah., & Rahimah Ahmad. (2006). *Kajian terhadap komuniti pembelajaran professional sekolah menengah harian di Malaysia*. KL:Jurnal Pemimpin Institut Pengajian Kepengetuaan, Universiti Malaya.